

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. K... 85 Le
No Perolehan: T 0954
Tarikh: 16 MAR 1986

KAMPUNG PERMATANG JANGGUS: SATU KAJIAN KES DARI ASPEK SOSIAL
DAN EKONOMI

LEE JOO ENG

NO. MATRIK: 042581

Latihan Ilmiah Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESI 1985/86

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Mohd. Fauzi Yaacob, selaku penyelia tesis, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan kritikan yang membina sepanjang penulisan latihan ilmiah ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Encik Ahmad Rushdi bin Haji Ahmad, Penghulu Mukim Dua, Encik Hussein bin Kassim, Ketua Kampung Permatang Janggus dan Encik Idris bin Mat Kassim, Penolong Pegawai Daerah Butterworth, yang telah sudi membenarkan saya melakukan kajian di tempat tersebut serta membantu dalam memberikan maklumat-maklumat penting, khasnya dari segi pentadbiran.

Seterusnya, rasa terhutang budi dan terima kasih adalah khas ditujukan kepada Encik Harun bin Hamid yang telah banyak memberi maklumat penting serta turut bersusah-payah membantu saya menyiapkan latihan ini. Ingin juga saya menghulurkan ucapan terima kasih kepada Institut Pengajian Tinggi atas bantuan kewangannya dalam menjayakan kerja lapangan ini.

Kepada penduduk Kampung Permatang Janggus, terima kasih diucapkan atas kerjasama dan layanan yang sabar yang telah ditunjukkan selama kajian lapangan dijalankan.

Akhir sekali, kepada rakan-rakan seperjuangan serta semua pihak yang terlibat baik secara langsung maupun secara tidak langsung, di mana anda berada, "Thank you - from the bottom of my heart".

Lee Joo Eng

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

7hb Januari 1986.

Sinopsis

Latihan ini mengandungi lima bab. Bab 1 menghuraikan tujuan dan kepentingan kajian, teknik pengumpulan data serta kesulitan yang dihadapi semasa menjalani kajian.

Bab 2 pula memberikan gambaran am mengenai latarbelakang tempat kajian, iaitu Kampung Permatang Janggus (KPJ). Antara kandungan bab ini termasuklah sejarahnya, kedudukannya dalam pentadbiran Seberang Prai, kedudukan geografi, penduduk dan pekerjaan serta kemudahan-kemudahan yang terdapat di situ.

Bab 3 pula menumpukan kepada aspek sosial KPJ sebagai ekoran dari bab 2. Aspek-aspek yang diperhatikan termasuklah struktur demografi dan bentuk famili serta mobiliti geografi. Kedua-dua hubungan sosial di kampung, baik 'formal' atau 'informal' serta hubungan dengan luar kampung juga dibincang dalam bab ini. Ia juga menyentuh aspek pelajaran, pemilikan harta dan pembentukan klas/status serta sikap dan nilai sebagai mendapatkan gambaran yang menyeluruh dari segi sosial berhubung dengan KPJ.

Dalam bab 4, perhatian dialihkan kepada aspek ekonomi. Ketigatiga faktor pekerjaan, cara pemilikan tanah dan pendapatan yang saling berkait diberi tumpuan di sini. Seterusnya aspek-aspek perbelanjaan, tabungan dan hutang juga dibincang. Ini diikuti dengan perbincangan mengenai mobiliti sosio-ekonomi.

Bab 5, sebagai bab terakhir, merumus serta memberi interpretasi mengenai kedudukan sosio-ekonomi penduduk KPJ.

KANDUNGAN

				<u>Mukasurat</u>
Penghargaan	(i)
Sinopsis	(ii)
Daftar Kandungan	(iii)
Daftar Jadual	(vi)
Daftar Gambarajah	(viii)
Daftar Peta	(ix)
Daftar Gambar	(x)

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian	1
1.2 Teknik Pengumpulan Data	3
1.3 Kesulitan yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian				7

BAB 2: LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN: KAMPUNG PERMATANG JANGGUS

2.1 Sejarah	10
2.2 Corak dan Kedudukan KPJ Dalam Pentadbiran Seberang Prai	11
2.3 Kedudukan Geografi	13
2.4 Penduduk dan Pekerjaan	14
2.5 Pengangkutan dan Perhubungan	15
2.6 Kemudahan Asas	17
2.7 Kemudahan Sosio-Ekonomi	17

BAB 3: ASPEK SOSIAL KAMPUNG PERMATANG JANGGUS

3.1	Struktur Demografi	21
3.2	Bentuk Famili	22
3.3	Tempat Asal dan Mobiliti Geografi	28
3.4	Hubungan Sosial di Kampung	32
3.41	Hubungan 'informal'	33
3.42	Hubungan 'formal'	36
(a)	Jawatankuasa Khariah Mesjid	36
(b)	Persatuan Khairat Kematian	39
(c)	Persatuan Belia 4B	40
(d)	Persatuan Peladang	41
(e)	KEMAS	41
(f)	Persatuan Ibu-Bapa Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus	42
(g)	Syarikat Kerjasama Serbaguna	43
(h)	UMNO	44
3.5	Hubungan dengan Luar Kampung	44
3.6	Pelajaran	50
3.61	Pelajaran Bapa Responden dan Responden	51
3.62	Pelajaran Anak Responden	53
3.7	Pemilikan Harta dan Pembentukan Klas/Status	60
3.8	Sikap dan Nilai	67
3.9	Kesimpulan	71

BAB 4: ASPEK EKONOMI KAMPUNG PERMATANG JANGGUS

4.1	Pekerjaan	73
	4.11 Pekerjaan Utama	74
	4.12 Pekerjaan Sambilan	78
4.2	Corak Pemilikan Tanah	82
	4.21 Bertani Sebagai Pekerjaan Utama			83
	4.22 Hubungan Luas Tanah yang dikerjakan dengan Pekerjaan Sambilan	84
	4.23 Bertani Sebagai Pekerjaan Sambilan	...			85
4.3	Pendapatan	86
	4.31 Pendapatan Ketua Keluarga	87
	4.32 Pendapatan Se Isirumah	91
	4.33 Pendapatan Isirumah dan Bilangan Tanggungan				92
	4.34 Pendapatan Isirumah Per Kapita		94
4.4	Perbelanjaan, Tabungan dan Hutang	95
4.5	Mobiliti Sosial	105
4.6	Kesimpulan	111

BAB 5: KESIMPULAN

5.1	Rumusan dan Penutup	114
-----	---------------------	-----	-----	-----	-----

LAMPIRAN SOAL SELIDEK

BIBLIOGRAFI	126
-------------	-----	-----	-----	-----

DAFTAR JADUAL

<u>Jadual</u>	<u>Tajuk</u>	
1	Sektor Pekerjaan Penduduk KPJ	14
2	Struktur Penduduk Berdasarkan 50 Keluarga Responden	21
3	Bentuk Famili 50 Responden	24
4	Tempat Asal 50 Responden	28
5	Tempat Tinggal Anak-anak Responden	29
6	Pecahan Mengikut Jantina dan Tempat Tinggal Anak-anak Lepasan Sekolah	30
7	Bilangan Responden yang pernah atau tidak pernah keluar Mukim (berdasarkan tahun 1984)	45
8	Taraf Pelajaran Responden dan Bapa Responden Masing-masing	51
9	Taraf Pelajaran Anak-anak Responden	53
10	Keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5 (1980-84), Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus	55
11	Keputusan Peperiksaan SRP (1980-84), Sekolah Menengah Sri Muda, Penaga	56
12	Pencapaian Peperiksaan SPM (1980-84) Sekolah Menengah Sri Muda, Penaga	57
13	Corak Pemilikan Harta (petunjuk sosial) 50 Responden	68
14	Pekerjaan Utama 50 Responden	74
15	Pekerjaan Sambilan mengikut Jenis Pekerjaan Utama 50 Responden	79
16	Corak Pemilikan serta Luas Tanah yang Dikerjakan oleh 26 Responden Pesawah	83
17	Hubungan Corak Pemilikan dan Luas Tanah dengan Pesawah yang mempunyai Pekerjaan Sambilan	85
18	Corak Pemilikan Tanah dan Luas Tanah untuk Pesawah Sambilan	86

Mukasurat

19	Pendapatan Bulanan Ketua Keluarga	87
20	Pendapatan Isirumah dan Bilangan Tanggungan Keluarga Responden	92
21	Pendapatan Isirumah Per Kapita	94
22	Tingkat Perbelanjaan Berbanding dengan Pendapatan Ketua Keluarga	98
23	Bilangan Responden yang Membuat Tabungan	100
24	Corak Tabungan Dalam ASN	101
25	Corak Tabungan Dalam Bentuk Simpanan Wang	102
26	Corak Tabungan Dalam Bentuk Barang Kemas	102
27	Jumlah Pinjaman yang diperolehi	103
28	Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden...			106
29	Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden...			108
30	Mobiliti Pekerjaan Intragenerasi 50 Responden...			109
31	Mobiliti Pekerjaan Intragenerasi 50 Responden...			110

DAFTAR GAMBARAJAH

<u>Gambarajah</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
1	Carta Pentadbiran Jawatankuasa Khariah Mesjid	37
2	Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden	108
3	Mobiliti Pekerjaan Intragenerasi 50 Responden	111


DAFTAR PETA

<u>Peta</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
1	Semenanjung Malaysia: Kedudukan Seberang Prai	xi
2	Pulau Pinang dan Seberang Prai: Kedudukan Mukim Dua	xii
3	Pulau Pinang dan Seberang Prai: Kedudukan Kampung Janggus	xiii
4	Kampung Permatang Janggus	xiv


DAFTAR GAMBAR

<u>Gambar</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
1	'Pekan' Kampung Permatang Janggus	19
2	Jalan (Masuk) Utama KPJ	19
3	Mesjid di Kampung, Berhadapan dengan Padang Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus	20
4	Sebuah Kedai Runcit di Tengah-Tengah Kampung	20
5	Bentuk Sebuah Rumah yang Lazim Kedapatan di Kampung Permatang Janggus	63
6	Sebuah Pondok yang Diduduki oleh 11 Orang Ahli Keluarga	63
7	Sebuah Bilik Air/Perigi	64
8	Tandas Curah di Belakang Rumah	64

PETA 1 : SEMENANJUNG MALAYSIA : SEBERANG PRAI



PETA 2: PULAU PINANG DAN SEBERANG PRAI: KEDUDUKAN MUKIM DUA




PETA 3: KEDUDUKAN KAMPUNG PERMATANG JANGGUS
 PETA HITUNGAN-KILOMETER JALAN RAYA
 LAU PINANG DAN SEBERANG PERAI

Skala: 1:150,000

5 0 5 10 KM.

Hakciptan Kerajaan Terpelihara Kebenaran Pengaroh Permatang, Negeri Malaysia.
 Haribada bukunya boleh dimuat naik atau sebahagian daripadanya dihasilkan




SELAT MELAKA
 STRAITS OF MELAKA

RUTA RAYA		PERAI
13.7	BUTTERWORTH	
203	6	PERAI
18.8	13.9	10.3
30.6	20.9	17.3
37.8	28.4	11.8

BT MERTAJAM SIMPANG EMPAT

PETA 4 : Kawasan Kampung Permatang Janggus (tidak berskala)



PETUNJUK

- [Shaded grey] Tanah kediaman
- [White] Tanah sawah
- [Pink] Jalananaya
- [Blue] Sungai
- [Black] Bangunan kedai
- [Black line] Jalan kampung
- [Wavy line] Jambatan

- Rumah kediaman
- (KP) Kilang padi
- (JD) Klinik Jururawat Desa
- (M) Masjid
- (S) Sekolah
- (SL) Sekolah lama
- (SU) Sekolah ugama Tuan Hj. Majid
- (SK) Syarikat Keyjasama serbaguna
- (BB) Bengkel Belia 4B
- (R) Surau

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan dan Kepentingan Kajian

Latihan ini merupakan satu kajian kes di Kampung Permatang Janggus, Seberang Prai Utara. Ianya bertujuan untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas mengenai beberapa aspek kehidupan masyarakat di kampung, terutama sekali mengenai aspek-aspek sosial dan ekonomi.

Terdapat tiga ciri utama yang menonjol berhubung dengan Kampung Permatang Janggus. Pertama-tama, ianya terletak di luar bandar dan agak terpencil. Kedua, lebih daripada 60% penduduknya menjalani kegiatan menanam padi. Akhir sekali, penduduk kampung ini terdiri lebih daripada 90% orang Melayu.¹

Penulis akan cuba memberi interpretasinya sendiri dalam menghuraikan keadaan hidup penduduk. Selain dari itu, dimana perlu, beberapa saranan juga dikemukakan.

Masyarakat Melayu merupakan tumpuan kajian yang popular di kalangan ahli antropologi dan sosiologi. Penulisan yang awal ke atasnya dimulakan selepas Perang Dunia Pertama dan sehingga hari ini masih diteruskan. Aspek-aspek kajian yang dilakukan berbeza-beza, iaitu daripada apa yang dianggap ganjil seperti kepercayaan dan magis sehingga kepada

¹Hanya terdapat satu keluarga Cina dan tidak kedapatan keluarga bukan-Melayu lain di sini.

politik masyarakat Melayu (S. Husin Ali; 1964:1-3).

Kajian dan penulisan berhubung dengan aspek sosial dan/atau ekonomi juga banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Parkinson, Swift, Firth, Wilson, Gamba, Bailey dan Anand. Sementara pengkaji tempatan pula termasuklah Za'ba, S.H. Alatas dan Ungku Aziz yang merupakan 'pakar' dalam membincang kemiskinan kaum tani khasnya, S. Husin Ali yang juga banyak menulis mengenai keadaan hidup masyarakat Melayu dan lain-lain seperti Mazidah Zakaria, Mohd. Fauzi, Yaacob Mohd. Nor Ghani dan Hussein Muhammad. Sesungguhnya, senarai penulis tempatan amatlah panjang dan tidak terdaya dimuatkan di sini kesemuanya.

Memandangkan sumbangan yang begitu banyak yang telahpun pernah dijalankan golongan yang fasih dan berpengetahuan dalam bidang kajian masyarakat Melayu, maka pasti akan terdapat kekurangan dan kelemahan dalam latihan ini lebih-lebih lagi ianya merupakan usaha pengkaji buat pertama kalinya.

Namun demikian, ianya diharap dapat sedikit sebanyak menambah pengetahuan umum mengenai kehidupan di sebuah kampung. Setahu penulis, Kampung Permatang Janggus masih belum pernah dijadikan kes kajian oleh mana-mana pihak. Mungkin agaknya di sini letak sumbangan kajian ini kepada penulisan-penulisan yang sudah ada.

Adalah diharapkan latihan ini dapat memberi pengertian tentang masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Permatang Janggus. Pembuat polisi mungkin dapat sedikit sebanyak menggunakan maklumat yang terkandung dalam latihan ini sebagai panduan semasa membuat atau menyemak perancangan pembangunan.

Setidak-tidaknya, ianya diharap dapat dilihat sebagai sumbangan ikhlas penulis sebagai usaha ke arah menambah serta memperdalam lagi pengetahuan khasnya mengenai masyarakat Melayu di Malaysia.

1.2 Teknik Pengumpulan Data

Seramai 50 orang responden dipilih untuk dikaji. Mereka dipilih secara bukan-rawak (non-random). Kajian ini adalah satu kajian kes, seperti yang dinyatakan oleh Goode dan Hatt,

"It is a way of organising social data so as to preserve the unitary character of the social object being studied... It is an approach which views any social unit as a whole." (1952:331)

(a) Soal-selidek (questionnaire)

Secara amnya soal-selidek mengandungi dua jenis soalan, iaitu soalan tertutup (close-ended) dan soalan terbuka (open-ended). Soalan tertutup bertujuan untuk memperolehi maklumat-maklumat objektif responden

seperti umur, jantina, taraf pelajaran, pekerjaan dan pendapatan. Jawapan adalah disediakan dan responden hanya diperlukan menyatakan jawapan atau kategori mana bersetujuan dengannya. Jawapan kepada soalan-soalan ini dengan mudah dapat diperturunkan ke dalam bentuk jadual kerana sifatnya yang kuantitatif.

Soalan terbuka digunakan untuk mendapatkan maklumat yang bersifat subjektif, biasanya menyentuh hal-hal pendapat dan pengalaman. Berbeza dengan soalan tertutup, jawapan kepada soalan-soalan terbuka tidak disediakan. Ini adalah memandangkan jawapan yang diberi mungkin berbeza-beza dari satu sama lain. Tambahan pula, ia lazimnya berbentuk huraian atau penjelasan yang panjang lebar.

(b) Temubual (interview)

Seperti soal-selidek, temubual juga dibahagi kepada dua jenis: umumnya 'formal' dan 'informal'. Dalam temubual 'formal', perbualan adalah berasaskan soalan-soalan berbentuk 'structured' yang telahpun disediakan terlebih dahulu untuk membolehkan penulis mengawal perbualan itu. Manakala dalam temubual 'informal' perbualan adalah secara spontan.

Temubual 'formal' bertujuan mendapatkan maklumat-maklumat yang spesifik yang dipercayai dapat diberikan oleh responden tertentu. Biasanya temubual 'formal' melibatkan pegawai-pegawai, penghulu, ketua kampung, guru besar dan sebagainya serta penjelasan dari mereka bersabit dengan bidang pekerjaan yang diceburinya ataupun kedudukannya dalam masyarakat. Misalnya temubual untuk mendapatkan maklumat mengenai

pencapaian murid-murid sekolah, projek-projek atau aktiviti-aktiviti satu-satu badan kerajaan ataupun perangkaan terbaru mengenai aspek-aspek tertentu tempat kajian yang tidak dapat diperolehi dari saluran biasa.

Sebaliknya, temubual 'informal' boleh berlaku di mana-mana sahaja dan dengan sesiapa juga. Sifatnya yang fleksibel dan 'unstructured' menjadikannya seolah-olah perbualan titik-bengit. Misalnya, semasa penulis berehat-rehat di kedai ataupun semasa responden sedang menyidai kain-baju.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang ia dapat menarik perhatian penulis kepada perkara yang tidak terlantas dalam fikirannya ataupun kesedaran tentang wujudnya sesuatu persatuan atau perkhidmatan di tempat kajian tersebut.

(c) Pemerhatian

Penulis mengambil masa hampir dua bulan untuk melengkapkan kerja lapangan. Semasa membuat lawatan ini, cara pemerhatian digunakan untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan hidup penduduk di kampung tersebut. Ia memberi peluang untuk menilai maklumat yang diberi oleh responden dalam konteks keadaan yang diperhatikan supaya maklumat itu selaras dan tepat dengan keadaan yang sebenarnya. Pemerhatian juga membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat tambahan yang mungkin tidak diceritakan oleh responden, umpamanya keadaan dalam rumah seperti jenis kelengkapan yang ada di dalamnya atau samada atap rumah diperbuat dari pada nipah atau zing.

Webbs dalam 'Methods of Social Study' menyatakan,

"An indispensable part of the study of any social institution, wherever this can be obtained is deliberate and sustained personal observation of its actual operation..... parts or particular manifestations of the institution will be open, under one excuse or another to close and prolonged inspection from which the investigator may learn a lot. He clarifies his ideas, which gain in precision and discrimination." (J. Madge; 1953:118)

(d) Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan melibatkan rujukan kepada:-

- (i) latihan ilmiah yang lepas
- (ii) karya terbitan
- (iii) lapuran resmi kerajaan
- (iv) kertas kerja seminar, forum atau konvensyen
- (v) majalah dan jurnal
- (vi) artikel suratkhabar

Rujukan demikian adalah bertujuan mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan topik kajian. Sumber rujukan seperti latihan ilmiah yang lepas dan karya terbitan membantu memberikan gambaran umum terhadap masalah yang dikaji dan untuk mengetahui apakah aspek-aspek yang telahpun ditekankan dalam kajian tersebut. Dengan ini, diharap penulis dapat

samada memperkuatkan atau menolak rumusan yang telahpun dikemukakan oleh penulis lain. Ringkasnya, J.S. Komidar menyatakan,

"It provides further orientation to the problem, and at the same time eliminates the possibility of unnecessary duplication of effort..... valuable information on research techniques may be gained from reports of previous research." (Goode dan Hatt; 1952:103)

(e) 'Key informant'

Penulis juga bertuah mendapatkan bantuan dari seorang 'key informant'. Beliau adalah seorang anak jati di kampung ini dan pernah memegang jawatan Pengerusi Persatuan Belia 4B beberapa kali berturut-turut. Oleh itu, beliau sangat 'knowledgeable' dan 'well-versed' dalam hal-hal bersabit dengan kampung ini. Tambahan pula, ia mudah memahami mengapa penulis memerlukan satu-satu penjelasan dan ini menjimatkan masa.

1.3 Kesulitan Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Kajian

Penulis menghadapi beberapa masalah semasa menjalankan kerja lapangan. Pertama, masalah kesahihan dan ketepatan jawapan yang diberikan. Terkandung dalam soal-selidek beberapa soalan peribadi yang memerlukan penjelasan yang panjang-lebar. Misalnya, kebanyakan responden tidak suka menyatakan kepada orang lain berapa pendapatannya sebulan. Oleh itu, penulis terpaksa menganggap jawapan yang diberi itu benar. Tetapi jika

penulis terlalu ragu-ragu dengan jawapan yang diberi, penulis akan menggunakan budibicaranya untuk memujuk mereka menjawab dengan tepat soalan yang ditanya. Namun, penulis agak 'segan' menyuarakan keraguannya sebab takut menyinggung perasaan mereka nanti - 'seolah-olah tidak mempercayai mereka pulak! Ataupun, penulis 'menyemak' semula jawapan yang diberi dengan jiran-jirannya melalui perbualan 'informal'. Walau bagaimanapun, setengah maklumat itu boleh disahkan kesahihannya melalui pemerhatian.

Seterusnya ialah masalah mengekalkan perhatian mereka untuk menghabiskan semua soalan yang terkandung dalam soal-selidek. Menjawab semua soalan ini bukan sahaja memerlukan masa yang agak lama tetapi juga penjelasan yang panjang-lebar bagi setengahnya. Beberapa soalan nampaknya dianggap remeh dan ada pula yang geli hati apabila ditanya soalan-soalan tersebut. Misalnya, 'bila rumah didirikan' dan 'belanja mendirikan rumah'. Perkara ini biasanya tidak diketahui oleh mereka yang menyewa sahaja sebab bukan merupakan tanggungjawab mereka. Begitu juga mereka yang telah menduduki rumah itu sejak turun-temurun lagi.

Di samping itu, timbul juga keadaan di mana responden tidak memahami soalan yang ditanya atau pun apa yang dikehendaki daripada mereka. Oleh itu, penulis terpaksa menjelaskan soalan tersebut dalam bahasa daerah yang mudah mereka memahami.

Selain dari itu, berlaku beberapa kes di mana penulis terpaksa melawat rumah yang sama untuk beberapa kali untuk menemui seorang responden. Keadaan ini disebabkan kebanyakan masa dihabiskan di sawah

khasnya penanam padi. Kebetulan pada masa kajian dijalankan ialah musim menuai dan kerja menuai tidak boleh ditangguh tetapi dihabiskan secepat mungkin.

Pada mulanya, ada orang kampung yang menganggap penulis sebagai penjual dari pintu ke pintu dan ada pula yang menganggapnya sebagai agen kerajaan seperti pegawai benci atau pegawai cukai pendapatan. Di kalangan penduduk yang agak 'susah'kehidupannya, sengaja akan diburukkan ataupun diperbesarkan lagi keadaan susah yang dialami. Ini dilakukan dengan harapan mendapat bantuan dari pihak berkenaan. Sebaliknya, mereka yang menganggap penulis sebagai pegawai kerajaan pula akan menyatakan jumlah pendapatan yang kurang daripada sebenarnya.

Walau bagaimanapun, setelah beberapa kali menjelaskan tujuan kajian penulis berjaya juga akhirnya memperolehi keyakinan penduduk KPJ. Lebih-lebih lagi, dengan kerjasama dari mereka di kalangan penduduk kampung yang betul-betul memahami tujuan sebenar penulis yang telah membantu menjelaskan perkara itu kepada penduduk kampung yang lain.

BAB 2

LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN

Dalam bab ini, beberapa aspek utama berkenaan Kampung Permatang Janggus (KPJ) akan diuraikan, termasuk sejarahnya, kedudukannya, penduduk dan kemudahan-kemudahan yang wujud di kampung tersebut¹.

2.1 Sejarah KPJ

Kampung ini dipercayai mula-mula dihuni oleh sejumlah penduduk yang dianggarkan seramai 200 orang. Kesemua mereka menjalani kegiatan bersawah sebagai aktiviti ekonomi yang utama. KPJ mula menjadi terkenal pada tahun 1894 setelah seorang bangsa Indonesia, Tuan Hj. Majid datang ke kampung ini lalu mendirikan sebuah sekolah pondok yang dinamakan Sekolah Ugama Tuan Hj. Majid. Sejak dari itu, ramai penduduk dari seluruh pelusuk rantau Melayu² mengunjungi kampung ini dengan tujuan menimba ilmu ilmu keugamaan sehingga pada satu ketika, sebanyak 200 buah pondok didirikan untuk memenuhi keperluan dan sambutan yang begitu baik sekali.

¹ Maklumat-maklumat ini adalah berdasarkan beberapa temubual dengan Penghulu Mk. 2, Encik Ahmad Rushdi bin Hj. Ahmad, Pengerusi JKKK, Encik Hussein Kassim, dan Encik Idris Mat Kassim, Penolong Pegawai Daerah Butterworth.

² Iaitu selain dari negeri-negeri Tanah Melayu seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Kedah, pengunjung yang datang itu termasuk juga mereka dari Indonesia.

Berkenaan nama kampung ini pula, ia adalah dipercayai bahawa ianya diasaskan pada keadaan kampung pada suatu ketika dulu di mana permatang-permatang yang membentuk tanah kediaman penduduk kampung ini yang lebat ditumbuhi pokok-pokok janggus (ganjus).

2.2. Corak dan Kedudukan KPJ Dalam Pentadbiran Seberang Prai

KPJ terletak di Mukim 2, Seberang Prai Utara.³ Kedudukannya adalah agak ke utara, iaitu menghampiri Sungai Muda yang merupakan sempadan pemisah antara Kedah dan Seberang Prai.

Mukim 2 adalah salah satu daripada 16 mukim yang terdapat di Seberang Prai Utara.⁴ KPJ terletak di bawah pentadbiran Penghulu

³ Kawasan Seberang Prai Utara dibahagikan kepada 3 daerah utama, iaitu Seberang Prai Utara, Tengah dan Selatan. Lihat juga Peta 2: Pulau Pinang dan Seberang Prai: Kedudukan Mukim Dua ms.xii.

⁴ Luas Daerah Seberang Prai Utara adalah 26,263.4 hektar dan ia dibahagikan kepada 16 mukim. Setiap mukim terdiri daripada beberapa kampung. Dua atau lebih mukim diletak bawah pentadbiran seorang atau dua Penghulu. Terdapat 6 orang Penghulu bagi Daerah Utara, iaitu:-

Penghulu Kuala Muda	- Mukim (Mk) 1 dan 2 .
Penghulu Penaga	- Mk 4 dan 5.
Penghulu Kepala Batas	- Mk 3, 6, 8, 11 dan 12.
Penghulu Sg. Dua	- Mk 10, 11, 13 dan 16.
Penghulu Bagan dan Bandar Butterworth	- Mk 7, 9, 10 dan 16.

Perlantikan Penghulu diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Kuala Muda yang pada masa yang sama adalah juga penghulu untuk kedua-dua Mukim 1 dan 2. Ini adalah pentadbiran pada peringkat mukim.

Pada peringkat kampung pula, KPJ ditadbir bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Selain dari KPJ, terdapat 7 buah kampung lain yang menganggotai JKKK tersebut.⁵ Setiap kampung menghantar sekurang-kurangnya seorang wakil ke JKKK.⁶ Wakil atau wakil-wakil ini juga menjadi ketua kampung di kampung masing-masing.

KPJ diwakili oleh 3 orang ahli, dimana salah seorang darinya, selain dari memegang jawatan Ketua Kampung, dilantik sebagai Pengerusi JKKK.⁷

⁵ Sebenarnya kelapan-lapan kampung (termasuk KPJ) tersebut membentuk keseluruhan Mk 2, iaitu:-

	Nama Kampung	Bilangan AJK
1.	KPJ (termasuk Pengerusi)	3 orang
2.	Kg. Lembah	2
3.	Guar Tuan Syed	2
4.	Lahar Minyak	2
5.	Pengkalan Bongor	2
6.	Guar Kepar	1
7.	Paya Cina	2
8.	Dusun Ladang, Bumbong Lima	1

⁶ Bilangan wakil adalah ditetapkan bergantung kepada 'keperluan kampung'. Lebih ramai penduduk kampung, maka lebih ramai wakil diperlukan dalam menguruskan hal pentadbiran kampung. Senarai bilangan Ahli Jawatankuasa (AJK) adalah seperti di atas.

⁷ Perlantikan Pengerusi dilakukan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang atas cadangan Pejabat Daerah.

Tugas JKKK termasuklah menyalurkan bantuan dan sumbangan kerajaan kepada kampung-kampung terlibat. Ia juga memainkan fungsi sebagai agen dalam menyampaikan maklumat-maklumat kerajaan di samping melaporkan segala keperluan dan kekurangan yang terdapat di kampung supaya langkah yang selanjutnya dapat diambil untuk memperbaiki atau memperbetulkan keadaan yang wujud. Ia juga memainkan peranan dalam mengwujudkan suasana yang harmoni dan bersatupadu di kalangan penduduk kampung terutamanya dari segi keperluan fizikal yang asas seperti jalan, bekalan air dan elektrik serta kemudahan tandas curah.

2.3 Kedudukan Geografi

KPJ terletak 17 batu ke utara Butterworth, iaitu pada satu bahagian jalanraya yang menuju ke Kampung Lahar Minyak⁸. Di bahagian jalan ini, kedua-dua sebelah-menyebelah jalan membentuk kawasan KPJ. Kampung ini agak terlindung dari kesibukan lalulintas khasnya Lebuhraya Utara-Selatan yang dianggarkan 10 batu jauhnya dari KPJ.

Ke utara dan barat, ia disaliri oleh Sungai Titi Serdang, di sebelah timur oleh taliair sawah dan di bahagian selatan pula ia di sempadani Sungai Tembus(u)⁹.

Luas KPJ adalah 480 ekar. Penggunaan tanah adalah dicirikan dengan sawah-sawah padi dan tanah kediaman. Tanah padi membentuk 60% dari jumlah luas tanah kampung. Manakala, yang selebihnya, iaitu 40% terdiri daripada tanah kediaman. Di tanah kediaman ini, selain dari tapak rumah

⁸Lihat Peta 3: Pulau Pinang dan Seberang Prai: Kedudukan KPJ, ms.xiii.

⁹Lihat Peta 4: KPJ, ms. xiv.

ianya juga ditanami pokok-pokok kelapa, buah-buahan seperti pisang dan rambutan, pokok-pokok rendang dan lain-lain pucuk-pucuk kayu yang tumbuh secara liar. Ringkasnya, tanah kediaman adalah terbentuk di permatang-permatang yang seterusnya pula dikelilingi dengan tanah-tanah sawah padi yang lebih rendah.

Tanah bendang bagi Permatang Janggus ditetapkan sebagai Kelas 1 mengikut Gazet No. Pg. P.U. 40 yang bertarikh 16hb Ogos, 1973 dan kawasan tanaman dua kali setahun sebagaimana mengikut Gazet Pg. P.U. 41 yang bertarikh 16hb Ogos, 1973.¹⁰

2.4 Penduduk dan Pekerjaan

Jumlah penduduk KPJ ialah 1,480 orang. Dari segi bilangan keluarga pula, jumlahnya adalah 168 dan kesemua penduduk adalah kaum Melayu, kecuali satu keluarga Cina.

Kegiatan ekonomi yang diceburi oleh penduduk kampung adalah berbeza-beza. Ini ditunjukkan oleh jadual di bawah:-

Jadual 1: Sektor Pekerjaan Penduduk KPJ

Sektor	Peratus (%)
Pertanian (penanaman padi)	62.1
Perusahaan	12.1
Perniagaan	8.0
Perkhidmatan (kerajaan dan swasta)	15.3
Tidak bekerja	2.5
Jumlah	100

¹¹ Sumber: Soal-selidek berdasarkan senarai 'listing'

¹⁰ Sumber: Encik Md. Zain bin Abdullah, Pegawai Penguatkuasa, Akta Penanam Padi, Seberang Prai/Pulau Pinang.

¹¹ Jadual ini adalah berdasarkan analisis soal-selidek. Begitu dengan jadual-jadual lain di sepanjang latihan ini kecuali jika disebutkan sebaliknya.

Menanam padi merupakan kegiatan ekonomi yang paling dominan di KPJ, di mana lebih daripada 60% penduduk terlibat dalamnya. Kegiatan ekonomi yang kedua penting di kampung ini ialah sektor perkhidmatan di mana sektor kerajaan menyumbangkan sebahagian besar daripada jumlah pekerjaan di bidang ini, misalnya guru, ahli bomba, askar, buruh dan sebagainya. Sumbangan dari pihak swasta pula termasuk drebar bas, pengutip tiket bas dan seterusnya.

Selain dari itu sektor perusahaan juga mempunyai pengaruh ke atas penduduk di sini. Sebagai contoh dalam bidang pembinaan (seperti buruh binaan) dan perkilangan (pekerja dan buruh kilang). Manakala, bidang perniagaan pula lazimnya kecil-kecilan seperti kedai-kedai runcit dan minuman di kampung, jualan dan pembelian kelapa serta pembelian padi oleh wakil-wakil pelesen pembeli padi.

2.5 Pengangkutan dan Perhubungan

KPJ menikmati perkhidmatan bas dari dua buah syarikat pengangkutan. Kedua-dua syarikat ini ialah Syarikat Pengangkutan Sungai Muda dan Syarikat Kenderaan Pengangkutan Bersama yang masing-masing mempunyai bas yang melalui KPJ menerusi jalanraya utama, iaitu Jalan Lahar Minyak.

Jadual perjalanan bas adalah tidak tetap. Ianya terpulang kepada pemandu bas yang berkenaan. Jika difikirkan bahawa bilangan penumpang sudah 'mencukupi', maka ia pun memulakan perjalanan. Lazimnya, masa perantaraan sebuah bas dengan yang lain adalah lama, mungkin sejam ataupun lebih, kadang-kadang sehingga 2 jam.

Perkhidmatan bas sebagai cara pengangkutan awam tidak begitu popular di kalangan penduduk. Ianya hanya penting kepada mereka yang terpaksa bergantung kepadanya seperti murid-murid sekolah dan kaum wanita, misalnya apabila hendak pergi ke Kepala Batas, Kuala Muda atau Butterworth. Kaum lelaki yang kebanyakannya memiliki motorsikal menggunakan kenderaan sendiri. Walau bagaimanapun, untuk pergi ke pekan yang terdekat (lebih 2 batu jauhnya), iaitu Penaga, ataupun kawasan berhampiran dengan KPJ, basikal merupakan cara pengangkutan yang paling penting di kalangan penduduk kampung.

Keadaan jalan di KPJ adalah sederhana. Jalanraya utamanya, Jalan Lahar Minyak, yang menemui jalan hendak masuk KPJ adalah dari jenis tar. Begitu juga dengan jalan-jalan utama di kawasan kampung. Tetapi, jalan-jalan ini adalah sempit dan hanya dapat dilalui sebuah kereta pada satu masa.

KPJ juga tidak dilengkapi kemudahan lampu jalan. Walau bagaimanapun, permohonan untuk pemasangannya telah pun diluluskan dan kini sedang menunggu stok lampu yang baru¹².

Di 'pekan' (iaitu, di simpang jalan memasuki KPJ), terdapat sebuah pondok talipon awam dan seorang wakil pos, di mana pembelian stem dapat dibuat¹³.

¹² Mengikut Encik Zubir Ahmad, Penolong Pengarah, Bahagian Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Seberang Prai.

¹³ 'Pekan' di sini dirujukkan kepada kawasan jalan memasuki kampung di mana bertumpu di sini adalah kedai-kedai, sekolah, mesjid, kilang padi dan wakil-wakil pembeli beras.

2.6 Kemudahan Asas

Kemudahan elektrik dinikmati oleh hampir semua penduduk KPJ. Hanya sejumlah 10% penduduk masih lagi menggunakan lampu minyak tanah. Dari segi pembekalan air pula, lebih kurang 70% daripada jumlah penduduk mempunyai bekalan air paip sendiri di rumah dan yang selebihnya menggunakan air dari telaga.

Lebih kurang separuh daripada jumlah penduduk tidak mempunyai kemudahan tandas. Mereka menggunakan cara 'berselerak' di hutan atau semak di belakang rumah. Hampir 40% penduduk pula menggunakan tandas curah dan yang lain pula mempunyai tandas lubang. Memandangkan keadaan ini, jelas di sini tidak terdapat satu sistem pembetungan yang teratur.

Di samping itu, pengurusan sampah sarap di kawasan kampung adalah terpulang kepada inisiatif setiap rumah untuk mengendalikannya. Biasanya, penduduk kampung membakarnya sendiri. Jelas juga bahawa perkhidmatan mengutip sampah-sarap tidak kedapatan di sini.

2.7 Kemudahan Sosio-Ekonomi

Kemudahan sosio-ekonomi KPJ tertumpu di kawasan 'pekan'nya. Sesungguhnya, bahagian kampung ini merupakan satu pusat perniagaan kecil di KPJ. Antara kemudahan yang didapati termasuklah sebuah sekolah rendah, iaitu Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, Sekolah Ugama Tuan Hj. Majid (ataupun lebih dikenali di kalangan penduduk kampung sebagai Sekolah

To' Arab), mesjid, surau dan sebuah klinik Jururawat Desa.¹⁴

Di samping itu, terdapat 6 buah kedai runcit (2 buah di bahagian tengah kampung), 3 buah kedai minuman, 3 buah kedai gunting rambut, sebuah kedai membaiki basikal dan sebuah bengkel membaiki motor kepunyaan Persatuan Belia 4B. Kedai-kedai ini diperbuat dari papan dan perkakas di dalamnya adalah terbatas kepada yang 'essential' sahaja seperti kerusi, meja, beserta dengan laci menyimpan duit dan tempat meletak barang-barang. Namun begitu, salah sebuah kedai runcit tadi kelihatan mempunyai stok simpanan barang yang banyak dan diatur dengan rapi. Ia juga dilengkapi dengan sebuah kipas dan peti ais.

¹⁴ Perkhidmatan Klinik Jururawat Desa ini juga dinikmati oleh penduduk kawasan berhampiran seperti Kampung Lahar Minyak, Permatang Tok Brain dan Kampung Kota Aur. Diantara perkhidmatannya ialah:-

- (a) Klinik Ibu Mengandong (Khamis 2 - 4 petang)
 - (b) Klinik Kanak-Kanak (Rabu 8 - 12.45 petang)
 - (c) Klinik Perancang Keluarga (Selasa 2 - 4 petang)
- Pada masa-masa selain daripada dinyatakan di atas:-
- (d) Rawatan rumah ke rumah
 - (e) Perkhidmatan Bidan di Rumah
 - (f) Skim Susu Untuk Budak-budak (Toddler) yang 'underweight'.
 - (g) Pelalian
 - (h) Pendidikan Kesihatan
 - (i) Pendidikan Makanan dan Pemakanan



GAMBAR 1: 'PEKAN' KAMPUNG PERMATANG JANGGUS



GAMBAR 2: JALAN (MASUK) UTAMA KPJ



GAMBAR 3: MESJID DI KAMPUNG, BERHADAPAN DENGAN PADANG SEKOLAH
KEBANGSAAN PERMATANG JANGGUS



GAMBAR 4: SEBUAH KEDAI RUNCIT DI TENGAH-TENGAH KAMPUNG

BAB 3

ASPEK SOSIAL KAMPUNG PERMATANG JANGGUS

Dalam bab ini, analisis data adalah tertumpu kepada struktur demografi, bentuk keluarga, mobiliti geografi, hubungan sosial di kampung dan dengan luar kampung, taraf pelajaran, pemilikan harta dan pembentukan klas/status serta sikap dan nilai. Justeru itu akan ditinjau hubungan faktor-faktor ini di antara satu sama lain dan kesannya ke atas taraf sosio-ekonomi.

3.1 Struktur Demografi

Satu ciri utama berkenaan struktur demografi KPJ ialah secara amnya bilangan penduduk berkurangan dari golongan yang muda kepada yang tua. Kenyataan ini dibuat berdasarkan analisis soal-selidek. Walaupun ianya mungkin tidak bersifat representatif ke atas keseluruhan masyarakat KPJ, namun ia sebenarnya diharap dapat memberi satu gambaran am terhadap masyarakat tersebut¹

Jadual 2: Struktur Penduduk Berasaskan 50 Keluarga Responden

Umur (tahun)	Lelaki Bilangan (orang)	Lelaki dan Perempuan Peratus (%)	Perempuan Bilangan (orang)
10 dan ke bawah	35	20.6	20
11 - 20	36	28.9	41
21 - 30	18	16.1	25
31 - 40	17	10.5	11
41 - 50	11	11.2	19
51 - 60	9	6.7	9
61 - 70	9	4.5	3
71 dan ke atas	3	1.5	1
Jumlah	138	100%	129

* Jumlah lelaki dan perempuan = 267 orang

¹ Malah, hasil penemuan yang diperolehi (di sini dan di bab-bab yang lain) sesungguhnya tidak kurang pula pentingnya. Ini adalah memandangkan hakikat bahawa subjek atau fenomena tersebut merupakan sebahagian daripada masyarakat yang dikaji.

Merujuk kepada jadual 2; hampir 50% penduduk berumur 20 tahun dan ke bawah². Kebanyakan mereka dari kumpulan ini masih berada di bangku sekolah dan merupakan tanggungan kepada keluarga masing-masing. Kumpulan dalam lingkungan umur 31 - 50 tahun pula terdiri dari mereka yang sudah berumahtangga dan mempunyai anak. Kategori ini membentuk hampir 22% penduduk KPJ. Bilangan orang yang berumur 51 dan ke atas semakin berkurangan. Kumpulan ini merupakan generasi kedua dan ketiga daripada orang yang pertama menduduki kampung ini.

3.2 Bentuk Famili

Satu-satu famili dianggotai oleh sekumpulan dua atau lebih orang yang mempunyai hubungan darah, perkahwinan atau diangkat (adopted) dan dibela dalam satu rumahtangga yang sama (Johnson, H.M.; 1967:155). R.N. Henry³ juga menyatakan bahawa di kebanyakan masyarakat tani, famili

²Kumpulan umur penduduk Seberang Prai Utara:

(a)	Kurang dari 7 tahun 30,387 orang	(14.29%)
(b)	7 - 15 47,464	(22.32%)
(c)	16 - 20 24,732	(11.63%)
(d)	21 - 25 21,988	(10.34%)
(e)	26 - 50 66,368	(31.21%)
(f)	Lebih 50 21,712	(10.21%)

Sumber: Profail Daerah, Pejabat Daerah Butterworth.

³"Participation and Initiative of the Local People" dalam Social Research and Problems of Rural Development in South East Asia, Vu Quoc Thuc (ed.), Vietnamese National Comission for UNESCO, Belgium, 1963. ms. 199.

merupakan pusat institusi dan unit ekonomi yang utama - "the family comes first and the individual second".

Dengan demikian hubungan antara penduduk adalah rapat. Malahan, ada di antara mereka yang mempunyai hubungan persanakan; baik hubungan darah ataupun melalui perkahwinan; dan dalam keadaan ini hubungan yang wujud adalah lazimnya lebih rapat dan mesra lagi. Misalnya, rumah Ketua Kampung KPJ didapati berdekatan dengan rumah adiknya. Sementara itu rumah bapa kepada seorang budak yang tinggal bersama dengan nenek tuanya juga ditemui, berdekatan dengan satu sama lain. Kemudian ada pula satu kes di mana, rumah seorang janda tua dikelilingi oleh rumah ketiga-tiga anak lelakinya. Dalam keadaan ini, mengikut Syed Husin Ali (1977:70), anggota dari rumah-tangga keluarga ini biasanya mempunyai hubungan sosial yang rapat dan menjadikan rumah-tangga ibu-bapa (dalam kes ini, rumah ibu) mereka sebagai pusat penumpuan.

Seterusnya akan ditinjau bentuk-bentuk famili yang wujud di KPJ. Kategori jenis famili adalah berdasarkan, secara amnya, kepada apa yang dilakukan oleh Djamour (1959; ms. 52 - 65). Perlu ditegaskan bahawa satu-satu famili yang tergolong dalam kateogri tertentu tidak semestinya memenuhi semua kriteria yang dikemukakan. Ia mungkin hanya memenuhi satu atau beberapa kriteria yang disebutkan.

Jadual 3: Bentuk Famili 50 Responden

Bentuk Famili	Bilangan Isirumah	Peratus (%)
Famili nuklear	32	64
Famili nuklear dan sanak-saudara	8	16
Famili hakisan nuklear	2	4
Famili hakisan nuklear dan sanak-saudara	3	6
Pasangan suami-isteri	2	4
Pasangan suami-isteri dan sanak-saudara	2	4
Berseorangan	1	2
Jumlah	50	100%

(a) Famili nuklear

Dari jadual 3, diperhatikan bahawa famili nuklear ('simple family') merupakan bentuk famili yang paling biasa kedapatan dengan merangkumi lebih daripada separuh jumlah keluarga responden. Bentuk famili ini terdiri daripada sepasang suami-isteri dan anak-anak yang belum berkahwin. Oleh itu, mereka terpaksa bergantung kepada ibu-bapa sebab masih bersekolah. Purata bilangan anak ialah 4 orang.

Dalam famili nuklear, biasanya ketua keluarga merupakan pencari nafkah yang tunggal. Walaupun begitu, dalam beberapa kes, si isteri didapati melakukan pekerjaan sambilan seperti mengambil upah kerja sawah atau membuat kuih-muih untuk dijual di kedai-kedai. Lazimnya, ini dilakukan pada skel yang kecil sahaja.

(b) Famili nuklear dan sanak-saudara

Famili nuklear dan sanak-saudara ('simple famili dan kin') merujuk kepada bentuk famili di mana ahlinya terdiri daripada famili nuklear dan anak yang sudah berumah-tangga; termasuk menantu, cucu, ibu-bapa kepada suami atau isteri ataupun adik-beradik mereka. Ia kerap kali melibatkan tiga generasi keluarga. Bentuk famili ini adalah bentuk yang kedua penting di KPJ.

Dalam jenis famili ini, selain daripada ketua keluarga, anggota lain dalam keluarga itu juga bekerja, dan sudah berumah-tangga, khasnya di kalangan anak-anak sulung. Misalnya, terdapat seorang responden di mana keempat-empat anak lelakinya (dua daripada mereka sudah berumah-tangga) bekerja dengannya dalam perniagaan kelapa dan sebuah kedai runcit di kampung. Dalam kes lain pula, terdapat satu keluarga di mana seorang anak perempuannya yang sudahpun mempunyai seorang anak kecil kini balik tinggal bersama keluarganya setelah bercerai dengan suaminya. Di sini, wanita dan anaknya merupakan tanggungan kepada responden. Manakala tiga orang anak perempuan lain bekerja di kilang sementara anak lelakinya membantu responden mengerjakan sawah padi. Mereka yang kerja bergaji biasanya memberi sedikit wang kepada, samada ibu atau bapa sebagai sumbangan kepada perbelanjaan rumah. Jika tidak, ada juga yang membeli barang-barang keperluan rumah tertentu ataupun mereka sendiri membeli keperluan yang difikirkan patut. Bagi mereka yang mempunyai anak-isteri, perbelanjaan ke atas pakaian dan lain-lain perbelanjaan 'sub-family' ini adalah ditanggung oleh si suami.

Kebanyakan responden dalam kategori keluarga ini berumur 50 tahun dan ke atas. Beberapa orang juga tidak lagi dapat menampung perbelanjaan rumah dengan sepenuhnya. Oleh itu perbelanjaan tambahan datang dari anak yang bekerja. Namun begitu, mereka masih mengekalkan status ketua keluarga masing-masing.

(c) Famili hakisan nuklear ('simple denuded family')

Famili ini terdiri daripada janda yang tinggal bersama anak yang belum berkahwin. Dalam satu kes, didapati seorang janda tinggal bersama seorang anak yang masih bersekolah. Responden ini mewarisi dan mengerjakan tanah sawah seluas 2 ekar. Ia juga menerima wang kiriman sebanyak \$50 sebulan daripada seorang anaknya yang bekerja sebagai guru di Penaga. Selain itu, ia juga mempunyai masa untuk melawat anaknya yang seorang lagi di Kuala Lumpur. Dalam kes kedua, keadaan yang berbeza dapat diperhatikan. Janda ini tinggal bersama anak lelakinya yang cacat anggota akal. Oleh itu, ia terpaksa menanggung beban mengerjakan tanah yang disewanya seorang diri yang luasnya 2 ekar. Justeru itu, responden terpaksa membelanjakan sebahagian besar pendapatannya ke atas bayaran sewa tanah.

(d) Famili hakisan nuklear dan saudara mara ('simple denuded and kin')

Famili demikian melibatkan 3 responden. Lazimnya anggota keluarga terdiri daripada seorang janda (ataupun sudah bercerai) yang tinggal bersama anak atau cucu atau ibu dan/atau nenek. Kedua-dua responden pertama sudah bercerai dan oleh itu terpaksa bekerja untuk menyara anak-

anaknya. Sewaktu bekerja, anak-anak mereka ditinggalkan di bawah jagaan ibu mereka yang duduk di rumah. Dalam kes seterusnya, seorang janda pula tinggal bersama seorang cucu perempuan. Cucu ini tidak bekerja walaupun berjaya mencapai peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) tetapi ia gagal dalam peperiksaan tersebut. Ia bergantung kepada neneknya yang mengerjakan tanah sawah yang diwarisi.

(e) Famili pasangan suami-isteri ('married couple')

Kategori ini merujuk kepada pasangan suami-isteri yang masih tidak mempunyai anak. Dalam satu kes, pasangan tersebut berdua mengerjakan tanah sawah. Pasangan yang satu lagi membuka sebuah kedai runcit di tengah-tengah kampung.

(f) Famili pasangan suami-isteri dan saudara-mara ('married couple and kin')

Anggota famili ini terdiri daripada pasangan suami-isteri serta salah seorang ibu-bapa kepada isteri ataupun suami atau cucu. Di sini, ketua keluarga merupakan penyara tunggal.

(g) Berseorangan

Terdapat seorang janda tua yang tinggal berseorangan. Ia tidak melakukan sebarang pekerjaan lagi tetapi menerima elaun bulanan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat. Di samping itu ia juga bergantung kepada zakat daripada orang kampung lain.

3.3 Tempat Asal dan Mobiliti Geografi

Mobiliti geografi di kalangan responden adalah rendah. Keadaan ini adalah memandangkan 78% daripada responden merupakan anak jati KPJ. Sepanjang hayat mereka, golongan ini tidak pernah mendiami kawasan lain selain dari Kampung Permatang Janggus. Kebanyakan mereka adalah generasi kedua dan atas dari keturunan penghuni awal kampung ini. Setidak-tidak, di kalangan mereka salah seorang daripada ibu-bapa mereka berasal dari KPJ. Jadual di bawah menunjukkan tempat asal responden.

Jadual 4: Tempat Asal 50 Responden

Status	Bilangan Responden	Peratus (%)
Jati	39	78
Bukan jati	11	22
Jumlah	50	100

Bagi kumpulan bukan anak jati pula, tempat asal mereka adalah berbeza-beza, dari sejauh beberapa kilometer sehingga kepada berpuluhan puluh kilometer. Misalnya Kota Kuala Muda (Kedah), Baling (Kedah) dan Tanjung Piandang (Perak). Menetapnya mereka di kampung ini adalah kerana mengikut isteri (atau suami) yang berasal dari kampung ini setelah mendirikan rumah-tangga. Namun begitu, ada kekecualiannya juga. Seorang responden menyatakan keputusan menetap di sini adalah secara kebetulan sahaja. Ia baru saja berhenti kerja daripada menoreh getah di Baling apabila mendapat berita bahawa ada sebuah rumah untuk disewa di KPJ.

Manakala dua orang responden pula pernah bekerja sebagai askar tetapi kemudiannya mereka balik dan menetap semula di kampung. Bagi

seorang, keadaan ini adalah disebabkan kematian ayahnya yang menyebabkannya terpaksa balik menguruskan bendang kepunyaan ayahnya. Seorang lagi mengatakan bahawa ia 'tidak tahan' dengan keadaan kerja yang susah.

Seterusnya akan diperhatikan pula keadaan anak responden baik yang tinggal di kampung maupun di luar KPJ.

Jadual 5: Tempat Tinggal Anak-anak Responden

Tempat Tinggal	Perempuan	Lelaki	Jumlah	Peratus (%)
Di kampung	51	81	132	78
Di luar kampung	14	23	37	22
Jumlah	65	104	169	100

Berpandukan jadual 5, nampaknya bilangan anak responden yang tinggal di kampung jauh melebihi mereka di luar kampung, iaitu 78% dengan 22%. Secara amnya, anak responden boleh dikelaskan ke dalam 3 kategori iaitu belum bersekolah, masih bersekolah dan lepasan sekolah.

Dengan demikian, maka untuk kategori anak di kampung, 23 orang belum bersekolah lagi, 68 orang masih bersekolah dan 41 orang sudah lepas dari sekolah. Manakala untuk anak di luar kampung pula, 8 orang masih bersekolah dan selebihnya, iaitu 29 orang adalah lepasan sekolah. Daripada 8 orang yang bersekolah di luar kampung, 3 orang adalah perempuan dan 5 orang lelaki. Empat orang daripada mereka belajar di sekolah berasrama penuh di Pulau Pinang dan Kedah, seorang di sebuah sekolah ugama di Kelantan manakala 2 orang di Kedah, seorang di sebuah sekolah swasta di Kuala Lumpur dan akhir sekali seorang di sebuah universiti di Amerika Syarikat.

Memandangkan hakikat bahawa anak yang belum bersekolah dan kebanyakannya yang sudah bersekolah itu didapati bergantung kepada ibu-bapa serta tinggal bersama mereka di kampung maka perhatian seterusnya akan diberi kepada anak-anak lepasan sekolah.

Jadual 6: Pecahan Mengikut Jantina dan Tempat Tinggal Anak-anak Lepasan Sekolah

Tempat tinggal	Perempuan	Lelaki	Jumlah	Peratus (%)
Di kampung	16	25	41	58
Di luar kampung	11	18	29	42
Jumlah	27	43	70	100

Merujuk kepada jadual 6, secara keseluruhannya bilangan kaum lelaki melebihi kaum perempuan. Daripada jumlah 16 orang anak perempuan yang tinggal di kampung, 3 orang sudah berkahwin dan tinggal bersama ibu-bapa. Keadaan demikian adalah disebabkan suami mereka bekerja di luar kampung dan hanya balik ke rumah samada selang dua hari atau seminggu sekali. Seorang wanita pula sudah bercerai dan kini tinggal bersama keluarganya. Yang lain pula, 12 orang semuanya masih belum berumah-tangga. Dari segi pekerjaan, 7 orang (termasuk 3 orang yang sudah berkahwin) dari jumlah 16 orang yang tinggal di kampung tidak bekerja. Mereka membantu dalam pekerjaan di dapur atau menjaga anak atau adik-beradik di rumah, pada masa yang sama meringankan beban ibu mereka. Yang lain pula bekerja sebagai kerani, mengasuh anak orang, jururawat ataupun bekerja di kilang.

Seterusnya, kategori anak perempuan yang tinggal di luar kampung melibatkan seramai 11 orang anak perempuan. Sembilan dari mereka sudah berumah-tangga; dua orang masih bekerja sebagai guru dan jururawat masing-masing, dan yang selebihnya adalah suri rumah-tangga. Kedua-duanya yang masih belum berkahwin itu bekerja; seorang sebagai kerani dan seorang lagi pembantu klas tadika.

Secara relatif, bilangan anak perempuan yang sudah berkahwin dan menetap di luar kampung melebihi mereka yang menetap di kampung bersama ibu-bapa. Keadaan ini disebabkan mereka mengikut suami setelah berkahwin, tertakluk kepada tempat kerja suami atau rumah keluarga suami sekiranya tinggal bersama mertua.

Beralih pula kepada anak lelaki yang tinggal di kampung, didapati bahawa seramai 25 orang tergolong di bawah kategori ini. Ia melibatkan 8 orang yang sudahpun berumah-tangga, termasuk 2 orang yang tinggal berasingan dari keluarga ibu-bapa iaitu bersama keluarga masing-masing dan seorang lagi yang dicerai oleh isterinya atas sebab mengidap penyakit jiwa. Dengan ini, ia terpaksa bergantung kepada ibu tuanya. Yang lain, 17 orang kesemuanya adalah bujang. Dari segi pekerjaan pula, 5 orang tidak bekerja - 2 orang baru berhenti sekolah sebab gagal dalam peperiksaan SRP (Sijil Rendah Pelajaran), seorang masih mencari kerja dan 2 orang mengidap penyakit jiwa.⁴ Bagi mereka yang bekerja, 20 orang kesemuanya,

⁴ Sebenarnya ditemui 2 kes penyakit jiwa. Kes pertama adalah seperti yang dihuraikan tadi. Kes kedua melibatkan seorang teruna yang menjadi demikian selepas kegagalannya dalam peperiksaan SRP.

kegiatan ekonomi yang diceburi termasuklah drebar, pengutip tiket bas, pekerja kilang, buruh, askar, berniaga dan pesawah. Di samping itu, 8 orang anak lelaki bekerja dengan bapa di sawah sebagai pekerja tanpa gaji.

Untuk kategori anak lelaki di luar kampung ia dianggotai oleh seramai 18 orang, di mana 14 orang (78%) sudahpun berkahwin dan mempunyai keluarga masing-masing. Di antara pekerjaan yang diceburi termasuklah pegawai (5 orang), guru (3 orang), buruh (6 orang), pekedai, drebar (1 orang) dan seorang peneroka dalam skim Felda di Jengka, Pahang. Seorang pula menganggur. Elok diperhatikan bahawa kebanyakan pekerjaan tersebut tidak berdasarkan pertanian tetapi lebih kepada pekerjaan gaji tetap khasnya di sektor kerajaan. Di antara tempat bekerja mereka termasuklah Butterworth, Pulau Pinang, Kota Bahru dan Kuala Lumpur.

3.4 Hubungan Sosial di Kampung

Hubungan sosial di kampung bersifat primari dan rapat. Burgess dan Locke (1960:62) dalam mengurai masyarakat luar bandar yang berunsur-kan 'familism' menyatakan,

"... the main characteristics of behaviour stand out in clear perspective: acquaintance of everyone with everyone else, the dominance of personal relationships and the subjection of individual to continuous observations and control by the community... Everyone knows everything about everyone else in the rural community, but this knowledge about persons and families is generally concerned with external objective behavior rather than with the internal interaction going on within a family."

Jadi, secara umumnya, hubungan di kalangan anggota dalam satu masyarakat demikian adalah rapat tetapi hubungan persanakan khasnya di kalangan sekolompok sanak-saudara yang wujud menguatkan lagi jalinan ikatan tersebut.

Semangat tolong-menolong seperti gotong-royong dan semangat kekitaan masih jadi pegangan hidup penduduk KPJ. Sesungguhnya ini merupakan manifestasi perpaduan dan kesedaran identiti ethnik masyarakat Melayu.

Hubungan sosial di kalangan penghuni kampung, baik dari segi hubungan individu dengan individu, individu dengan kelompok maupun kelompok dengan kelompok dapat diperhatikan dari dua segi; iaitu:

- (i) hubungan informal dan
- (ii) hubungan formal

3.4 Hubungan Informal

Kehidupan orang kampung dalam satu komuniti yang kecil dan agak terlindung dari ciri-ciri hidup di bandar yang 'impersonal' membenarkan peluang sesama ahlinya bersemuka.

Hubungan informal berlaku setiap masa di kampung, baik semasa bekerja maupun masa-masa lapang. Penduduk di kampung menggunakan jalan yang sama, kedai runcit yang sama serta tempat menunggu bas yang sama. Oleh itu, di antara tempat-tempat lain yang membenarkan interaksi di kalangan anggota masyarakat ini termasuklah surau, mesjid, kedai kopi, malah di tepi jalan juga.

Sistem berderau adalah satu bentuk kerjasama di mana pesawah-pesawah mengorganisasikan diri mereka untuk memperolehi tenaga buruh lebih bagi memudah serta mempercepatkan kerja di sawah khasnya di peringkat menanam dan menuai padi. Kerjasama ini adalah berasaskan prinsip bahawa segala pertolongan yang diberikan dijangka akan diterima kembali pada waktu yang lain. Dengan ini wujudlah tali perhubungan berbentuk obligasi timbal-balik di kalangan penduduk yang terlibat. Dalam sistem ini, beberapa orang akan berkumpul dan bersama-sama mengerjakan sawah kepunyaan seorang 'ahli'. Selesai sahaja kerja di sini, mereka akan beralih kepada sawah seterusnya. Kumpulan ini saling membantu ahli-ahlinya (biasanya tidak lebih 15 orang) jika timbul apa-apa masalah lain misalnya dalam peminjaman wang dari bank, mereka akan menjadi penjamin sesama mereka.

Selain dari itu, upacara-upacara edaran hidup seperti perkahwinan dan bersunat serta majlis menyambut perayaan Maulud Nabi juga merupakan fokus kegiatan sosial yang penting. Tetapi kenduri yang sering diadakan ialah perkahwinan, lazimnya semasa cuti sekolah. Jemputan biasanya dilakukan melalui 'mulut' dan kad jemputan dihantar kepada saudara-mara atau sahabat handai yang tinggal berjauhan. Suatu majlis sedemikian biasanya mendapat sambutan yang mesra dari orang kampung, lebih-lebih lagi di kalangan saudara dekat. Bailey (1980:25) juga menyatakan bahawa,

"The closer the familial bond, the stronger are these expectations and more frequently are the obligations of kinship invoked."

Jiran-jiran yang berdekatan juga akan menawarkan masa dan tenaga mereka dalam persiapan dan segala persediaan menjelang hari tersebut.

Semangat tolong-menolong dimanifestasikan melalui persediaan membuat kuih-muih, masakan, jahitan pakaian ataupun tirai-birai dan perhiasan lain lazimnya dilakukan oleh kaum wanita. Sementara kaum lelaki pula terlibat dalam pekerjaan yang lebih berat misalnya dalam mendirikan khemah.

Mesjid juga merupakan tempat berjemaah dan pertemuan orang kampung yang penting, khasnya semasa sembahyang Jumaat. Pada hari tersebut, menjelang masa sembahyang, kedai-kedai ditutup dan akan dibuka semula pada sebelah petang. Pada masa ini, lalu-lintas menjadi sibuk, mana dengan murid-murid yang baru berlepas dari sekolah⁵; samada berbasikal atau berjalan kaki di jalan yang sempit; serta orang-orang kampung lain yang sedang dalam perjalanan balik ke rumah untuk bersiap ke mesjid. Di mesjid, mereka akan saling-bersalaman, menghulurkan tangan sambil bertegursapa. Sembahyang di mesjid biasanya juga hanya melibatkan kaum lelaki sahaja. Ia juga merupakan cara utama menyatukan individu-individu di bawah persaudaraan sejagat Islam.

Selain dari itu, dalam bulan Ramadan, orang-orang kampung akan berkumpul dan berbuka puasa di mesjid. Mereka diatur mengikut giliran, iaitu setiap hari beberapa orang akan terlibat dalam menyediakan makanan dan minuman. Majlis demikian akan memupuk sikap bekerjasama dan hubungan yang mesra lagi di kalangan anggota masyarakat.

Kedudukan kedai-kedai di kampung di tempat-tempat strategik memudahkan orang kampung singgah kerap kali di kedai-kedai kopi semasa dalam perjalanan pulang ke rumah. Di sinilah berlakunya penyebaran dan

⁵ Sekolah Kebangsaan KPJ terletak bertentangan dengan mesjid.

pertukaran berita atau khabar-angin ataupun sesuatu perbincangan 'ehwal semasa'.

Satu lagi ciri kehidupan yang popular ialah bersempang di serambi rumah atau bertandang ke rumah jiran, biasanya pada sebelah petang dan malam. Sesudah tamu duduk, tuanpunya rumah akan menghulurkan tepak sirihi. Amalan ini biasa kedapatan di kalangan generasi tua. Lazimnya topik perbualan adalah mengenai orang kampung lain dan merupakan omong-omong sahaja.

3.42 Hubungan Formal

Hubungan sosial yang formal di KPJ meliputi hubungan melalui organisasi sosial peringkat kampung seperti Jawatankuasa Khariah Mesjid, Persatuan Khairat Kematian, Persatuan Peladang, Persatuan Belia 4B, KEMAS, Persatuan PIBG, Syarikat Kerjasama Serbaguna dan UMNO. Selain daripada peranan fungsinya, organisasi sedemikian juga menyediakan satu saluran untuk ahli-ahli dan seterusnya orang kampung berinteraksi.

(a) Jawatankuasa Khariah Mesjid (JKM)


Khariah Mesjid seperti mana dierangkan dengan namanya adalah dikaitkan dengan mesjid. Penubuhannya adalah serentak dengan tertubuhnya mesjid KPJ. Bangunan mesjid yang terdapat hari ini siap dibina pada 1963 menggantikan mesjid yang lama. Mesjid lama ini tidak dapat dikesan tarikh penubuhannya.

Tujuan JKM ialah untuk mentadbir hal-hal yang bersangkutan dengan mesjid dan penduduk yang berada dibawah pentadbirannya tanpa

mengira bangsa dan fahaman politik tetapi hanya tertakluk kepada syarat bahawa untuk menjadi seorang ahli seseorang itu, mestilah berugama Islam. Jadi orang yang tidak berugama Islam meskipun berada di bawah kawasan Khariah tidak terikat kepada Lembaga Khariah. Walau bagaimanapun perhubungan adalah rapat diantara mereka yang berugama Islam dan yang bukan berugama Islam. Sebagai contoh, orang-orang dari Khariah akan dijemput untuk memasak dan menyediakan makanan dalam sesuatu majlis perkahwinan orang Cina sekiranya sebahagian daripada tamu yang dijemput itu berugama Islam.⁶

Carta pentadbiran Lembaga Khariah Mesjid adalah seperti berikut:

Gambarajah 1: Pentadbiran Jawatankuasa Khariah Mesjid



* AJK - Ahli Jawatankuasa

Keturunan:	Melayu	105 ,	815 orang	(49.76%)
Penduduk	Cina	82 ,	891	(38.98%)
Daerah Utara	India	23 ,	157	(10.89%)
Seberang Prai	Lain-lain	787		(0.37%)
		212	651 orang	

Sumber: Profail Daerah Pejabat Daerah Butterworth, 1985.

Dari segi keahliannya, semua orang kampung adalah ahli. Bagi mereka yang sudah berkeluarga mereka dirujuk sebagai Ahli Khariah sementara yang belum berkeluarga disebut Anak-anak Khariah Lembaga Khariah Mesjid ini dapat ditinjau dari dua aspek bersabit dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti ugama dan sosial.

Ugama:

- (i) menentukan setiap ahli atau anak Khariah datang ke mesjid sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.
- (ii) mendirikan klas ugama bagi (a) kanak-kanak sekolah
(b) dewasa⁷
- (iii) menjemput guru ugama dari luar sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.
- (iv) mengadakan majlis yang bersangkutan dengan ugama, misalnya Maulud Nabi.
- (v) mengadakan giliran untuk menyediakan makanan untuk berbuka puasa dan sembahyang Terawih dalam bulan Ramadhan.

Sosial:

- (i) menguruskan majlis kenduri dan kematian.
- (ii) mengadakan projek gotong-royong.

⁷ Klas Ugama Jawatankuasa Khariah dibahagi kepada dua peringkat:-

- (a) peringkat rendah - untuk kanak-kanak. Tertumpu kepada pelajaran beribadat dan praktikal (sembahyang), 4 kali seminggu.
- (b) peringkat dewasa - klas peringkat lelaki dan wanita, 3 kali seminggu, oleh pengajar jemputan dari luar.

- (iii) menguruskan kutipan zakat dan fitrah.
- (iv) mengeluarkan bantuan kewangan kepada orang-orang yang ditimpa kemalangan, kesusahan atau bencana.

Selain daripada yang disebutkan di atas, Lembaga ini juga mengawasi kiranya terdapat perkara-perkara sumbang dalam masyarakat dan melaporkan kepada pihak berkuasa. Ianya juga memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat dan arahan dari pihak-pihak kerajaan seperti Jabatan Ugama Negeri dan Jabatan Pertanian.

Perjumpaan-perjumpaan atau mesyuarat selalunya diadakan di bangunan mesjid. Walau bagaimanapun kadang-kadang diadakan juga di rumah perseorangan terutamanya apabila melibatkan mesyuarat kenduri kahwin dan sebagainya.

(b) Persatuan Khairat Kematian

Khairat Kematian sebenarnya adalah sebahagian daripada kegiatan Khariah. Walau bagaimanapun ia mempunyai suatu lembaga tadbir yang berasingan. Oleh kerana kegiatannya hanya tertumpu kepada perkara-perkara yang bersangkutan dengan kematian, maka susunlapis pentadbirannya juga tidaklah begitu rumit. Lembaga ini mempunyai seorang pengurusi, seorang setiausaha, dan penolongnya, seorang bendahari dan dua orang pemeriksa kira-kira.

Kegiatannya ialah mengutip yuran daripada ahli pada setiap tahun, menabungkan ke dalam tabungan wang sedia ada dan mengeluarkan tabungan wang tersebut kepada ahli sekiranya berlaku kematian. Kutipan yuran bergantung kepada keputusan mesyuarat (biasanya \$10) dan sumbangan kepada

ahli pula terbahagi kepada dua peringkat; kanak-kanak \$150 dan orang dewasa (15 tahun ke atas) \$300.

Syarat-syarat untuk menjadi ahli ialah seseorang itu mestilah sudah berkeluarga dan orang-orang yang di bawah tanggungan tidak perlu menjadi ahli kerana setiap orang yang dibawah tanggung ahli berhak mendapat sumbangan (wang khairat) apabila terjadinya kematian.

(c) Persatuan Belia 4B

Persatuan Belia 4B Cawangan Permatang Janggus ditubuhkan dalam tahun 1969. Perkataan '4B' adalah kependekan bagi 'Bersatu, Belajar, Bekerja dan Berkhidmat'. Keahliannya kini berjumlah 152 orang dan ahli terbuka kepada semua orang kampung yang berusia dalam lingkungan umur 18 - 40 tahun. Yuran tahunannya adalah \$2 seorang.

Perjumpaan antara ahli-ahli diadakan beberapa kali setahun. Walau bagaimanapun ahli jawatankuasa akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Kegiatan yang dilakukan mencakupi bidang-bidang ekonomi, kebudayaan, sukan dan sosial. Sehingga kini, persatuan ini memiliki 3 pintu bangunan kedai yang disewakan kepada ahli-ahli untuk menjalani kegiatan ekonomi seperti kerja membaiki motor.

(d) Persatuan Peladang⁸

Persatuan Peladang Cawangan Permatang Janggus ditubuhkan lebih kurang 12 tahun lalu. Pada akhir-akhir ini keahliannya adalah sejumlah 60 orang, iaitu lebih kurang 40% jumlah pesawah di kampung dan peranan yang dimainkan tertumpu di sekitar beberapa perkara. Diantaranya menyampaikan maklumat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian berhubung dengan jadual penanaman padi, maklumat mengenai masa tutup air atau buka air dari Jabatan Parit dan Talair, menguruskan pembahagian subsidi baja, serta bantuan ternakan dari Jabatan Haiwan dan juga sedikit kerja gotong royong membersihkan saliran air.

Oleh kerana kegiatannya yang tidak begitu meluas dan faedah yang tidak begitu penting kepada mereka yang terlibat maka sambutan yang diberikan juga agak dingin.

(e) KEMAS

KEMAS, kependekan dari Bahagian Kemajuan Masyarakat, terletak di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Tujuan KEMAS ialah menanamkan sifat daya-usaha, sikap ingin maju dan berdikari di kalangan masyarakat di desa. Antara kegiatan yang dijalankan ialah klas jahitan, dan kemudahan TABIKA (Taman Bimbingan Kanak-Kanak). Klas jahitan ini

⁸ Persatuan Peladang Cawangan Kampung Permatang Janggus adalah sebahagian daripada Persatuan Peladang Unit Tok Brain, dimana dua cawangannya yang lain ialah Permatang Tok Labu dan Permatang Tok Brain sendiri. Seterusnya Unit Permatang Tok Brain pula merupakan salah satu daripada 17 unit persatuan peladang terletak bawah Persatuan Peladang Kawasan Penaga.

Sumber: Encik Wan Mohd. Fokri bin Wan Mohd., Pengurus Persatuan Peladang Penaga.

diadakan mengikut tempoh 6 bulan, iaitu dimulakan dari Januari - Jun dan Julai - Disember. Klas diadakan 5 kali seminggu selama sejam setiap kali dan mengenakan bayaran \$5 seorang untuk sebulan. Walaupun jika dipandang sekali imbas, klas demikian seolah-olah memenuhi satu keperluan sosial namun jika dihalusi perkara ini akan kedapatan unsur-unsur ekonomi tersirat di dalamnya, juga. Sebagai contoh seseorang boleh mengambil upah menjahit baju apabila 'pandai' nanti.

Selain daripada klas jahitan, KEMAS juga mengadakan TABIKA. Klas ini bukan saja bertujuan melengkapi budak-budak pra-sekolah dengan pelajaran asas tetapi juga memberi peluang untuk kanak-kanak saling mengenali dan bergaul-mesra antara satu sama lain.

Bayaran yang dikenakan ialah \$5 sebulan termasuk makanan waktu rehat yang disediakan. Ia mempunyai 2 orang guru dan 46 orang murid.

(f) PIBG Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus

Persatuan Ibu-bapa dan Guru-guru (PIBG) ditubuhkan pada 5hb Oktober 1972. Walaupun PIBG menumpukan kegiatan kepada kemajuan pelajaran anak-anak, namun ianya juga adalah penting sebagai suatu saluran yang penting ke arah kerjasama antara guru-guru dan ibu-bapa serta masyarakat setempat amnya.

Atas kesedaran ini maka banyak projek telah dijalankan. Diantaranya seperti perjumpaan ahli-ahli jawatankuasa PIBG dengan waris-waris⁹

⁹ Waris-waris murid bukan sahaja tertumpu pada penduduk KPJ. Ia juga melibatkan penduduk dari kampung lain seperti Kota Aur, Rantau Panjang, Kg. Lembah, Pengkalan Bongor, Permatang Tok Brain dan sebagainya.

Darjah 5 untuk membincangkan mengenai cara-cara memberi kerjasama kepada sekolah untuk memajukan lagi pelajaran murid-murid. Selain itu diadakan juga kempen kesedaran kepada ibu-bapa/waris di kawasan ini, klas tambahan untuk murid-murid Darjah 5 pada masa cuti akhir tahun, pinjaman buku-buku kepada murid-murid yang kurang berkemampuan untuk membelinya dan juga mengadakan mini-sukan serta memberi bantuan menjayakan hari ucapan dan penyampaian hadiah.

Ingin dijelaskan di sini bahawa ahli jawatankuasa itu terdiri daripada para ibu-bapa dan guru sekolah. Disebabkan murid-murid ini datang dari kampung-kampung yang berlainan, dan bukan sahaja dari Kampung Permatang Janggus, maka jawatankuasa tersebut juga diduduki oleh ibu-bapa dan guru-guru dari kampung lain. Semasa sebarang perjumpaan diadakan akan berlaku juga interaksi sosial di kalangan mereka.

(g) Syarikat Kerjasama Serbaguna

Syarikat ini ditubuhkan bersama oleh sekumpulan pesawah berjumlah hampir 40 orang dari KPJ, Kota Aur, Kampung Lembah dan Rantau Panjang pada tahun 1955. Ianya memberi perkhidmatan mengisar dan membeli padi dari pesawah serta menukar kupon subsidi LPN (Lembaga Padi dan Beras Negara).

Kini keahliannya terdiri daripada 270 orang di mana 1/3 daripada jumlah ini adalah penduduk KPJ. Pengurusan syarikat ini dikenalikan oleh seorang pengurus serta dibantu oleh 2 orang kerani (iaitu, seorang adalah kerani LPN). Syarikat ini juga menerima bantuan nasihat

mengenai catitan rekod dan akaun dari Pejabat Persatuan Peladang Penaga.

Perniagaan semakin merosot juga dan perkara ini dicerminkan oleh adanya Mesyuarat Agung Tahunan yang terakhir adalah pada 1983. Setiap ahli yang hadir diberi 'dividen' sebanyak \$3 seorang.

UMNO (United Malays National Organisation)

Walaupun UMNO adalah suatu badan politik namun di sini akan dilihatnya dari segi sosial. Tidak dapat dinafikan juga bahawa sebagai satu badan politik ia tidak dapat lari dari memiliki ciri-ciri sosial lebih-lebih lagi apabila komponen organisasinya ialah satu-satu masyarakat.

UMNO cawangan Kampung Permatang Janggus ditubuhkan pada awal tahun 1961 dan hingga kini mempunyai 186 orang ahli. Untuk menjadi ahli UMNO seseorang haruslah telah mencapai had umur 18 tahun. Walaupun pada tahap ini mereka belum boleh mendaftar sebagai pengundi namun mereka biasanya menyertai UMNO setelah mereka benar-benar telah mendaftarkan diri sebagai seorang pengundi sah.

3.5 Hubungan dengan Luar Kampung

Walaupun kedudukan Kampung Permatang Janggus adalah agak ter-pencil, namun ia tidak menjadi penghalang kepada penduduk dalam mengadakan hubungan dengan luar kampung, khasnya dengan kawasan bandar yang berdekatan.

¹⁰ Perniagaan yang semakin merosot mungkin disebabkan bilangan wakil pelesen pembeli padi yang sudah bertambah dan lebih digemari oleh pesawah sebab mudah mendapat kredit.

Orang-orang di kampung tidak pergi ke bandar dengan sesuka hati tanpa mempunyai tujuan atau sebab tertentu.

Jadual 7: Bilangan Responden yang pernah atau tidak pernah keluar Mukim (berdasarkan tahun lepas, 1984)

Pernah atau tidak pernah keluar Mukim	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ya	34	68
Tidak	16	32
Jumlah	50	100

Jadual 7 menunjukkan 68% daripada jumlah responden pernah keluar dari Mukim manakala 32% pula tidak pernah. Antara tempat yang dikunjungi termasuklah Penaga (2 batu lebih dari Kampung Permatang Janggus), Kepala Batas (5 batu), Butterworth (17 batu), Pulau Pinang (20 batu), Alor Star (60 batu), Kulim (30 batu) dan tempat-tempat lain yang terkeluar daripada sempadan negeri seperti kawasan Jengka, Pahang, Kota Bahru dan Kuala Lumpur.

Mereka mempunyai sebab-sebab tertentu. Misalnya samada urusan kerja, urusan resmi kerajaan, membeli-belah, menziarah sanak-saudara atau sahabat-handai ataupun atas alasankesihatan. Berlakunya keadaan demikian ialah kerana satu-satu lawatan ke bandar bukan sahaja melibatkan perbelanjaan tambahan tetapi juga mengambil masa sekurang-kurangnya 'setengah hari'. Pada hal, dengan masa yang sama, seorang pesawah dapat menyelesaikan sebahagian besar kerja-kerja yang perlu dilakukannya.

Manakala, seorang buruh yang dibayar upah mengikut hari kerja akan kehilangan pendapatan untuk satu hari.

Penduduk-penduduk kampung yang tidak terlibat dalam pekerjaan pertanian, khasnya buruh, baik pekerja kilang, buruh kasar ataupun buruh binaan, terpaksa berulang-alik setiap hari dari kampung ke tempat kerja. Ianya berbeza-beza jauhnya, dari 3 batu hingga 20 batu, iaitu misalnya Penaga dan Pulau Pinang. Kebanyakan mereka menaiki motorsikal sendiri walaupun ada juga yang menumpang kenderaan rakan sekerja ataupun menaiki bas kilang yang disediakan.

Pekan Penaga, letaknya hampir 3 batu dari Kampung Permatang Janggus merupakan pekan yang paling dekat dengan kampung ini. Ianya terdiri daripada dua deret bangunan kedai di sebelah-menyebelah jalan utama yang merentasi pekan ini.

Penduduk kampung biasanya berbasikal sahaja untuk pergi ke Penaga. Di antara kemudahan yang diperolehi di sini ialah seperti barang-barang runcit di mana seseorang itu mempunyai banyak pilihan jika dibanding dengan kedai-kedai di kampung, yang pada hakikatnya memenuhi sebahagian besar keperluan orang kampung. 'Pasar sehari' juga terdapat di sini pada hari-hari Khamis dan Ahad, dengan gerai-gerai yang menjual barang-barang hasil tempatan seperti kelapa, ubi, pisang dan sayur-sayuran, pakaian, barang kegunaan dapur, ubat-ubatan, barang-barang plastik serta manisan dan sebagainya.

Penduduk Kampung Permatang Janggus juga memperolehi perkhidmatan pos dari sebuah pejabat pos di sini. Ini termasuk surat-surat berdaftar,

telegram dan terutama sekali Bank Simpanan Nasional kepada mereka yang mempunyai akaun simpanan. Sebuah Pusat Kesihatan Kecil¹¹ juga kedapatan di sini. Ramai penduduk Kampung Permatang Janggus mendapatkan rawatan luar pesakit di sini seperti demam, selsema, batuk dan lain-lain kesihatan ringan. Pejabat Persatuan Peladang kawasan Penaga juga bertempat di Penaga, di tepi pejabat pos. Di sini pesawah-pesawah boleh mendapatkan bantuan subsidi baja, benih dan sebagainya.

Murid-murid yang sudah menamatkan pelajaran di peringkat rendah dapat meneruskan pelajaran sekolah menengah di Sekolah Menengah Sri Muda yang terletak di sini. Sekolah ini menawarkan pembelajaran ke peringkat SPM dan pelajaran-pelajarnya datang dari kawasan Mukim yang sama atau kawasan berdekatan dengannya.

Penduduk Kampung Permatang Janggus juga berhubungan dengan Pekan Kepala Batas yang terletak sejauh 5 batu darinya. Pekan ini adalah lebih besar dari Penaga. Penduduk dari Kampung Permatang Janggus berpeluang membuat pilihan yang lebih lagi ke atas barang-barang yang ingin dibeli ataupun jika barang yang dihendakkan tidak dapat diperolehi dari Penaga, kemungkinan ia boleh diperolehi di sini. Sementara itu, beberapa orang pekedai dari kampung mendapatkan barang mereka dari Kepala Batas. Khasnya barang tak tahan lama seperti sayur-sayuran dan ikan menyebabkan mereka terpaksa ke Kepala Batas setiap hari.

Kedapatan juga di sini ialah perkhidmatan bank umpamanya melalui Bank Pertanian Malaysia dan United Asian Bank. Lazimnya, penduduk Kampung Permatang Janggus membuat pinjaman melalui cawangan Bank Pertanian di sini.

¹¹ Diantara perkhidmatan yang diberi ialah:

- (a) Perkhidmatan luar bandar, iaitu rawatan pesakit luar.
- (b) Klinik Bergerak.
- (c) Perkhidmatan ambulan dalam kes kecemasan khasnya.
- (d) Jururawat Kesihatan Awam (Public Health Nurse).
- (e) Klinik Jagaan Ibu Mengandung dan Kanak-kanak.

Jabatan Perkhidmatan Tāliair dan Parit yang terletak di sini juga, menjadi saluran utama terhadap aduan dan masalah petani-petani, khasnya dari Kampung Permatang Janggus, berhubung dengan kemudahan taliair yang disediakan. Selain daripada sekolah rendah, terdapat juga sebuah sekolah yang menyediakan pelajaran sehingga peringkat Tingkatan Enam, iaitu Sekolah Menengah Datuk Haji Ahmad Badawi. Di samping itu kedapatan juga Sekolah Darul Maarif Wataniah, sebuah sekolah persendirian khasnya kepada pelajar yang gagal dalam peperiksaan kerajaan dan masih ingin meneruskan pelajaran mereka.

Seterusnya, bandar terbesar yang paling dekat dengan KPJ ialah Butterworth. Disebabkan taraf kedudukannya yang istimewa di Seberang Prai Utara, iaitu sebagai pusat pentadbirannya, maka segala pejabat kerajaan, ringkasnya birokrasi kerajaan tertumpu di sini. Umpamanya dalam bangunan yang sama iaitu Bangunan Tun Syed Sheh Shahabudin, seseorang akan menemui pejabat-pejabat seperti Pegawai Daerah, Penghulu, Tanah, Penguatkuasa (Akta Penanam Padi) Seberang Prai/Pulau Pinang, Tanah Pesaka Kecil, dan lain-lain. Dengan itu sebarang masalah di kampung dapat dirujukkan ke pengetahuan kampung dengan menemui penghulu. Segala pembayaran hasil tanah, permohonan untuk tanah kediaman serta pertikaian mengenai tanah pesaka umpamanya, masing-masing dapat diselesaikan di Pejabat Tanah dan Tanah Pesaka Kecil. Di samping itu melalui Majlis Perbandaran Seberang Prai, seseorang itu memperbaharui lesen kesihatan khasnya mereka yang terlibat dalam perniagaan seperti kedai kopi dan minuman. Melaluinya juga orang kampung ini yang tidak mempunyai nombor rumah membuat permohonan mereka.

Sebagai sebuah bandar komersial yang penting di Seberang Prai, Butterworth juga menawarkan perkhidmatan professional seperti perhakiman, peguamcara, bank dan institusi kewangan lain.

Hospital Daerah juga memberi perkhidmatan kepada kawasan yang lebih luas dan kes-kes yang rumit atau teruk juga dirujukkan kepadanya. Sesungguhnya hospital ini akan dilawati hanya dalam keadaan yang serius atau kecemasan sahaja. Di sini juga terdapat sebuah balai bomba.

Butterworth, dengan beberapa buah pasaraya dan sebilangan besar kedai yang menjual beranika-jenis barang merupakan tumpuan bagi pembeli-belah termasuk mereka dari Kampung Permatang Janggus. Umpamanya, dalam pembelian motorsikal, perabut, barang-barang kemas - ringkasnya barang-barang yang mempunyai nilai yang tinggi.

Terdapat dua buah sekolah menengah yang menyediakan pelajaran-pelajarnya ke tahap tingkatan enam, iaitu Sekolah Menengah Datuk Onn dan Sekolah Menengah St. Mark. Disebabkan terdapat penumpuan sekolah-sekolah di bandar ini, maka didapati banyak pusat-pusat tuition dibuka juga. Beberapa orang pelajar dari Kampung Permatang Janggus juga menghadiri klas tambahan tersebut, khasnya mereka yang akan menghadapi SPM pada akhir tahun.

Berdekatkan dengan Butterworth ialah Prai, satu kawasan zon perdagangan bebas, tempat letaknya sebilangan besar kilang-kilang kepunyaan pelabur asing. Kilang-kilang ini menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut. Kampung Permatang Janggus juga tidak terkecuali atau ketinggalan dari pengaruh perkembangan

perusahaan. Ini lebih-lebih lagi dapat diperhatikan sepetimana terdapatnya segelintir penduduknya yang terlibat dalam pekerjaan-pekerjaan di kilang, baik di bahagian pembuatan maupun di bahagian teknik.

Di samping itu, Tentera Darat DiRaja Malaysia juga mempunyai sebuah markas di Butterworth. Seorang anak responden bekerja di sini sebagai askar.

Selain daripada hubungan yang disebutkan di atas, penduduk KPJ juga mempunyai hubungan sosial dengan penduduk berdekatan seperti Kg. Lembah, Kota Aur, Permatang Tok Brain dan Rantau Panjang - kesemuanya terletak di Mukim yang sama. Hubungan demikian diperkuatkan lagi melalui keramaian dan kenduri di mana kenalan atau saudara-mara akan dijemput. Selain dari itu, penduduk KPJ juga berpeluang berkenalan dengan mereka yang menggunakan mesjid KPJ, sekolah rendah KPJ khasnya di kalangan murid-murid dan di kalangan ibu-bapa pula semasa perjumpaan di sekolah. Pasar malam Kota Aur pada setiap malam Selasa juga merupakan satu tarikan kepada penduduk KPJ.

3.6 Pelajaran

Pelajaran dianggap sebagai jaminan untuk kehidupan masa depan yang lebih baik. Melalui pelajaran seseorang dapat memperbaiki kedudukan sosialnya melalui mobiliti sosial menegak. Berteraskan kesedaran ini, penduduk-penduduk KPJ menghantar anak mereka ke sekolah sebaik sahaja mencapai umur seperti yang telah ditetapkan. Tetapi perlu ditegaskan bahawa keadaan sekarang amat berbeza daripada zaman nenek-moyang mereka.

Pada masa dahulu, keadaan hidup serta pemikiran mereka tebal diselubungi kepercayaan-kepercayaan kolot dan tradisional. Justeru itu, pada masa kini didapati golongan yang tua, kebanyakannya adalah buta huruf biarpun pernah menghadiri sekolah untuk beberapa lama.

3.61 Pelajaran Bapa¹² Responden dan Responden

Jadual 8: Taraf Pelajaran Responden dan Bapa Responden Masing-masing

	Tahap Pelajaran				Jumlah
	Tiada	Sekolah Kebangsaan	Sekolah Menengah Rendah	Sekolah Menengah Atas	
Bapa Responden	34 68%	16 32%	-	-	50 100%
Responden	10 20%	34 68%	4 8%	2 4%	50 100%

Dari jadual 8, dapat diperhatikan bahawa bilangan mereka yang tidak bersekolah adalah ramai. Bagi bapa responden jumlahnya adalah 68% sementara

¹² Di sini ibu responden tidak dimasukkan sebab pada masa itu pandangan umum terhadap pelajaran khasnya kaum wanita adalah sempit. Adalah dilapurkan bahawa, "Opposition to education for girls was even more intense for Muslim conservatism considered that the proper place for a girl was the home," dalam Education in Malaya, Kementerian Pelajaran, Bahagian Perancang dan Menyelidik Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, ms. 11.

bagi responden jumlahnya ialah 20%. Pada peringkat sekolah kebangsaan pula, sejumlah 32% di kalangan bapa responden menghadiri sekolah tersebut. Kebanyakan mereka hanya sekadar mengikuti pelajaran untuk beberapa tahun sahaja, iaitu dari 2 hingga 4 tahun. Bagi responden pula jumlah yang terlibat dalam pelajaran sekolah kebangsaan adalah 68%. Di samping itu sejumlah 6% responden berjaya meneruskan pelajaran ke sekolah menengah (paling tinggi Tingkatan 5). Perkara ini tidak berlaku di kalangan bapa-bapa responden. Kemungkinan keadaan ini berpunca dari sikap dan mentaliti nenek-moyang responden terhadap pelajaran pada waktu itu. Seperti mana yang dinyatakan oleh Cheeseman, H.R.,

"Terdapat kesulitan yang amat besar... untuk mendapatkan orang Melayu menghantar anak-anak lelaki mereka ke sekolah-sekolah kerana orang-orang Melayu pada permulaannya seperti juga dengan nenek-moyang kita menentang pelajaran. Mereka khuatir ianya akan mengakibatkan anak-anak lelaki mereka itu goyang dan mereka tidak mahu kehilangan perkhidmatan mereka itu untuk menolong kerja-kerja di rumah."
(Awang Had Salleh; 1974:10)

Melalui masa, buta huruf dapat dikurangkan sebagaimana diperhatikan dari jadual, iaitu dari 68% pada zaman bapa responden kepada 20% pada masa responden. Keadaan ini adalah kesan dari "perubahan mentaliti dan

sikap orang ramai yang berleluasa pada masa itu.¹³

3.62 Pelajaran Anak Responden

Jadual 9: Taraf Pelajaran Anak-anak Responden

	Tahap Pelajaran							Jumlah
	Tiada/ Belum bersekolah	Sekolah Rendah	Sek. Men. Rendah	Sek. Men. Atas	Ting. 6	Ter- sieri	Ugama	
Anak responden yang sudah berhenti sekolah	1 1.9%	25 35.8%	28 40%	11 15.7%	1 1.4%	4 5.7%	-	70 100%
Anak responden yang masih bersekolah	20 20.8%	35 37.5%	24 25%	12 12.5%	2 2.1%	1 1%	2 2.1%	96 100%

$$\begin{aligned} * \text{ Jumlah anak-anak responden} &= 70 + 96 \\ &= 166 \end{aligned}$$

Mula-mula akan dilihat anak responden yang sudah berhenti sekolah, baik yang sudah bekerja ataupun sebaliknya. Sejumlah 40% berjaya menamatkan pelajaran ke tahap sekolah menengah rendah (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3). Manakala 35.8% hanya menghabiskan pelajaran pada takat sekolah rendah.

¹³ Adalah dilaporkan, "With the passage of time, the cobwebs of conservatism were swept away: outlooks and attitudes. Free education to Malay children in the vernacular schools which has all along been the educational policy of this country has lured the Malays even from the remotest kampung and the provision of buildings and teachers has not been able until of late, to keep pace with the demands of education," dalam Education in Malaya, Kementerian Pelajaran, Bahagian Perancang dan Menyelidik Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1968, ms. 11.

Mereka yang menamatkan pelajaran pada tahap tersieri (termasuk universiti dan maktab perguruan), iaitu sejumlah 5.7% tinggal dan bekerja di luar kampung. Sementara daripada 11 orang (15.7%) yang berjaya memasuki ke tahap sekolah menengah atas (Tingkatan 4 hingga 5), 9 orang bekerja di luar kampung - dimana 2 orang tinggal di kampung dari yang lain di luar kampung - dan 2 orang pula bekerja dan tinggal di kampung, iaitu masing-masing sebagai pekedai membantu ayahnya dan mengambil upah jahit baru orang sementara membuat permohonan untuk memasuki maktab perguruan. Mereka yang bekerja di luar kampung termasuklah kerani-kerani dan pegawai-pegawai kerajaan.

Dalam melihat pencapaian anak responden yang masih bersekolah pula, setakat ini 12.5% berada dalam peringkat menengah atas manakala 2.1% di peringkat Tingkatan 6. Di peringkat tersieri pula, hanya seorang sahaja yang berjaya melanjutkan pelajarannya dengan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam di sebuah universiti di Amerika Syarikat. Secara amnya, nampaknya wujud satu kecenderungan di mana bilangan pelajar semakin berkurangan dengan semakin tingginya tahap pelajaran.

Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus yang terletak di pekan kampung merupakan sekolah yang tunggal di kampung tersebut. Ia menyediakan kanak-kanak di kawasan sekitar Permatang Janggus (lain-lain tempat seperti Kampung lembah, Kota Aur, Rantau Panjang dan sebagainya) untuk pelajaran selanjutnya di sekolah menengah.

Ia didirikan pada 1894 dan pada 1959, pembukaannya dirasmikan

oleh Datuk Wong Pow Nee, selaku Ketua Menteri Pulau Pinang pada masa itu¹⁴. Sekolah ini mempunyai 3 klas untuk setiap Darjah 6, 5, 4 dan 3 serta 4 klas bagi setiap Darjah 2 dan 1. Pencapaian murid-murid terutamanya dalam Peperiksaan Penilaian Darjah 5 (1980 - 84) dapat dijadualkan seperti berikut:-

Jadual 10: Keputusan Peperiksaan Penilaian Darjah 5
(1980 - 84)¹⁵
Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus

Matapelajaran	1980	1981	1982	1983	1984
Bahasa Malaysia	75%	87%	78%	79.8%	84.1%
Bahasa Inggeris	36%	54%	36%	45.2%	60.2%
Matematik	38%	44%	52%	54%	68.1%
Sains	58%	76%	72%	78.2%	85%
Sejarah dan Geografi	79%	86%	72%	87.9%	89.4%
Peratus Lulus	21.5%	37.2%	30.1%	35.5%	50.4%
Yang Mendapat 5A	2	1	-	1	5
4A	-	2	-	5	3
3A	4	6	3	7	7

Secara keseluruhannya, pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik adalah agak rendah berbanding dengan yang lain.

¹⁴ Berdasarkan penerangan yang diberi oleh Gurubesar Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, Encik Ismail bin Saad.

¹⁵ Dipetik dari Buku Panduan Guru, Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, 1985.

Tambahan pula, pada tahun-tahun 1980 dan 1982 peratus pencapaiannya amat rendah sekali, iaitu pada 36%. Namun demikian, kelihatan juga bahawa pencapaian adalah semakin meningkat walaupun pertambahannya adalah kecil.

Untuk pelajaran menengah pula, murid-murid dari Kampung Permatang Janggus menghadiri Sekolah Menengah Sri Muda di Penaga. Seperti Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, sekolah ini juga bukan sahaja memberi kemudahan pelajaran kepada murid-murid Kampung Permatang Janggus tetapi juga kawasan di sekitar, di mana ia merupakan satu-satunya sekolah menengah yang kedapatan di kawasan tersebut ataupun yang paling dekat dengan rumah murid-murid. Ia mempunyai sejumlah 1868 orang. Sesi pagi terdiri daripada 5 klas untuk Tingkatan 5 dan 4 (2 klas sains dan 3 klas sastera) dan 13 klas untuk Tingkatan 3. Manakala sesi petangnya terdiri daripada 12 klas untuk Tingkatan 2 dan 13 klas untuk Tingkatan 1.

Seterusnya akan ditinjau pencapaian sekolah ini dalam peperiksaan SRP dan SPM.

Jadual 11: Keputusan Peperiksaan SRP (1980 - 84)
Sekolah Menengah Sri Muda, Penaga

Tahun	Bilangan Calun	Gred A	Gred (35-37)	B (38-40)	Gred C	Lulus 1 subjek sahaja	Gagal	Tidak hadir	Gred A(%)
1980	321	124	24	16	9	141	6	1	38.63
1981	363	162	35	25	10	124	5	2	44.63
1982	414	176	44	25	7	144	18	-	42.52
1983	455	202	50	19	3	150	26	5	44.4
1984	463	184	41	27	2	194	15	5	40.17

Berdasarkan jadual 11, didapati bagi keempat tahun yang lalu, peratus yang memperolehi gred A tidak pernah menyentuh angka 50%, yang secara otomatisnya membenarkan seseorang pelajar meneruskan pelajarannya ke Tingkatan 4. Bagi tahun lepas 1984, 20 orang pelajar telah ditawarkan tempat di sekolah berasrama penuh, manakala seramai 38 orang mengulangi Tingkatan 3.

Jadual 12: Pencapaian Peperiksaan SPM (1980 - 84)
Sekolah Menengah Sri Muda Penaga

Tahun	Bilangan Calon	Gred 1	Gred 2	Gred 3	Sijil Am Pelajaran	Gagal	Tidak hadir	Peratus (%)
1980	171	2	22	92	17	38	-	67.84
1981	174	4	17	83	30	37	-	61.49
1982	186	6	32	66	58	24	-	55.91
1983	229	8	33	114	60	14	1	67.97
1984	223	6	37	85	68	26	1	55.91

Di antara keempat-empat tahun, tahun 1980 menunjukkan pencapaian yang paling tinggi dalam peperiksaan SPM, iaitu sebanyak 67.97%. Bilangan pelajar yang memperolehi gred 1 tidak pernah melebihi 10 orang ataupun di antara 2% hingga 5% daripada jumlah calon yang menduduki peperiksaan tiap-taip tahun. Majoriti pelajar mendapat gred 2. Walau bagaimanapun 29 orang pelajar berjaya meneruskan pelajaran mereka ke Tingkatan 6 samada di Sekolah Menengah Datuk Onn, Butterworth atau Sekolah Menengah Datuk Haji Ahmad Badawi, Kepala Batas. Di samping itu seramai 20 orang pula mengulangi Tingkatan 5.

Adalah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa pencapaian dalam pendidikan adalah jauh dari memuaskan.¹⁶ Kesilapan bukan sahaja terletak pada murid-murid sendiri malah juga pada ibu-bapa serta guru-guru. Tidak dapat disangkal bahawa kebanyakan murid tidak mempunyai motivasi untuk belajar lebih-lebih lagi dengan keadaan pembelajaran yang tidak mencabar di sekolah. Ada juga murid yang didapati malas melakukan kerja-rumah. Keadaan ini mungkin adalah hasil pengaruh sikap ibu-bapa dan environmen di rumah. Ibu-bapa tidak dapat memberi perhatian penuh terhadap pelajaran anak. Kebanyakan mereka mempunyai pendidikan yang terbatas atau tiada langsung. Oleh itu, mereka tidak dapat membantu anak dalam pelajaran di rumah. Bagi keluarga di mana keadaan kewangan adalah terdesak si ayah terpaksa bertungkus-lumus mencari nafkah untuk menyuap anak-isteri. Sesudah penat bekerja, pasti ia keletihan dan ingin berehat-rehat tanpa dibebani dengan masalah pelajaran anak pula. Si ibu pula asyik dengan kerja rumah - masing-masing sibuk dengan urusan dan kerja.

Professor Awang Had Salleh, dalam satu kertas kerjanya menyatakan bahawa,

*"Walaupun mereka (ibu-bapa) mungkin memikirkan pentingnya pendidikan bagi membantu anak-anak mereka mengubah nasib, tetapi pemikiran itu tidak merupakan keyakinan yang sungguh. Oleh itu, mereka sebenarnya tidak melihat bagaimana pendidikan dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya bagi membantu kehidupan anak-anak mereka kelak... pemikiran itu adalah samar-samar dan tidak begitu jelas selok-beloknya kepada mereka."*¹⁷

¹⁶ Keterangan selanjut adalah berdasarkan temubual dengan kedua-dua orang gurubesar, Sekolah Kebangsaan KPJ dan Sekolah Menengah Sri Muda, Penaga.

¹⁷ Awang Had Salleh, "Aspek Pendidikan Dalam Kemiskinan", dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar, Anjuran Institut Pertanian Malaysia, Alor Star, 1983, ms. 3.

Misalnya, apabila ditanya jenis pekerjaan yang ingin anak mereka jawat kelak, kebanyakan mereka memberi jawapan yang samar-samar. Misalnya banyak yang mengatakan 'terpulanglah kepada anak' dan 'tak tahu'. Keadaan demikian juga mencerminkan bahawa konsep 'perancangan' (planning) tidak wujud atau kurang kedapatan di kalangan penduduk kampung ini. Oleh itu, jika anak mereka gagal dalam peperiksaan atau gagal memasuki Tingkatan 4 atau 6 pun 'tak apalah'.

Keadaan di rumah juga tidak membantu seorang murid memupuk tabiat suka membaca atau pembelajaran. Tidak ada tempat yang dikhaskan semata-mata untuk tujuan ini atau sekurang-kurangnya sesuai untuk berbuat demikian. Kerja sekolah dilakukan di tengah-tengah kebisingan adik kecil dan di antara suruhan atau arahan membantu ayah dan ibu. Di rumah juga tidak ada buku-buku tambahan atau suratkhabar. Tidak ada permainan yang bersifat manipulatif untuk mengembang potensi seseorang budak. Keadaan ini juga berpunca dari ibu-bapa yang tidak mengetahui "the sophistication of education".¹⁸

Di pihak yang lain pula, guru-guru yang sudah lama ditempatkan di sekolah tertentu berkecenderungan untuk hilang kepercayaan terhadap

¹⁸ Satu contoh yang jelas ialah sukan. Kebanyakan ibu-bapa menganggap bersukan sebagai bermain-main dan bersuka-suka sahaja. Jadi bagaimakah ini dapat membantu anak mereka dalam mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan nanti? Begitu juga dengan pembacaan buku cerita, menonton televisyen dan sebagainya. Kesemua ini dianggap semata-mata sebagai hiburan sahaja.

kebolehan murid-murid. Tahap jangkaan terhadap murid-murid akan turun diikuti dengan turunnya usaha mengajar mereka. Mereka juga tidak memberi perangsang kepada murid-murid. Keadaan demikian boleh meruntuhkan konsep dirinya (self-concept) dan sifat mudah mengalah atau 'terserah kepada nasib' mula merusuk jiwa mereka.

Secara keseluruhannya, kadar keciciran adalah rendah. Tetapi perkara yang menonjol ialah ia masih melibatkan segelintir murid-murid khasnya mereka dari keluarga miskin.

3.7 Pemilikan Harta dan Pembentukan Klas/Status

Rumah-rumah di Kampung Permatang Janggus lazimnya berselerak serta berasingan dari satu sama lain, di merata-rata kawasan 'tanah kampung'¹⁹. Rumah bentuk tradisi Melayu ini berbumbung atap nipah berdanding papan dan dibina atas tiang-tiang.

Secara amnya rumah ini dibahagikan kepada dua bahagian utama; bahagian atas dan bawah. Bahagian atas ini pula terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian utama digunakan untuk tujuan yang pelbagai, iaitu baik sebagai ruang tamu, tempat beristirehat mahupun tempat tidur. Kadang-kadang bilik tidur disekatkan juga. Bahagian dalam pula biasanya

¹⁹ 'Tanah kampung' merujuk kepada tanah atas mana terdirinya rumah-rumah termasuk kawasan sekitarnya yang ditumbuhi pokok-pokok. Manakala 'tanah sawah' diertikan dengan khusus sebagai kawasan penanaman padi.

terletak dapur yang mana kayu digunakan sebagai bahanapi. Dapur minyak mungkin dapat digunakan menggantikan dapur kayu. Seterusnya, di bahagian depan rumahlah letaknya serambi di mana padanya sebuah (kadang-kadang dua buah) anak tangga disandarkan. Bahagian bawah rumah pula diguna sebagai tempat meletak motorsikal dan (atau) basikal, tempat menyimpan beras dan sebagainya.

Di samping itu, kedapatan juga rumah-rumah lain yang moden dan besar di mana bahagian bawah rumah disekat dengan dinding batu tetapi bahagian atas adalah papan dan berbungung zing. Dalam keadaan ini, lazimnya bahagian bawah dijadikan ruang tamu, manakala bahagian dalam sebagai dapur. Rumah-rumah moden begini biasanya dilengkapi dengan air paip. Dengan ini, sebuah bilik mandi biasanya kedapatan di luar, khasnya di belakang rumah ataupun disambungkan pada bahagian belakang rumah tersebut.

Saiz rumah pada keseluruhannya tidak banyak berbeza kecuali beberapa kes di mana saiz rumah tersebut adalah 'terlalu' kecil dan ketara sekali. Di sini satu kes akan digunakan sebagai contoh. Luas rumah tersebut adalah 120 kaki persegi (10 kaki x 12 kaki) tetapi ianya didiami oleh seramai 11 orang penghuni²⁰. Ini menimbulkan masalah khasnya semasa tidur sebab sesak malah terpaksa baring sehingga pada muka pintu. Kes kedua pula ialah sebuah rumah dalam keadaan separuh siap dan dalam

²⁰ Penghuni rumah ini terdiri daripada satu keluarga nuklear. Anak yang sulung berumur 15 tahun dan yang bongsu 1 tahun.

keadaan itu juga keluarga tersebut menghuninya. Rangka rumah yang berdingin batu pada bahagian bawah dan bumbung zing siap dibina cuma bahagian dalamnya dibiarkan di mana lantai pun tidak bersimen. Rumah ini dibina secara berperingkat-peringkat sebab batasan kewangan. Seperti yang dinyatakan oleh tuan rumah, "Bila ada duit, buatlah sikit-sikit...."

Kalau kita alihkan pandangan pula pada keadaan halaman rumah, didapati kawasan sekeliling rumah adalah agak luas dan kelihatan samada bersih ataupun bersepah-sepah dengan sampah-sarap terutamanya pada bahagian dekat dengan dapur. Pokok-pokok buah-buahan seperti betik, jambu, rambutan dan lain-lain pokok rendang untuk tujuan meneduh juga ditanam. Pokok-pokok bunga mungkin ditanam juga, terutamanya untuk menghiasi serambi. Namun begitu, kebun-kebun kecil (garden plot) payah ditemui. Beberapa ekor ayam mungkin didapati dikurung dalam reban, biasanya di tepi atau belakang rumah.

Beberapa kaki jaraknya dari rumah ialah sebuah telaga dimana kelilingnya disekat dengan papan untuk membentuk sebuah bilik mandi 'makeshift'. Berhampiran ialah beberapa tali (dawai) untuk menjemur kain yang diikatkan pada tiang-tiang. Manakala tandas curah(bagi yang memiliki sahaja), didirikan di belakang rumah²¹.

Dari segi pemilikan rumah pula, 84% daripada jumlah responden ahli keluarganya adalah tuan punya rumah yang mereka diamai. Yang lain

²¹ Untuk keterangan mengenai bilangan menguna air paip dan memiliki tandas curah, sila rujuk kembali Bab 2.6 Kemudahan Asas, ms.17



GAMBAR 5: BENTUK SEBUAH RUMAH YANG LAZIM KEDAPATAN DI KAMPUNG PERMATANG JANGGUS



GAMBAR 6: SEBUAH PONDOK YANG DIDUDUKI OLEH 11 ORANG AHLI KELUARGA



GAMBAR 7: SEBUAH BILIK AIR/PERIGI



GAMBAR 8: TANDAS CURAH DI BELAKANG RUMAH

pula adalah kepunyaan orang lain. Dari segi pemilikan tapak rumah, 29% responden ataupun ahli keluarganya memiliki tapak rumah tersebut. Selebihnya itu dimiliki oleh orang lain (menyewa) ataupun tidak perlu membayar sebarang sewa kepada tuan punya ataupun adalah tanah tumpangan sementara kerajaan (TOL).

Penduduk Kampung Permatang Janggus adalah penuh kesederhanaan dan tidak ramai yang mempunyai harta-harta seperti perabut yang mahal, misalnya kusyen set bahkan ada juga rumah yang tidak dilengkapi kerusi-meja ataupun perkakas rumah seperti kipas letrik, peti ais atau dapur gas. Mengikut Bailey (1980:46) alat-alat demikian dilihat sebagai status simbol sebab hanya terbatas kepada segelintir masyarakat kampung yang mampu sahaja. Pernah diketemui rumah-rumah yang agak kosong di dalamnya. Lazimnya, rumah-rumah ini memperlihatkan keadaan seolah-olah dilengkapi dengan alat-alat sekadar memenuhi keperluan asas seperti tikar mengkuang, bantal-selimut, sebuah almari buruk, periuk-belanga serta pinggan-mangkuk. Jika adapun kerusi-meja yang kedapatan itu kelihatan lama, samada diperbuat daripada kayu ataupun jenis formica²². Keadaan dalam rumah kadang-kadang tidak kemas, kelihatan bersepah-sepah dengan kain baju atau dalam keadaan yang tidak teratur, lebih-lebih lagi jika terdapat kanak-kanak dalam rumah tersebut. Lantai akan mudah menjadi berpasir. Kanak-kanak ini gemar bermain kejar-mengejar, berkaki-ayam turun-naik dari rumah.

²²Rumah di mana bahagian bawahnya tidak disekat, biasanya tidak dilengkapi kerusi meja. Tamu yang datang akan dipelawa 'naik ke atas rumah' di mana gulungan tikar akan dibuka dan tamu dipersilakan duduk.

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga rumah-rumah yang bersih dan kemas, dihiasi dengan elok. Perkakas seperti kusyen set, kipas letrik, televisyen, radio dan perhiasan lain diatur dengan rapi di ruang bilik tamu.

Sebahagian besar rumah dilengkapi dengan televisyen hitam-putih dan radio. Tidak ada sebuah pun televisyen warna di kampung. Sejumlah 40% dari responden didapati memiliki televisyen, iaitu satu-satu bentuk rekreasi yang popular. Walaupun pengkaji tidak dapat memberi anggaran jumlah yang memiliki radio, namun kenyataan ini dibuat berdasarkan perhatian semasa kerja lapangan. Mesin jahit juga seperti televisyen dimiliki oleh 40% responden. Manakala 30% daripada jumlah responden memiliki kipas letrik dan 16% pula memiliki peti ais.

Dari segi pemilikan kenderaan, basikal didapati dihampir setiap rumah di Kampung Permatang Janggus. Ini diikuti dengan motorsikal yang dimiliki oleh sejumlah 40% responden. Manakala pemilikan kereta hanya melibatkan sejumlah kecil responden, iaitu 10%²³. Di sini kelihatan juga, bahawa dengan semakin tinggi nilai kenderaan itu, semakin kurang orang yang mampu memilikinya. Justeru itu, pemilikan kereta adalah satu keadaan yang memberikan status kepada seseorang. Kemampuan memiliki simbol status seperti kereta amat dikagumi oleh penduduk kampung secara umumnya. Tetapi, pada masa yang sama ia menimbulkan perasaan kurang senang (irihati) terhadap mereka yang begitu berjaya. Sebagaimana

²³ Kesemua kereta adalah jenis yang sudah dipakai oleh orang lain (second-hand).

dinyatakan oleh M.G. Swift (1965:151) iaitu,

"The most general acceptable basis of claims to superior status in the village is wealth."

Perlu ditegaskan di sini bahawa segelintir kecil penduduk kampung tersebut yang memiliki kereta adalah terlibat dalam perniagaan seperti pekedai/peniaga dan ketua kampung.

Mereka ini mempunyai kedudukan yang istimewa dalam ertikata sekiranya berlaku sebarang kecemasan maka kepada mereka akan diminta bantuan menghantar mangsa yang malang itu ke hospital atau sebagainya. Mereka juga seolah-olah terikat kepada obligasi untuk ditumpangi oleh orang kampung khasnya, sewaktu hendak ke pekan.

Penulis berpeluang menemui keadaan di mana seorang duda tua menumpang di rumah kakaknya, seorang janda tua yang tinggal bersendirian. Duda ini berbuat demikian atas sebab keadaan penyakit batuknya yang amat tenat. Apabila keadaannya tidak pulih-pulih, maka janda itu akhirnya meminta jiran sebelahnya yang memiliki sebuah kereta untuk menghantar pesakit itu ke Hospital Daerah Butterworth.

Jadual 13 pada muka surat 68 . menunjukkan corak pemilikan harta berdasarkan 50 responden seperti yang telahpun diuraikan awal tadi.

3.8 Sikap dan Nilai

Penduduk di kampung mempunyai ikatan yang kuat terhadap kampung halaman mereka. Lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang dilahirkan dan dibesarkan di situ. Kehidupan di kampung sudah sebatی dengan mereka

Jadual 13: Corak Pemilikan Harta (Petunjuk Sosial) 50 Responden

Petunjuk Sosial	Bilangan Responden	Peratus (%)
*Rumah (kepunyaan sendiri)	42	84
Tapak rumah (kepunyaan sendiri)	29	58
Motorsikal	20	40
Kereta	5	10
Kipas elektrik	15	30
Peti ais	8	16
Televisyen	30	60
Mesin jahit	20	40
Dapur gas	5	10
Kusyen set	6	12

* Kepunyaan sendiri bermaksud samada kepunyaan responden sendiri atau isteri ataupun ahli keluarga lain sebab jelas akan dipunyai oleh responden pada masa akan datang.

dan kebanyakan mereka tidak pernah mengenali kehidupan selain dari apa yang dihayati di kampung. Keengganannya untuk meninggalkan kampung juga mempunyai kaitan dengan hubungan yang kuat dengan keluarga dan sanak-saudara di kampung. Oleh itu maka tidak hairanlah jika mereka berharap akan terus hidup di situ sehingga akhir hayat mereka. Sikap demikian sudah jauh tertanam dalam jiwa dan penduduk jati terutamanya golongan tua. Perkara ini dapat difahami memandangkan hakikat bahawa anak-anak mereka sudah besar dan masing-masing mempunyai keluarga. Keinginan untuk tinggal selama-lamanya di kampung juga diperkuatkan melalui pemilikan harta seperti rumah dan tanah sawah. Malah, bagi mereka

yang mempunyai ramai anak yang bersekolah khasnya, mereka juga tidak berminat untuk berpindah.

Golongan muda, misalnya mereka yang baru mendirikan rumah tangga atau yang hanya mempunyai seorang-dua anak, berpandangan lebih fleksibel. Mereka tidak menolak kemungkinan berhijrah ke luar dari kampung jika wujud peluang pekerjaan yang lebih menjamin masa depan mereka.

Ugama memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat, lebih-lebih lagi di dalam masyarakat berugama Islam seperti Kampung Permatang Janggus. Penduduk di kampung memandang berat terhadap penimbaan pengetahuan ugama seperti yang dibayangkan dengan sambutan yang baik terhadap klas-klas ugama yang diadakan.²⁴ Orang yang berpengaruh dan dihormati di kampung di antaranya termasuklah imam, guru-guru ugama, kadi atau orang-orang alim lain serta ketua kampung. Keistimewaan golongan ini terletak pada kelebihan mereka dalam pengetahuan di bidang ugama atau memiliki sifat-sifat peribadi yang dipuji seperti peramah dan murah hati. Status tinggi yang diberi kepada mereka dapat diperhatikan semasa kenduri atau perayaan seperti Maulud Nabi diadakan. Kenduri ini lazimnya didahului dengan pembacaan doa dengan diketuai oleh imam. Selain dari itu, penduduk kampung menyanjung tinggi orang-orang yang telah menunaikan haji di Mekah kerana ini merupakan kemuncak daripada pencapaian ibadat seorang Islam. Oleh itu adalah menjadi aspirasi setiap umat Islam yang beriman supaya satu hari nanti mereka akan menjelak kaki ke Mekah sekurang-

²⁴ Untuk penerangan lanjut mengenai kegiatan ugama lihat 3.42 Hubungan formal, (a) Jawatankuasa Khariah Mesjid, ms. 36.

kurangnya sekali dalam riwayat hidup mereka.

Ketua kampung juga sangat dihormati di kalangan anak buahnya. Keadaan ini dapat dikesan melalui kedudukannya yang penting, iaitu sebagai perantaraan di antara kerajaan dan penduduk kampung. Ia berperanan menyampaikan maklumat kerajaan serta mendapatkan maklum-balas daripada penduduk kampung. Ia menjawat berbagai-bagai jawatan di kampung termasuk Pengerusi JKKK, Pengerusi Jawatankuasa Khariah Mesjid, Pengerusi PIBG dan seterusnya Ketua UMNO KPJ.

Ini meletakkannya dalam satu keadaan yang berkuasa. Tambahan pula, dari segi ekonomi ia agak selesa. Ianya mempunyai bahagian dalam sebuah syarikat perniagaan yang terlibat dalam pembekalan pasir dalam industri pembinaan yang berpejabat di Butterworth. Sebagai seorang yang giat dalam aktiviti perniagaan, disamping terdedah kepada keadaan hidup di bandar dengan pergaulan dan kenalannya yang ramai, maka ia dipandang sebagai seorang yang berkebolehan dan berpengalaman.

Pelajaran yang tinggi samada sekular atau ugama dipandang tinggi oleh masyarakat di kampung. Orang-orang yang berjaya mencapai pelajaran ke peringkat tersieri, misalnya semasa kerja lapangan dijalankan seorang teruna kampung sedang mengikuti kursus kejuruteraan di sebuah universiti di Amerika Syarikat, amat dihormati sehingga seluruh kampung mengetahui dia itu anak kepada siapa dan sebagainya. Ia juga sering digunakan sebagai contoh ketika ibu-bapa menasihati anak-anak mereka supaya belajar bersungguh-sungguh.

Begitu juga dengan mereka yang berjaya terlepas dari belenggu hidup di kampung. Kumpulan ini lazimnya memegang jawatan-jawatan dalam

pentadbiran kerajaan seperti pegawai ataupun guru-guru sekolah. Mereka ini menetap di luar kampung biasanya. Semasa berada di kampung sewaktu cuti, misalnya pada Hari Raya Puasa, mereka akan dilayan dengan baik, dengan penuh kehormatan. Keadaan demikian adalah pengiktirafan terhadap hakikat bahawa pelajaran, terutama sekali yang sekular dan sedikit sebanyak bercorak ugama adalah syarat yang penting bagi mendapatkan pekerjaan dan pendapatan yang baik (Syed Husin Ali: 1964; 109).

Dalam membincangkan status, perlu disedari bahawa selain dari keadaan ekonomi, pengaruh-pengaruh nilai masyarakat umum perlu juga diambilkira. Sifat-sifat peribadi seperti jujur, baik budi pekerti, murah hati, rajin berusaha serta jimat-cermat adalah di antara sifat yang disanjung tinggi oleh masyarakat kampung. Ringkasnya, seperti disimpulkan oleh S. Husin Ali bahawa

"Status is the manifestations of the way members of a community differentiate and rank each other according to such factors and criteria which reflect the social values, attitude and beliefs in the community." (1964:58)

3.9 Kesimpulan

KPJ mempunyai organisasi sosial yang teratur. Disebabkan usaha-usaha pembangunan oleh kerajaan, maka ia juga mula dilanda unsur-unsur modenisasi seperti infrastruktur yang lebih baik.

Namun demikian unsur-unsur masyarakat Melayu tradisi masih menonjol di KPJ. Misalnya sistem derau dan gotong-royong. Hubungan

anggota kampung masih dicirikan dengan sikap kekitaan dan perpaduan.

Keadaan ini diperkuatkan lagi dengan fahaman ugama yang sama justeru itu menwujudkan pertalian persaudaraan sejagat di bawah ugama Islam.

Mobiliti geografi adalah rendah. Ianya dibatasi dengan pendidikan serta ketiadaan kemahiran. Seterusnya, hubungan kekeluargaan serta ikatan dengan kampung halaman yang kuat turut juga menghambat berlakunya migrasi. Jika jenis pekerjaan yang diceburi di kampung lazimnya berunsurkan pertanian maka bagi mereka yang bekerja di luar kampung pula biasa adalah jenis bukan-pertanian serta bergaji tetap seperti perkhidmatan kerajaan.

Taraf pencapaian pelajaran masih rendah walaupun ada penduduk yang telahpun berkelulusan peringkat tersieri. Tambahan pula, bilangannya adalah amat kecil sekali.

Ugama memainkan peranan penting dalam hidup penduduk KPJ. Ia juga mempunyai pengaruh ke atas pembentukan sikap dan nilai masyarakat.

Akhir sekali, wujud juga fenomena klas di KPJ. Walaupun ianya masih tidak berapa jelas namun kewujudannya tetap tidak boleh diketepikan begitu sahaja.

BAB 4

ASPEK EKONOMI KAMPUNG PERMATANG JANGGUS

Dalam bab ini analisis akan bertumpu pada aspek ekonomi kampung yang dikaji, meliputi pekerjaan, pendapatan dan perbelanjaan, tabungan dan hutang/pinjaman serta mobiliti sosial. Penekanan kepada soal-soal ini adalah memandangkan hubungan saling berkait antara faktor-faktor ini khasnya antara pekerjaan, pendapatan dan pemilikan¹. Tambahan pula, faktor-faktor ekonomi dapat menimbulkan keadaan perbezaan sosial seperti pembentukan klas, gaya hidup serta peluang-peluang hidup di kalangan anggota masyarakat.

4.1 Pekerjaan

Jenis pekerjaan seseorang menentukan jumlah pendapatan yang akan diperolehnya. Manakala pekerjaan pula ditentukan oleh beberapa faktor, misalnya faktor sosial seperti pelajaran dan kemahiran. Jumlah pendapatan yang diperolehi pula akan menentukan keselesaan hidup, khasnya dari segi material. Pendapatan yang tinggi juga mempunyai implikasi sosial tertentu dalam hidup seseorang. Akhir sekali, ia juga menentukan keupayaan menabung seseorang.

¹ Syed Husin Ali, "Aspek-aspek Kemiskinan dari Sudut Sosiologi", dalam Seminar Kemiskinan Luar-bandar, Anjuran Institut Pertanian Malaysia, Alor Star, 1983, ms. 8.

4.11 Pekerjaan Utama

Jadual 14: Pekerjaan Utama 50 Responden

Jenis Pekerjaan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Pesawah	26	52
Buruh (kerajaan/swasta)	8	16
Pekerja kilang	5	10
Pekedai/peniaga	5	10
Perkhidmatan kerajaan (kecuali buruh)	4	8
Lain-lain	2	4
Jumlah	50	100

Berdasarkan jadual di atas,uraian mengenai pekerjaan dapat dibahagikan kepada berikut:-

(a) Pesawah

Pekerjaan penanaman padi merupakan pekerjaan yang penting di Kampung Permatang Janggus, melibatkan 52% dari jumlah responden. Ianya merangkumi pengerajan tanah samada kepunyaan sendiri, yang disewa atau kedua-duanya sekali ataupun yang mengambil upah mengerjakan tanah sawah orang lain. Bagi 'pesawah' kategori akhir ini kerja semakin susah diperolehi memandangkan penggunaan jentera yang semakin meluas.

Penanaman dilakukan dua kali setahun dengan melibatkan penanaman padi luar musim dan padi musim. Rata-rata, satu proses penanaman padi

mengambil masa hampir 6 bulan, bermula dari 'masuk air' sehingga padi masak siap untuk dipasarkan. Penggunaan teknologi moden misalnya trektor membajak dan 'combine harvester' adalah meluas di sini. Mesin-mesin ini lazimnya adalah kepunyaan orang lain (biasanya di luar kampung) dan oleh itu pesawah terpaksa mengupah mereka mengerjakan tanah sawah. Selain itu, pesawah-pesawah juga biasanya mengupah buruh-buruh di kampung memindahkan anak-anak semaian ke sawah. Jadi pada awal masa penanaman, sejumlah wang tertentu diperlukan untuk membiayai perbelanjaan tersebut.²

Disebabkan sawah-sawah ini didapati tertumpu di kawasan sekitar kampung, maka pengangkutan tidak menjadi masalah. Pesawah-pesawah ini biasanya menunggang basikal atau menaiki motorsikal sahaja ke bendang. Kehidupan seorang pesawah bermula dari pagi lagi dimana ia turun ke bendang dan berehat sebentar untuk makan tengahari (samada pulang ke rumah ataupun membawa bekalan makanan dari rumah) dan menyambung balik kerja mereka sehingga petang. Dari segi pendapatan pula, pesawah hanya akan dapat menikmati hasil titik peluh mereka apabila padi dijual, iaitu pada akhir tempoh 6 bulan tersebut.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah ialah pengawalan taliair yang tidak cekap, keberterancaman terhadap bencana alam seperti cuaca, penyakit atau binatang perosak. Tetapi masalah yang lebih runcing lagi termasuklah pemilikan tanah, produktiviti rendah serta 'stagnant padi yields'.

² Lihat Bab 4.4 "Perbelanjaan, Tabungan dan Hutang", ms. 95.

(b) Buruh

Seterusnya, pekerjaan yang kedua penting di KPJ ialah pekerjaan buruh (16%) yang meliputi kedua-dua sektor kerajaan dan swasta. Untuk ketiga-tiga responden dalam sektor kerajaan, masing-masing adalah buruh MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Prai), LLN (Lembaga Letrik Negara) dan LPN. Kerja yang dilakukan termasuk menyapu dan mengangkut sampah, membersihkan kawasan perbandaran, menggali dan memasang kabel, mengangkut guni-guni beras dan sebagainya. Di pihak swasta, pekerjaan buruh tertumpu kepada kerja-kerja pembinaan seperti buruh kontrek.

Lazimnya tempat bekerja adalah di luar kampung seperti Penaga (3 batu), Butterworth (17 batu) dan Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang (30 batu). Malah seorang responden memberitahu kerjanya pernah membawanya ke Kelantan. Justeru itu, dalam kes-kes tertentu tempat bekerja itu bergantung kepada dimana letaknya tapak pembinaan yang seterusnya bergantung pula kepada kontrek yang diperolehi oleh majikannya. Lazimnya buruh-buruh ini menaiki motorsikal sendiri ke tempat kerja ataupun bagi mereka yang tidak mempunyai kenderaan sendiri, maka mereka terpaksalah menumpang kenderaan orang lain.

Berbeza daripada buruh kerajaan, buruh swasta binaan lazimnya dibayar mengikut setiap hari mereka datang bekerja. Kebetulan jika mereka jatuh sakit atau cuaca buruk ataupun 'malas kerja'³ pada satu-satu hari, maka mereka akan kehilangan pendapatan untuk hari tersebut.

³ Apabila ditanya kenapa tidak bekerja hari itu seorang responden yang ditemui mengatakan bahawa ia malas hendak pergi kerja.

(c) Pekerja Kilang

Pekerjaan kilang melibatkan 2 orang responden wanita dan 3 orang responden lelaki. Pekerja wanita ini bekerja di bahagian pengeluaran manakala responden lelaki ini bekerja di bahagian penjagaan mesin. Masa bekerja adalah tertakluk kepada 'giliran'. Oleh itu masa kerja sentiasa bertukar-ganti dan tidak tetap.

Kilang-kilang perusahaan ini terdapat di kawasan Perusahaan Prai, kira-kira 18 batu dari Kampung Permatang Janggus. Pekerja wanita menggunakan bas kilang yang disediakan oleh pihak majikan manakala responden lelaki menaiki motorsikal masing-masing.

(d) Pekedai/peniaga

Kategori seterusnya, pekedai/peniaga melibatkan 5 orang responden. Empat orang membuka kedai runcit di kampung dan seorang daripada mereka juga mempunyai perniagaan kelapa. Seorang lagi pula membeli-jual kelapa.

Dua orang pekedai memberitahu bahawa mereka memerlukan lebih kurang \$1000 sebulan sebagai modal pusingan. Mereka mendapatkan barang runcit dari kedai-kedai yang lebih besar seperti di Penaga dan Kepala Batas. Bayaran lazimnya adalah dalam bentuk tunai walaupun kredit selama 30 hari dibenarkan oleh kebanyakan pembekal mereka.

Untuk memperolehi barang makanan tak tahan lama ini (seperti sayur-sayuran dan ikan) maka pekedai-pekedai ini terpaksa pergi ke pekan-pekan tersebut setiap pagi untuk mendapatkan bekalan. Ini dilakukan dengan motorsikal ataupun dengan kereta mereka sendiri.

(e) Perkhidmatan kerajaan kecuali buruh

Kategori ini membentuk 8% daripada jumlah responden. Pekerjaan di bawah kategori ini adalah berbeza-beza, umpamanya, guru ugama, kadi, tukang masak dan ahli bomba. Disamping mengajar, guru ugama ini adalah juga gurubesar sekolah ugama di kampung di bawah kelolaan kedua-dua Jabatan Pelajaran dan Majlis Ugama Islam Pulau Pinang. Tok kadi ini pula merupakan kadi untuk Penaga dan pada masa yang sama adalah juga Penolong Ketua Kadi Kepala Batas. Segala hal rasmi kerap kali dikendalikan dari rumahnya bagi penduduk Kampung Permatang Janggus.

Tukang masak ini pula bekerja di Hospital Besar Pulau Pinang manakala ahli bomba ini bekerja di Butterworth. Kedua-dua mereka berulang-alik setiap hari kerja dengan motorsikal masing-masing.

(f) Lain-lain

Akhir sekali terdapat dua orang tua yang tidak lagi bekerja dan sebagai ketua rumah mereka turut terlibat dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, responden lelaki tua ini adalah seorang tuan-tanah, tetapi sesungguhnya pendapatan yang diperolehi dari sewa tanahnya tidak mencukupi untuk menyara ahli sebuah rumahtangga⁴. Akhir sekali, seorang janda tua pula tinggal berseorangan sambil menerima elaun bulanan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat.

4.12 Pekerjaan Sambilan

Pekerjaan sambilan merupakan satu punca menambah pendapatan

⁴ Lihat Bab 4.31 "Pendapatan Ketua Keluarga", ms.87.

yang utama. Jenis pekerjaan yang dilakukan banyak bergantung kepada sifat pekerjaan utama responden, khasnya dari segi masa, tenaga, modal dan keupayaan.

Jadual 15: Pekerjaan Sambilan Mengikut Jenis Pekerjaan Utama 50 Responden

Pekerjaan Sambilan	Jenis Pekerjaan Utama	Bilangan Responden (Orang)	Jumlah Responden (orang)	Peratus (%)
Ada	Pesawah	12	20	40
	Bukan-pesawah	8		
Tiada	Pesawah	14	28	56
	Bukan-pesawah	14		
Lain-lain	Tidak bekerja	2	2	4
JUMLAH		50	50	100

Berdasarkan jadual di atas, 56% daripada jumlah responden tidak mempunyai pekerjaan sambilan berbanding dengan 40% yang mempunyai pekerjaan sambilan.

(a) Mempunyai pekerjaan sambilan

Dari jumlah 20 orang yang terlibat, 12 orang adalah pesawah, iaitu 46% dari kategori pesawah⁵ dan 8 orang dari kategori bukan-pesawah.

⁵ Lihat juga Jadual 14: Pekerjaan Utama 50 Responden KPJ, ms. 74.

Empat responden pesawah bekerja sebagai buruh binaan. Dua orang pesawah yang tidak memiliki tanah (iaitu, menerima upah mengerjakan tanah orang lain) terpaksa menjadi buruh binaan atau buruh kampung dengan melakukan kerja-kerja seperti memetik kelapa, menggali parit dan sebagainya. Seorang pesawah yang hanya memiliki tanah seluas $\frac{1}{2}$ ekar juga mengambil upah mengerjakan tanah orang lain. Satu masalah yang dihadapi oleh buruh upahan ialah penggunaan mesin yang meluas di kampung telah sedikit-sebanyak mengantikan tenaga buruh. Peluang kerja upahan agak terhad. Lain-lain pekerjaan sambilan yang dilakukan termasuk membuat raga, menjual ikan, membela ayam dan berniaga ubat-ubatan tradisi dan rempah.

Dari kategori bukan-pesawah, 2 responden mengambil upah kerjakan sawah orang lain manakala seorang lagi ialah polis simpanan RELA. Kedua-dua guru ugama dan peniaga kelapa membela ayam, tetapi guru ugama tersebut juga mengerjakan sawah yang disewanya. Manakala 3 orang pekedai juga menanam padi; 2 orang menyewa dan seorang lagi atas tanah yang dimiliki sendiri. Kedua-dua pekerjaan membela ayam dan mengerjakan tanah sawah yang disewa memerlukan sejumlah wang sebagai modal permulaan. Oleh kerana itu ianya nampaknya terhad kepada golongan tertentu sahaja untuk melakukannya.

(b) Tidak mempunyai pekerjaan sambilan

Sebanyak 56% (28 orang) daripada jumlah responden tidak mempunyai pekerjaan sambilan, iaitu seramai 14 orang, masing-masing dari kategori pesawah dan bukan-pesawah. Bagi kategori petani, 4 orang ketua keluarga adalah wanita, dimana 3 daripada mereka berumur 57 tahun dan lebih.

Mereka masing-masing tinggal dengan seorang anak atau cucu. Kelemahan atau kekurangan tenaga fizikal menjadi faktor utama yang menghalang mereka daripada menceburkan diri dalam lebih daripada satu pekerjaan. Sementara responden yang keempat pula mempunyai anak yang masih kecil dan oleh itu memerlukan jagaan.

Di samping itu, sifat pekerjaan penanaman padi juga mempunyai batasan ke atas kebolehan seseorang untuk melakukan pekerjaan lain. Sebagai contoh, seseorang pesawah hanya dapat menikmati hasilnya selepas 5 atau 6 bulan. Tambahan pula, pendapatan yang diterima ini adalah untuk kegunaan masa depan, iaitu tempoh menunggu padi musim yang berikutnya masak. Oleh itu keadaan ini memerlukan pembelanjaan yang jimat dan cermat. Sudah pasti pesawah-pesawah ini tidak mampu mengeluarkan wang tambahan untuk misalnya, pembelian makanan ayam-itik ataupun lain-lain usaha yang memerlukan modal. Lebih-lebih lagi jika risiko yang diambil adalah besar seperti penyakit atau bencana lain, dan tidak dapat dipastikan terlebih dahulu samada sesuatu usaha tersebut akan mendatangkan hasil.

Responden-responden lain pula kesemuanya berumur 50 tahun dan ke atas. Beberapa responden yang ditemui bersungut, mengatakan 'sudah tua... tak larat kerja lagi'. sakit tulang dan sebagainya. Manakala sepasang suami-isteri yang tidak menghadapi sebarang kedesakan kewangan didapati tidak mempunyai sebarang pekerjaan sambilan.

Bagi kategori bukan-pesawah pula, mereka yang terlibat ialah pekerja-pekerja 'makan gaji' seperti buruh, perkhidmatan kerajaan (tukang

masak, ahli bomba, dan kadi) dan seorang pekedai tidak melakukan pekerjaan sambilan. Batasan yang mereka hadapi termasuklah sifat semulajadi pekerjaan mereka yang melibatkan masa kerja yang panjang dan tetap, ataupun masa ikut giliran serta kerja-kerja yang berat yang meletihkan.

4.2 Corak Pemilikan Tanah

Satu masalah utama berkaitan penanaman padi ialah saiz tanah yang tidak ekonomi. Tanah yang tidak ekonomik menyebabkan daya pengeluaran rendah. Dalam masyarakat yang bergantung hidup kepada pertanian, tanah merupakan pemilikan yang sangat dihargai.

Idris Yahya mengesahkan fenomena saiz tanah yang tidak ekonomik kepada pembahagian tanah berasaskan Hukum Faraid⁶. Walaupun kebanyakan pesawah KPJ mewarisi tanah yang dikerjakan namun sebahagian besar lain pula menyewa.

Jadual 15 menunjukkan corak pemilikan tanah di kalangan pesawah di KPJ.

⁶ Beliau menerangkan lagi bahawa, "Pertukaran milik tanah ini biasanya disebabkan kematian dan adalah terdiri dari dua bentuk, samada penurunan atau wasiat. Penurunan merupakan pertukaran milik tanah kepada waris-waris si mati, biasanya mengikut ketentuan ugama, iaitu berpandukan Hukum Faraid."

Sumber: Idris Yahya, "Perpecahan Tanah dan Masalahnya". Dewan Masyarakat, Januari 1975, ms. 24 - 25.

4.21 Menanam Padi Sebagai Pekerjaan Utama

Jadual 16: Corak Pemilikan serta Luas Tanah yang Dikerjakan oleh 26 Responden Pesawah

Corak Pemilikan	Luas Tanah (ekar)						Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
	< 1	1.1-2.0	2.1-3.0	3.1-4.0	4.1-5.0	5.1-6.0		
Sendiri	5	2	3	-	-	1	11	42
Sewa	4	2	1	1	1	1	10	38
Sendiri dan sewa	-	-	1	1	1	-	3	11.5
Tiada tanah							2	8
Jumlah							26	100

* 'Sendiri' juga merujuk kepada tanah kepunyaan isteri responden.

Berdasarkan jadual 16, dapat diperhatikan bahawa majoriti luas tanah yang dikerjakan itu tidak lebih dari 1 ekar.

Hampir 70% pesawah mengerjakan tanah yang tidak melebihi 3 ekar setiap orang. Manakala lebih kurang 23% (6 orang) mengerjakan tanah di antara 3 hingga 6 ekar luasnya. Sedangkan 2 orang pula tidak memiliki sebarang tanah tetapi hanya mengambil upah mengerjakan sawah orang lain.

Luas sawah yang maksima hanyalah 6 ekar. Ianya melibatkan 2 orang pesawah, dimana seorang mewarisi dan seorang lagi menyewa tanah seluas itu.

Secara keseluruhannya, 42% responden mempunyai tanah sendiri sementara 38% responden menyewa. 11.5% pula memiliki sambil mengerjakan

tanah tersebut dan menyewa tanah orang lain juga. Mereka yang mampu menyewa menduduki taraf ekonomi yang baik di KPJ. Hampir 8% pula tidak bertanah.

4.22 Hubungan Luas Tanah dengan Pekerjaan Sambilan

Walaupun saiz tanah tidak ekonomik, namun pesawah-pesawah tidak berdaya menyewa tanah orang lain sebab batasan kewangan. Mereka terpaksa mengerjakan tanah yang diwarisi itu, walau bagaimana tidak ekonomik sekali pun. Di kalangan mereka yang menyewa pula, luasnya biasa tidak melebihi 1 ekar. Hasil pengeluaran sudah pasti tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga. Justeri itu, mereka terpaksa menjual tenaga empat kerat mereka, iaitu dengan bekerja sebagai buruh binaan atau mengambil upah mengerja sawah orang lain. Kerja demikian tidak memerlukan kemahiran ataupun modal.

Manakala, mereka yang mampu pula menjalankan kegiatan membela ayam, buat raga, menjual ikan dan memetik kelapa. Seorang responden juga menjual ubat tradisi serta rempah.

Jadual 17 menunjukkan hubungan antara corak pemilikan serta luas tanah dengan pesawah yang melakukan pekerjaan sambilan.

Jadual 17: Hubungan Corak Pemilikan dan Luas Tanah dengan Pesawah yang mempunyai Pekerjaan Sambilan

Corak Pemilikan	Keluasan Tanah (ekar)						Bilangan Responden (Orang)	Peratus (%)
	< 1	1.1-2.0	2.1-3.0	3.1-4.0	4.1-5.0	5.1-6.0		
Sendiri	3	1	1	-	-	-	5	41.7
Sewa	3	-	-	1	1	-	5	41.7
Sendiri dan sewa	-	-	-	-	-	-	-	-
Tiada tanah	-	-	-	-	-	-	2	16.6
Jumlah							12	100

Jadual 17 juga didapati menyokong kenyataan bahawa kumpulan utama yang terlibat dalam pekerjaan sambilan kebanyakannya memiliki atau menyewa tanah seluas 1 ekar atau kurang. Begitu juga bagi kedua responden yang tidak memiliki sebarang tanah. Mereka didapati terlibat dalam pekerjaan pembinaan, satu-satunya bidang yang mereka berdaya menceburi ataupun kerja-kerja kasar di kampung seperti mengupas kulit kelapa.

4.23 Menanam Padi sebagai Pekerjaan Sambilan

Walaupun seramai 26 orang responden menanam padi sebagai pekerjaan utama⁷, namun kedapatan juga segelintir responden yang meng-

⁷ Lihat juga Jadual 14, "Pekerjaan utama 50 Responden", ms. 74.

usahakan sawah secara sambilan.

Jadual 18: Corak Pemilikan Tanah dan Luas Tanah untuk Pesawah Sambilan

Corak Pemilikan	Keluasan Tanah (ekar)						Bilangan Responden (orang)
	< 1.0	1.1-2.0	2.1-3.0	3.1-4.0	4.1-5.0	5.1-6.0	
Sendiri	1	1	-	-	-	-	2
Sewa	-	1	-	1	1	-	3
Sendiri dan sewa	-	-	-	-	-	-	-
Tiada tanah	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah							5

Berdasarkan jadual 18 di atas, 2 responden mengerjakan tanah kepunyaan sendiri - kedua-dua mereka adalah pekedai. Di kalangan yang menyewa (kesemuanya lebih daripada 1 ekar), pekerjaan utama mereka termasuklah pekedai (sewa 5 ekar), guru ugama (sewa $3\frac{1}{4}$ ekar) dan penjual-beli kelapa ($1\frac{1}{4}$ ekar). Selain daripada bersawah, guru ugama ini juga membela ayam-itik untuk dijual.

Untuk kumpulan ini, pekerjaan sambilan yang diceburi ini memerlukan sejumlah besar wang untuk dijadikan modal. Ini merupakan perbezaan yang ketara jika dibanding dengan pesawah-pesawah lain.

4.3 Pendapatan

Satu ciri utama bersabit dengan pendapatan ialah secara amnya semakin tinggi tangga pendapatan semakin kurang bilangan responden yang

terlibat. Pendapatan sesungguhnya ditentukan oleh pekerjaan seseorang.

Berikut akan diuraikan pendapatan ketua keluarga di KPJ.

4.31 Pendapatan Ketua Keluarga⁸

Jadual 19: Pendapatan Bulanan Ketua Keluarga

	\$200 dan bawah	\$201-300	\$301-400	\$401-500	\$501-600	\$601-dan atas	Jumlah
Bilangan responden (orang)	10	9	18	3	4	5	50
Peratus (%)	20	18	36	6	8	10	100

Merujuk kepada jadual 19, dapat dilihat bahawa 38% responden terlibat dalam kategori \$300 dan ke bawah, manakala untuk kategori \$301-400, ia pula melibatkan 36% responden. Jadi, secara kasarnya, 74% responden mempunyai pendapatan bulanan sebanyak \$400 atau kurang.

Pengurangan tingkat pendapatan lebih jelas dilihat di antara kategori \$301 - \$400 dan \$500 - \$600. Manakala jumlah responden yang mempunyai pendapatan \$401 dan ke atas hanya merangkumi 24% responden sahaja.

⁸ Pendapatan dimaksudkan dengan segala pendapatan wang tunai yang diperolehi hasil dari kedua-dua (jika ada) pekerjaan utama dan sambilan. Bagi pesawah, jumlah hasil pertanian dianggap sebagai pendapatan ketua keluarga, iaitu selepas menolak kos perbelanjaan.

Seterusnya dari sini akan ditinjau hubungan pendapatan dengan pekerjaan dimana ini akan sedikit sebanyak menentukan samada seseorang itu melakukan pekerjaan sambilan.

Pendapatan \$200 dan ke bawah

Kategori pendapatan yang paling rendah ini melibatkan 8 orang responden pesawah, seorang janda tua dan seorang tuan-tanah. Bagi tuan tanah ini, hasil pendaptannya datang dari sewa 3 ekar tanah sawah dan 12 tapak rumah di kampung. Usianya yang lanjut menghalangnya dari terus bergiat dalam aktiviti penanaman padi. Tambahan pula, anak-anaknya tidak berminat mengerjakan sawah. Secara kiraannya⁹, pendapatan bulanan-nya adalah seperti berikut:-

Luas tanah sawah 3 ekar

1 ekar (sewa)	-	\$200 setahun (2 musim)
3 ekar	-	\$600 setahun

Tapak rumah - 12 keping

1 tapak rumah	-	\$8 setahun
12 tapak	-	\$96 setahun
Jumlah sewa setahun	=	\$600 + \$96
	=	\$696
Pendapatan sebulan	=	\$58

Walaupun statusnya adalah sebagai seorang tuan-tanah, namun jumlah pendapatan yang diterimanya adalah juah daripada mencukupi untuk

⁹Dikatakan secara kiraan sahaja sebab pada hakikatnya sewa-sewa tersebut dikutip ikut musim (tanah sawah) dan tahun (tapak rumah)

menyara satu keluarga. Oleh itu, sebahagian besar jumlah perbelanjaan dibiayai oleh anggota lain dalam isirumah. Manakala janda tua tersebut yang tidak bekerja menerima bantuan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat berupa elauan bulanan sebanyak \$50.

Seterusnya perhatian kini akan ditumpukan kepada kelapan-lapan orang pesawah baik yang mengerjakan tanah sendiri ataupun menyewa. Persamaan yang paling nyata di kalangan mereka ialah tanah yang dikerjakan itu kecil, di antara 1 dan 2 ekar luasnya. Di kalangan mereka, 3 orang melakukan pekerjaan sambilan dan 5 orang lagi tidak membuat apa-apa pekerjaan tambahan. Dua orang responden, disamping melakukan kerja-kerja sawah yang diupah oleh pesawah lain, mereka juga terlibat dalam kerja-kerja pembinaan ataupun lain-lain kerja kasar yang terdapat di kampung. Manakala seorang lagi membuat raga.

Di antara 5 orang responden yang tidak melakukan pekerjaan sambilan, 2 daripada mereka adalah wanita-wanita tua yang tinggal bersama-sama seorang anak dan cucu, masing-masing. Manakala seorang wanita pula, disamping mengerjakan sawah-bendangnya terpaksa menjaga anak-anaknya yang kecil di rumah. Selain itu, ia juga memegang peranan sebagai ketua keluarga menggantikan suaminya yang bekerja di luar mukim. Dua orang pesawah yang selebihnya pula berumur 60 tahun dan keatas. Bagi mereka keupayaan fizikal merupakan satu faktor penentu penting dalam memperkatakan pekerjaan yang mereka lakukan.

Pendapatan \$201-\$300

Kategori ini melibatkan 9 orang; 6 orang pesawah, 2 orang buruh dan seorang penjual-beli kelapa. Di antara mereka, 6 orang melakukan

pekerjaan sambilan yang termasuk buruh binaan, penjual ikan, bersawah atau mengambil upah mengerjakan tanah orang lain.

Pendapatan \$301-\$400

Seramai 18 orang terlibat dalam kategori ini dan hanya 3 orang yang mempunyai pekerjaan sambilan. Kategori ini melibatkan mereka yang bekerja di bidang pembinaan dan perkilangan di mana masa bekerja adalah panjang dan ikut 'shift' bagi pekerja kilang menjadikan masa bekerja bertukar-tukar. Oleh itu masa lapang adalah terhad ataupun tidak ber-sesuaian untuk melakukan pekerjaan lain. Lebih-lebih lagi jika sifat pekerjaan utama adalah berat dan teruk.

Manakala, di antara 7 orang responden yang mengusahakan sawah, hanya seorang sahaja yang membuat pekerjaan tambahan. Secara bandingan, ini mungkin disebabkan keadaannya yang lebih terdesak memandangkan bilangan tanggungan yang ramai. Bagi pesawah lain, mereka tidak dibebani dengan tanggungan yang ramai. Lazimnya keadaan ini termasuklah mempunyai anak yang sudah dewasa ataupun masih bersekolah tetapi dibiayai melalui biasiswa, dengan itu hanya tinggal isterinya sebagai tanggungan tunggal.

Pendapatan \$401-\$500

Kategori ini melibatkan 3 orang responden, di mana seorang responden adalah penanam padi dan mempunyai pekerjaan sambilan. Dua orang responden lain, iaitu seorang kadi dan seorang pekedai pula bekerja sepenuh masa tanpa melakukan pekerjaan lain.

Pendapatan \$500-\$600

Termasuk dalam kategori ini ialah 2 orang pesawah, seorang ahli bomba dan seorang buruh binaan. Seorang daripada mereka, iaitu seorang pesawah mempunyai pekerjaan sambilan, iaitu sebagai penjual ikan.

Pendapatan \$600 dan ke atas

Kesemua responden, iaitu 5 orang, melibatkan diri dalam pekerjaan sambilan. Seorang pesawah menjalankan perniagaan membuat dan menjual ubat-ubatan tradisi Melayu yang diperbuat daripada daun dan akar-kayu hutan serta rempah-ratus. Seorang pesawah lain pula, disamping menyewa tanah sawah untuk diusahaikan, ia juga membuat kerja-kerja buruh secara sambilan. Seorang guru besar ugama, selain dari mengajar, ia juga mengerjakan tanah yang disewa serta membela ayam. Seterusnya 3 orang pekedai lain juga mengerjakan sawah. Namun seorang mereka juga membeli-jual kelapa. Untuk dua orang pesawah ini, tanah yang dikerjakan adalah milik sendiri manakala yang seorang lagi menyewa.

4.32 Pendapatan Se Isirumah

Pendapatan seisirumah merangkumi skop yang lebih luas jika dibanding dengan pendapatan ketua keluarga. Perkataan *isirumah* (household) merujuk kepada satu kumpulan yang tidur bawah atap yang sama dan 'eat from the same cooking pot' (Yoram Ben-Porath, 1982:33). Dalam analisis seterusnya, selain daripada ahli keluarga yang tinggal serumah, ia juga akan mengambilkira ahli keluarga lain yang tinggal berasingan tetapi masih bergantung kepada keluarganya, misalnya mereka yang belajar di sekolah

ugama dan asrama penuh ataupun ringkasnya, tanggungan.¹⁰ Wang kiriman dari anak juga termasuk dalam perjumlahan pendapatan seisirumah.

4.33 Pendapatan Isirumah dan Bilangan Tanggungan

Jadual 20: Pendapatan Isirumah dan Bilangan Tanggungan
50 Keluarga Responden

TINGKAT PENDAPATAN ISIRUMAH	BILANGAN TANGGUNGAN 3 orang dan ke bawah	3 orang dan ke bawah	4 - 6 orang	7 - 9 orang	10 orang dan lebih	JUMLAH
\$300 dan ke bawah	6	4	-	-	-	10 (20%)
\$301 - 500	7	9	1	1	18 (36%)	
\$501 - 700	4	6	-	-	-	10 (20%)
\$700 - 900	2	3	-	-	-	5 (10%)
\$901 - 1100	-	2	1	-	-	3 (6%)
\$1101 dan ke atas	2	1	-	1	4 (8%)	
JUMLAH	21(42%)	25(50%)	2(4%)	2(4%)	50	(100%)

Berdasarkan jadual 20 di atas, tingkat pendapatan isirumah diterima oleh kebanyakan responden ialah dalam lingkungan \$301-500 dan dikuti oleh kedua-dua kategori \$300 dan ke bawah serta kategori \$500-700.

¹⁰ Istilah 'tanggungan' di sini juga merangkumi isteri, orang tua kedua belah suami-isteri, anak yang tidak mempunyai sebarang sumber pendapatan ataupun jika bekerja, pendapatan yang diterima adalah kurang dari pendapatan isirumah per kapita keluarganya.

Bilangan responden berkurangan dengan bertambahnya pendapatan isirumah. Jika mengambil pengklasan yang diberi oleh Profail Daerah Seberang¹¹ Prai Utara, iaitu \$300 dan ke bawah sebagai garis kemiskinan, maka berdasarkan data di atas diperhatikan 20% keluarga terlibat dalam kategori tersebut.

Dari segi tanggungan pula, bilangan yang lazimnya kedapatan dalam satu-satu isirumah ialah 4 - 6 orang, iaitu didapati dalam 50% daripada jumlah isirumah yang dikaji. Biasanya tanggungan ini terdiri daripada seorang isteri dan 3-5 orang anak. Begitu juga bagi kategori dengan bilangan tanggungan 3 orang dan bawah.

Ciri utama bagi kedua kategori pertama ialah ketua keluarga merupakan pencari rezeki tunggal. Maka keupayaannya sudah tentulah terhad. Lebih-lebih lagi jika pekerjaan utamanya kurang memberinya peluang untuk bergiat dalam lapangan kerja lain.

Anggota keluarga lain juga biasanya adalah tidak giat dari segi ekonomi. Kebanyakan mereka masih kecil atau berada di bangku sekolah. Ini menghalang kaum wanita bergiat dengan aktif dalam pekerjaan lain sebab adalah terkongkong dengan kerja-kerja di rumah seperti menjaga anak, memasak, membasuh dan mengemas. Keadaan ini lebih ketara di kalangan 'young family'.

¹¹ Adalah dilaporkan bahawa, "54.11% keluarga di daerah ini adalah termasuk di dalam golongan miskin dengan pendapatan \$300 dan ke bawah sebagai garis kemiskinan."

Sumber: Profail Daerah Seberang Prai Utara, Pejabat Daerah Butterworth.

Manakala, bilangan keluarga yang terlibat dalam kategori \$701 dan ke atas adalah rendah dan walaupun majoriti mereka mempunyai bilangan tanggungan kurang dari 6 orang, namun pendapatan isirumah yang diperolehi adalah tinggi. Keadaan ini adalah kerana terdapat lebih ramai ahli keluarga yang bekerja, khasnya dalam keluarga yang terdiri dari ramai orang dewasa.

4.34 Pendapatan Isirumah Per Kapita

Pendapatan isirumah per kapita dirujukkan kepada pendapatan isirumah yang dibahagi mengikut jumlah anggota dalam satu isirumah.

Jadual 21: Pendapatan Isirumah Per Kapita
50 Responden Kampung Permatang Janggus

PENDAPATAN ISIRUMAH PER KAPITA	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
\$50.90 dan ke bawah	4	8
\$51.00 - \$75.90	11	22
\$76.00 - \$100.90	15	30
\$101.00 - \$125.90	8	16
\$126.00 - \$149.90	2	4
\$150 dan ke atas	10	20
JUMLAH	50	100

Berdasarkan jadual 21, diperhatikan bahawa 30% dari jumlah responden mempunyai pendapatan isirumah per kapita di bawah \$75.90.

Begitu juga dengan kategori \$76.00 - \$100.90 yang melibatkan 30% jumlah responden. Kalau mengikut ukuran \$384 untuk keluarga seramai 5 orang, ini memberikan pendapatan isirumah per kapita sebagai \$76.80 sebagai garisan kemiskinan¹², maka lebih kurang 30% jumlah responden tergolong di bawah kategori miskin.

4.4 Perbelanjaan, Tabungan dan Hutang

(a) Perbelanjaan

Sebahagian besar perbelanjaan adalah ke atas makanan dan minuman. Yang paling penting adalah barang-barang makanan dapur seperti minyak masak, garam, bebawang, rempah dan sebagainya. Manakala, minuman pula biasanya ialah kopi dan gula. Selain itu, perlu juga dibeli sayur-sayuran dan ikan sebagai masakan lauk. Walau bagaimanapun beberapa jenis pucuk daun yang tumbuh di merata kampung seperti pucuk pokok paku dan pegaga juga dimakan sebagai ulam. Belanja dapur lain juga termasuklah minyak tanah bagi mereka yang menggunakan dapur minyak. Seorang responden pula mengatakan ia membeli kayu-kayuan dari kilang kayu yang berhampiran sebagai bahan api. Ini dilakukannya lebih kurang 2 bulan sekali di mana setiap muatan lori memakan belanja \$20.

Di samping itu, perbelanjaan untuk persekolahan anak juga menelan

¹² Ishak Shaari & Jomo K. Sundaram, "Apakah DEB dapat mencapai Perpaduan Negara: Pembangunan dan Ketidaksamaan 25 Tahun Selepas Merdeka", dalam Seminar Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa, Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1983.

belanja yang besar. Ianya membabitkan belanja alat-alat dan buku tulis, yuran khas, yuran peperiksaan¹³ bagi mereka yang tidak mendapat biasiswa dan akhir sekali belanja pakaian dan kasut sekolah. Dua orang responden yang kurang berkemampuan memberitahu bahawa pakaian sekolah anak-anak mereka diberi oleh orang-orang kampung. Begitu juga dengan pakaian lain. Lazimnya, pakaian baru dibeli atau dijahit setahun sekali, iaitu menjelang Hari Raya Puasa.

Selain itu perbelanjaan juga terpaksa dibuat ke atas bil-bil air dan elektrik di mana jumlah bayaran adalah tertakluk kepada banyaknya alat-alat elektrik di rumah. Bayaran lain juga termasuk pembaharuan lesen televisyen, lesen memandu, insuran dan cukai jalan kenderaan seperti motorsikal dan kereta. Untuk mereka yang kerap memakai kenderaan, maka pastilah perbelanjaan ke atas minyak adalah tinggi, lebih-lebih lagi mereka yang berulang-alik dari kampung ke tempat kerja. Seperti yang diceritakan oleh seorang responden yang bekerja di Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang (30 batu jauhnya), ia terpaksa membelanjakan \$1.60 setiap kali ia menaiki feri.¹⁴ Ini pula tidak termasuk belanja minyak motorsikalnya.

Belanja lain termasuklah upacara edaran hidup (life-cycle rites) seperti kenduri perkahwinan, kematian dan sebagainya serta perayaan-perayaan Hari Raya Puasa, Maulud Nabi dan juga berbuka puasa di bulan

¹³ Yuran SRP ialah \$15. Manakala yuran SPM ialah (diantara) \$100 - \$150.

¹⁴ Kajian ini dijalankan sebelum pembukaan Jambatan Pulau Pinang. Oleh itu, pengaruh pembukaannya ke atas penduduknya termasuk responden tidak akan disentuh di sini.

Ramadan. Ini melibatkan perbelanjaan membuat kuih-muih, hidangan-hidangan istimewa lain dan pakaian.

Pembelian barang-barang pengguna tahan lama yang hanya dilakukan sekali-sekala juga lazimnya menelan belanja yang besar. Misalnya pembelian kipas, dapur gas, perabut, perkakas rumah, basikal, motorsikal dan kereta (lazimnya yang terpakai). Disebabkan barang-barang (harta) ini melibatkan belanja yang besar, bayaran adalah dibuat dalam bentuk ansuran.

Bagi seorang pesawah corak perbelanjaan banyak dipengaruhi oleh belanja penyediaan sawah, iaitu sebelum penanaman dan juga semasa menuai. Sebagai contoh, dikemukakan anggaran perbelanjaan untuk mengerjakan sawah seluas 1 relong ($1\frac{1}{4}$ ekar) untuk satu musim penanaman:-

Mesin bajak	\$120
Upah menanam	\$120
Racun rumput dan serangga serta benih	\$ 30
Mesin menuai	\$130
<hr/>	
Jumlah	\$400

Jika pesawah itu menyewa tanahnya, maka jumlah perbelanjaan mungkin ditambah sebanyak \$200, iaitu sebagai bayaran sewa, menjadikannya

lebih kurang \$600¹⁵.

Dengan menganggarkan purata hasil keluaran berjumlah \$1350¹⁶, maka sesudah ditolak kos perbelanjaan, seorang pesawah hanya akan mempunyai \$950 untuk dibelanjakan selama 5-6 bulan (iaitu, jangkamasa untuk 1 musim penanaman). Jika ia menyewa maka jumlah bersih yang akan diperolehi ialah \$750.

Jadual 22: Tingkat Perbelanjaan Berbanding dengan Pendapatan Ketua Keluarga

	Perbelanjaan		Pendapatan	
	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)	Bilangan Responden (orang)	Peratus (%)
\$100 dan ke bawah	2	4	3	6
\$101 - 200	7	14	3	6
\$201 - 300	16	32	12	24
\$301 - 400	15	30	17	34
\$401 - 500	8	16	5	10
\$501 - 600	1	2	5	10
\$601 - 700	-	-	-	-
\$701 - 800	1	2	2	4
\$801 dan ke atas	-	-	3	6
Jumlah	50	100	50	100

¹⁵ Bayaran sewa yang ditetapkan ialah sebanyak 140 gantang seekar bagi tanaman padi yang pertama dan tambah 30% lagi bagi tanaman padi yang kedua.

Sumber: Pegawai Penguatkuasa Akta Penanam Padi, Butterworth. (Mengikut kiraan penulis ini bererti purata sewa tanah untuk 1 musim penanaman ialah \$150 untuk lekar atau \$190 untuk 1 relong).

¹⁶ Angka ini diperolehi dengan menganggarkan:-

(i) purata keluaran ialah 39 guni untuk luas tanah 1 relong dan
(ii) setiap guni berharga \$45 (setelah dicampur subsidi kerajaan)

Merujuk pada jadual 22, diperhatikan terdapat ketidakseimbangan yang nyata sehingga tingkat pendapatan \$201 - 300. Pendapatan yang rendah tidak mencukupi untuk perbelanjaan lebih-lebih lagi dengan harga barang yang semakin meningkat. Terdapat dua kes di mana kedua-dua responden dari kategori pendapatan \$100 dan ke bawah mempunyai perbelanjaan yang melebihi pendapatan mereka. Dalam kes demikian, lazimnya kedapatan ahli keluarga lain yang turut menyumbangkan bahagian masing-masing dalam perbelanjaan rumah.

Perbelanjaan bulanan purata bagi isirumah dengan tanggungan 4 orang ialah \$282. Manakala bagi seorang responden yang mempunyai 9 orang tanggungan, ia hanya membelanjakan \$353 sebulan. Perbezaan yang mendadak ini boleh diperjelaskan dengan mengambilkira hakikat bahawa perbelanjaan seseorang itu adalah tertakluk kepada jumlah pendapatan yang diperolehinya kecualiilah seseorang itu sanggup berhutang. Bagi isirumah dimana pendapatan adalah kecil maka perbelanjaan juga adalah sekadar memenuhi keperluan minima. Tetapi jika seseorang itu mempunyai pendapatan yang tinggi, tanpa mengamalkan sikap berbelanja yang cermat, ringkasnya, seseorang itu boros, maka sudah tentu wangnya akan kehabisan juga, malah mungkin pula berhutang keliling pinggang.

Perkara ini jelas diperhatikan apabila seorang responden ditanya samada ia banyak belanja ke atas rokok, terus ia menjawab, "... makan pun tak cukup, nak hisap rokok...?" Walau bagaimanapun, ia menghisap 'rokok daun' (tembakau) sebab lebih murah daripada rokok. Sementara seorang responden lain menghabiskan wang hampir sebanyak \$60 sebulan ke

atas rokok. Golongan yang berpendapatan rendah lazimnya tidak mempunyai kenderaan motorsikal jadi mereka tidak perlu berbelanja ke atas minyak petrol. Bagi golongan ini, sebahagian besar jumlah pendapatan mereka dihabiskan pada makanan dan minuman. Kualiti makanan yang dibeli adalah lebih rendah jika dibanding dengan mereka yang berpendapatan sederhana. Ini mungkin dapat menerangkan kenapa satu keluarga yang kecil membelanja lebih jika dibanding dengan keluarga yang besar.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari pendapatan dibelanja ke atas makanan dan minuman, iaitu nisbah untuk perbelanjaan ke atas makanan dan minuman adalah tinggi. Keadaan ini adalah selaras dengan kenyataan yang dibuat oleh Michael Lipton (1983:2) bahawa,

"Ratios of food spending to total outlay, around much more the same point on the welfare scale, shift from steady rises as poverty increases, to a more or less constant 80-85% level."

(b) Tabungan

Jadual 23 di bawah menunjukkan bilangan responden yang membuat tabungan.

Jadual 23: Bilangan Responden yang membuat Tabungan

SAMADA MENABUNG	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS (%)
YA	17	34
TIDAK	33	66
JUMLAH	50	100

Sejumlah 34% responden didapati membuat tabungan. Tabungan di sini adalah disamakan sebagai simpanan di bank atau Tabung Haji dan lain-lain institusi seperti Amanah Saham Nasional (ASN) serta simpanan barang kemas. Daripada jumlah yang menabung, 13 responden membeli ASN, 7 orang menyimpan dalam Bank Simpanan Nasional, seorang di United Asian Bank dan 2 orang masing-masing di Bank Pertanian Malaysia serta Tabung Haji. Manakala bilangan yang menyimpan dalam bentuk barang kemas adalah 25 orang. Berikut adalah analisa yang lebih terperinci ke atas cara dan jumlah tabungan responden:-

Jadual 24: Corak Tabungan Dalam ASN

JUMLAH TABUNGAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
\$100 - 200	8
\$500	1
\$1000	2
\$4000	1
\$7000	1
JUMLAH	13 (26%)

Jadual 25: Corak Tabungan dalam bentuk Simpanan Wang

JUMLAH TABUNGAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
\$50 - 100	5
\$101 - 300	2
\$301 - 500	2
\$1000	1
\$2000	2
JUMLAH	12 (24%)

Jadual 26: Corak Tabungan dalam bentuk Barang Kemas

JUMLAH NILAI	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
\$100 - 200	7
\$201 - 400	3
\$401 - 600	3
\$601 - 800	5
\$801 - 1500	4
\$1500 dan ke atas	3
JUMLAH	25 (50%)

Dari jadual-jadual di atas, diperhatikan bahawa bentuk tabungan yang lazim di kalangan responden ialah barang kemas. Ia biasanya adalah kepunyaan isteri, iaitu dari masa mereka berkahwin dahulu. Selain daripada nilai emas yang tinggi, ia juga dapat digadai untuk memperolehi wang terutama apabila berlaku keadaan di mana wang diperlukan dengan segera seperti kecemasan atau kenduri-kendara.

Di samping itu tabungan dalam bentuk wang atau ASN juga tidak melebihi 26%.

(c) Hutang/Pinjaman

Seramai 7 orang responden membuat pinjaman dari institusi kewangan seperti Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan MARA (Majlis Amanah Rakyat). Tujuan utama meminjam ialah untuk membayai kos-kos dalam usaha pertanian khasnya penanaman padi dan perternakan ayam-itik untuk daging. Manakala seorang responden membuat pinjaman dari MARA untuk membaiki rumah.

Jadual 27: Jumlah Pinjaman yang diperolehi

JUMLAH PINJAMAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)
\$300 dan ke bawah	2
\$500	1
\$700	1
\$1200	2
\$1800	1
JUMLAH	7

Semasa kajian dijalankan, masalah hutang tidak dikesani kecuali seorang responden yang mengatakan bahawa ia berhutang sebanyak \$1200 dengan seorang pekedai kampung melalui cara mengambil barang dari kedainya. Kebetulan pada masa itu adalah musim menuai dan menurut M.G. Swift (1965:75),

"... the harvest time is the time for the payment of debts."

Bagaimana pun, dua orang pekedai mengatakan mereka tidak lagi melayan sebarang hutang-menghutang. Ini adalah kerana mereka ketahui bahawa mereka akan menanggung risiko yang besar. Swift menambah lagi dengan menyatakan,

"The villager knows, when he makes a small loan that he is liable not to be repaid, or at least not without unpleasantness that can seriously affect his social ties. Therefore, people tend to regard small loans as a form of charity and not to lend more than they would be prepared to lose."

Menurut 'key informant' pengkaji, ada tiga cara utama seseorang di kampung dapat meminjam wang dan seterusnya berhutang kepada orang tersebut, iaitu melalui orang tengah (pembeli padi), Bank Pertanian Malaysia, peniaga runcit dan sesama petani. Adalah dianggarkan seramai 25% pesawah memperolehi wang melalui pinjaman dari pembeli padi dan seterusnya menjualkan hasil padi kepadanya.

Selain itu, peminjaman dari BPM biasanya dilakukan melalui cara kelompok. Ini biasanya melibatkan 5 orang pesawah, katalah A, B, C, D dan E. Bila A membuat peminjaman, B, C, D dan E akan menjadi penjamin. Seterusnya apabila B meminjam, A, C, D dan E pula akan menjadi penjamin. Proses ini juga berlaku ke atas ahli kelompok yang lain. Cara ini adalah cara yang paling popular, di mana

dianggarkan ia melibatkan 60% pesawah yang berhutang. Selain itu, pengambilan barang-barang keperluan harian dari kedai runcit di kampung sebagai satu lagi cara berhutang dianggarkan sebanyak 10%. Akhir sekali, peminjaman dari kawan-kawan juga adalah satu-satunya cara berhutang yang dipraktikkan, baik dalam bentuk wang atau hasil pertanian.

4.5 Mobiliti Sosial

Mobiliti sosial adalah proses, di mana melalui masa membenarkan perubahan dalam klas dan (atau) kedudukan status seseorang individu dalam masyarakat. Ianya bergerak samada ke atas atau ke bawah. Pergerakan ke atas memperbaiki (improves) klas dan (atau) kedudukan sosial seseorang. Pergerakan ke bawah pula melibatkan keadaan yang sebaliknya. Mobiliti ke atas atau ke bawah ini juga dikenali sebagai mobiliti menegak. Masyarakat yang membenarkan perubahan berlaku pada klas dan (atau) status anggotanya samada ke atas atau ke bawah dipanggil masyarakat terbuka dan masyarakat yang tidak membenarkan proses mobiliti tegak berlaku dikenali sebagai masyarakat tertutup. Dalam masyarakat ini, pergerakan anggotanya adalah secara mendatar, dalam ertikata ianya berlaku hanya dalam golongan klas atau status yang sama sahaja (Syed Husin Ali, 1964:122).

Seterusnya Kelsall melanjutkan definisi mobiliti sosial kepada dua aspek; iaitu intragenerasi dan intergenerasi. Menurutnya lagi,

"The former occurs when comparing someone's position on the social scale in his later, as against his earlier, adult life, he is found to

have risen or fallen. The latter occurs if someone's position in birth (at which point he is assumed to have the status of his father) he is found to have risen or fallen in the social scale." (Daniel, J.R., 1981:80)

Dalam kajian Daniel, J.R. (1978:179-181) kedudukan sosial disamaartikan dengan pekerjaan. Dua kategori am pembahagian pekerjaan ialah 'manual' atau 'non-manual'¹⁷. Perubahan dari 'manual' kepada 'non-manual' dapat dianggap sebagai pemberian dalam kedudukan sosial. Tetapi berbeza dengan Daniel, dalam analisa berikutnya pekerjaan pertanian adalah diasangkan daripada kategori 'manual' sebab ia merupakan kegiatan ekonomi yang penting secara sendirinya. Walau bagaimanapun untuk memudahkan pemahaman maka pembahagian sedemikian juga akan diperhatikan.

(a) Intergenerasi

Jadual 28: Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden
Kampung Permatang Janggus

PEKERJAAN UTAMA RESPONDEN	PEKERJAAN BAPA			JUMLAH	
	'Non-Manual'	'Manual'	Pertanian	BILANGAN	PERATUS (%)
'NON-MANUAL'	1 2%	1 2%	8 16%	10	20
'MANUAL'	-	3 6%	10 20%	13	26
PERTANIAN	2 4%	-	24 48%	26	52
LAIN-LAIN	-	-	1 2%	1	2
JUMLAH	3 6%	4 8%	43 86%	50	100

¹⁷ Dalam kajian J.R. Daniel, Pekerjaan: 'Manual' merujuk kepada buruh mahir, pertanian, pengangkutan atau perhubungan dan 'Non-manual' merujuk kepada profesional, pentadbiran, perkeranian, jualan, keselamatan atau perkhidmatan.

Merujuk kepada jadual 28, bagi kategori 'non-manual', 16% bapa responden terlibat dalam pertanian, 2% dalam pekerjaan manual dan 2% juga dari pekerjaan 'non-manual'. Pekerjaan responden 'non-manual' termasuklah seorang guru ugama, peniaga (pekedai), ahli bomba, tukang masak dan kadi. Hanya bapa kadi tersebut adalah dari kategori 'non-manual', iaitu bekerja sebagai guru ugama.

Seramai 20% bapa responden yang pada satu masa bersawahan sebagai mata pencarian utama mempunyai anak yang bekerja bawah kategori manual seperti buruh. Manakala 6% lagi mengekalkan pekerjaan seperti bapa mereka dalam pekerjaan manual.

Dalam kategori pertanian pula, 46% bapa responden berasal dari kategori yang sama juga dan 4% bapa responden adalah terlibat dalam pekerjaan 'non-manual' seperti berniaga kelapa dan menjual ikan. Bapa seorang janda tua yang tidak bekerja juga pernah bekerja pada masa dahulu dalam penanaman padi.

Selain dari itu, juga diperhatikan bahawa seramai 86% daripada bapa responden terlibat dalam pekerjaan pertanian khasnya penanaman padi. Di kalangan responden pula, 52% (26 orang) terlibat dalam penanaman padi sebagai pekerjaan utama dan 10% (5 orang) yang lain secara sambilan¹⁸.

¹⁸ Lihat juga Bab 4.11 : Pekerjaan Utama, ms. 74 dan 4.23 : Menanam Padi Sebagai Pekerjaan Sambilan, ms.85.


Memandangkan hakikat bahawa pada masa lampau, hampir kesemua penduduk kampung adalah pesawah, peratus orang kampung yang terlibat adalah semakin merosot. Pergerakan pekerjaan dari jenis 'manual' ke (dari) pertanian dianggap sebagai mobiliti mendatar sebab ianya tidak membawa kepada perubahan yang ketara dalam kedudukan sosio-ekonomi seseorang.

Mengikut pembahagian kepada 'manual' dan 'non-manual', jadual di bawah akan diperolehi:-

Jadual 29: Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden

Pekerjaan Responden	Pekerjaan Bapa Responden	
	'Non-manual'	'Manual'
'Non-manual'	1 (2%)	9 (18%)
'Manual'	2 (4%)	38 (76%)

Gambarajah 2: Mobiliti Pekerjaan Intergenerasi 50 Responden



Graf di muka surat 110 menunjukkan mobiliti ke bawah ialah 4% dan mobiliti ke atas pula ialah 18%¹⁹.

(b) Intragenerasi

Jadual 30: Mobiliti Pekerjaan intragenerasi 50 Responden

PEKERJAAN SEKARANG	PEKERJAAN LAMA			JUMLAH
	'Non-Manual'	'Manual'	Pertanian	
'Non-Manual'	4 (8%)		6 (12%)	10 (20%)
'Manual'		5 (10%)	8 (16%)	13 (26%)
Pertanian	4 (8%)	1 (2%)	21 (42%)	26 (52%)
Lain-lain			1 (2%)	1 (2%)
JUMLAH	8 (16%)	6 (12%)	36 (72%)	50 (100%)

Berdasarkan jadual di atas, diperhatikan bahawa bagi pekerjaan lama dalam bidang pertanian, iaitu penanaman padi, bilangan responden yang terlibat adalah 36 orang (72%). Tetapi pada masa sekarang, pekerjaan-pertanian hanya melibatkan 52% responden. Bagi pekerjaan lama dalam bidang manual pula, 12% terlibat bawah kategori ini manakala sekarang ia melibatkan 26%. Dan dalam bidang 'non-manual' pada masa lepas ianya melibatkan 16% tetapi kini didapati melibatkan 20% responden.

¹⁹ Graf mobiliti ini adalah berdasarkan model yang dikemukakan oleh Kenichi Tominaga et. al. dalam "The Modernization and Industrialization of Thai Society, A Sociological Analysis", East Asian Cultural Studies, Vol.IX, No. 1 - 4, Mac 1970, ms. 3 dan 7.

Pekerjaan 'non-manual' yang dijawati sebelum ini termasuklah guru ugama, ahli bomba, kerani kilang dan peniaga kelapa. Kesemua mereka masih mengekalkan pekerjaan ini kecuali kerani kilang yang kini menjadi kadi.

Bagi responden yang terlibat dalam pekerjaan 'manual' pekerjaan 'manual' yang pernah dilakukan termasuklah penanam padi, nelayan dan penoreh getah. Manakala pekerjaan 'non-manual' yang pernah dilakukan termasuklah askar dan kedai. Seorang bekas askar menyatakan bahawa ia terpaksa balik ke kampung atas kematian ayahnya. Seorang bekas askar lain pula memberi alasan pengalaman kerja yang teruk sebagai sebab ia meninggalkan kerja tersebut.


Untuk memahami perkara ini dengan lebih mudah lagi maka, Jadual 31 dikemukakan, iaitu dengan memasukkan pekerjaan pertanian di bawah kategori 'manual'.

Jadual 31: Mobiliti Pekerjaan Intragenerasi 50 Responden

PEKERJAAN RESPONDEN SEKARANG	PEKERJAAN DAHULU		JUMLAH
	'NON-MANUAL'	'MANUAL'	
'NON-MANUAL'	4 (8%)	6 (12%)	10 (20%)
'MANUAL'	4 (8%)	36 (72%)	40 (80%)
JUMLAH	8 (16%)	42 (84%)	50 (100%)

Seterusnya dalam bentuk gambarajah pula;

Gambarajah 3: Mobiliti Pekerjaan Intragenerasi
50 Responden



Berdasarkan gambarajah di atas, mobiliti ke bawah ialah 8% dan mobiliti ke atas ialah 12%.

4.6 Kesimpulan

Penanaman padi, satu pekerjaan tradisi, masih lagi merupakan pekerjaan yang paling dominan di KPJ. Pekerjaan yang dilakukan merupakan

pekerjaan tanpa kemahiran, umumnya. Kumpulan yang paling keberterancam terhadap kedudukan sosio-ekonomi yang rendah adalah golongan pesawah kecil-kecilan dan buruh.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pesawah termasuklah tanah yang tidak ekonomik, produktiviti rendah, dan kekurangan permintaan buruh akibat penggantian mesin terhadap tenaga manusia. Keadaan ini menjadi buruk lagi dengan pengurusan kawalan yang tidak cekap.

Golongan buruh pula menghadapi masalah kerja yang tidak tetap bergantung kepada permintaan untuk rumah serta tertakluk kepada keadaan cuaca. Bagi yang lain pula, mereka menghadapi masalah-masalah masa kerja yang panjang ataupun masa kerja yang tidak tentu (sebab giliran kerja) dan justeru itu menghadkan peluang mereka untuk berkecimpung dalam pekerjaan lain. Lebih-lebih lagi di kalangan mereka yang menghabiskan 'separuh hari' berada di luar kampung.

Manakala golongan pekedai atau peniaga mempunyai pusingan wang tunai yang aktif di samping mempunyai modal. Oleh itu mereka didapati bergiat dalam lebih daripada satu aktiviti ekonomi dan dalam proses ini memperbaiki lagi kedudukan sosio-ekonomi mereka.

Selain dari itu, dapat diperhatikan bahawa bilangan tanggungan yang ramai juga mempengaruhi perbelanjaan satu-satu isirumah di mana peluang untuk menabung dikurangkan.

Ketidakupayaan menabung, disebabkan kekurangan atau ketiadaan langsung lebih pendapatan yang seterusnya ditentukan oleh sifat atau

jenis pekerjaan seseorang, merupakan satu masalah juga kepada golongan berpendapatan rendah itu.

III. KONSEP DAN PENGALAMAN

Menurut seorang ahli psikologi, pengalaman adalah suatu peristiwa yang membawa kepada perubahan dalam pengetahuan dan sikap seseorang. Pengalaman ini boleh berasal dari pengalaman pribadi atau pengalaman bersama dengan orang lain. Pengalaman pribadi boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual. Pengalaman bersama dengan orang lain boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual.

Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual. Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual. Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual.

Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual. Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual.

Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual. Pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual boleh berasal dari pengalaman dalam keadaan fizikal, emosi, mental dan spiritual.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Rumusan dan Penutup

Dalam bab ini, penulis akan cuba menyimpulkan kedudukan sosial dan ekonomi penduduk di KPJ. Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan tersebut juga akan dihuraikan. Selepas itu perbincangan akan juga meliputi interpretasi penulis, selain daripada faktor-faktor sosial dan ekonomi, yang difikirkan turut memainkan peranan dalam mengwujudkan keadaan tersebut.

Oleh kerana kajian ini adalah satu kajian kes, maka adalah menjadi anggapan penulis bahawa analisis soal-selidek bersifat 'representative' terhadap KPJ. Penulis tidak menafikan bahawa ia mungkin tidak bersifat demikian. Tetapi perlu diambilkira hakikat bahawa hasil penemuan kajian merupakan sebahagian kecil daripada fenomena masyarakat yang dikaji.

Kampung Permatang Janggus merupakan sebuah kampung yang mempunyai susunan organisasi sosial yang teratur. Sifat tradisi masyarakat Melayu, seperti sikap bergotong-royong serta pergaulan yang rapat dan mesra masih kuat diamal oleh masyarakat KPJ.

Penanaman padi, satu pekerjaan tradisi, melibatkan lebih dari pada separuh penduduk KPJ. Pertanian memainkan peranan penting dalam kegiatan ekonominya. Ketika berucap di satu sidang pembangunan, Syed

Husin Ali memberi definisi masyarakat tani sebagai masyarakat yang terlibat dan bergantung kepada satu atau lebih kegiatan pertanian sebagai sumber pendapatan¹. Oleh itu memandangkan sebahagian besar penduduknya bergantung kepada pertanian maka secara amnya KPJ dapatlah diklasaskan sebagai masyarakat tani.

Dengan berdasarkan garis kemiskinan \$384/- untuk keluarga 5 orang ataupun pendapatan isirumah per kapita \$76.80 oleh SERU, maka dianggarkan bahawa lebih daripada 30% penduduk KPJ tergolong di bawah garis kemiskinan.² Dua kategori yang jelas terlibat ialah pesawah kecil-kecilan dan buruh. Kedua golongan inilah yang mengalami keadaan hidup yang tidak begitu memuaskan.

Dalam kertas kerjanya, "Poverty Eradication on Small Farms: A Critical Appraisal of Farm Intensity and Integrated Approach" dalam Persidangan Ekonomi Malaysia, Amir Hussin Baharuddin menyatakan bahawa dalam satu kajian kerajaan, kemiskinan wujud dalam sektor pertanian khasnya di kalangan pengusaha kecil-kecilan.... penanaman padi, ia lebih melibatkan mereka yang mengusahakan tanah seluas 3 ekar atau kurang. Tambahnya lagi, untuk sekurang-kurangnya mendapat pulangan pendapatan

¹Dalam kertas kerja bertajuk, "Peasants in Malaysia: Problems, Movements and Resistance", Conference on Development, The Peasantry and Development in the ASEAN Region, Anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980, ms.1.

²Lihat 4.34 Pendapatan Isirumah Per Kapita, ms. 94.

pada garis kemiskinan, seorang petani di kawasan tanaman padi dua kali setahun hendaklah mengerjakan sendiri tanah seluas 3-4 ekar³. Keadaan ini sudah tentu menggambarkan betapa pentingnya pemilikan tanah kepada seorang pesawah.

Tanah merupakan asas dalam bidang ekonomi pertanian, lebih-lebih lagi penanaman padi. Pemilikannya bukan sahaja menentukan tingkat pendapatan, malah juga kecenderungan mengguna dan seterusnya menyimpan lebihan yang ada. Ia juga menentukan 'station of life' seseorang itu. Bailey juga menyatakan bahawa seseorang yang tidak mewarisi tanah lazimnya akan tetap demikian sebab kemungkinan besar harga tanah kemudiannya meningkat terlalu tinggi dan menjadi luar kemampuannya untuk membeli (1980:30).

Purata luas pemilikan tanah di KPJ adalah kurang dari 3 ekar. Kategori pesawah yang mengerjakan tanah seluas 3 ekar atau kurang membentuk 70% daripada jumlah pesawah. Dalam pada itu, sebahagian besar menyewa dan yang lain memilikinya. Dalam kajian yang disebutkan Amir Baharuddin tadi, didapati bahawa 80% daripada tanah padi yang dikerjakan kurang daripada 5 ekar luasnya. Jelas di sini saiz tanah yang tidak ekonomik dan lebih-lebih lagi ketiadaan tanah merupakan masalah utama pesawah di KPJ.

Berdasarkan pembahagian yang dibuat oleh Syed Husin Ali⁴ dalam memperkatakan hubungan dengan tanah, 2 kategori yang paling merasai masalah tanah ialah:-

³Dalam Fifth Malaysian Economic Conference , Anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia, Pulau Pinang, 1978, ms. 4.


⁴Syed Husin Ali, "Peasants in Malaysia: Problems, Movements and Resistance", op. cit., ms. 2.

- (i) Mereka yang langsung tidak mempunyai tanah dan oleh itu terpaksa bekerja di tanah orang lain baik secara dibayar upah, sewa atau bagi dua atau kombinasinya, dan
- (ii) Mereka yang terpaksa mengerjakan apa sahaja tanah yang dimiliki, walau betapa tidak ekonomik sebab tiada lagi tanah lain untuk dikerjakan.

Kedua golongan inilah yang dikatakannya, "core of those regarded as peasants".

Ekoran dari saiz tanah yang tidak ekonomik, hasil pengeluaran yang rendah seterusnya membawa kepada pendapatan yang kurang. Simpanan adalah sedikit atau tiada sama sekali, menyebabkan masalah pengumpulan modal. Keadaan demikian apa yang dikemukakan oleh Nurkse sebagai konsep 'vicious circle'.⁵

'Vicious circle' yang asas



⁵ Mohd. Fauzi Yaacob, "Agama dan Usaha Dalam Lapangan Ekonomi Orang-orang Melayu", Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, ms. 21.

Dalam merumuskan konsep 'vicious circle', Mohd. Fauzi Yaacob menyatakan,

"Ringkasnya, apa yang hendak dikemukakan oleh Nurkse itu ialah bahawa jumlah pengeluaran adalah rendah dan sesudah kehendak-kehendak asas dipenuhi sedikit sekali yang tinggal daripada penghasilan untuk dijadikan modal. Dengan sebab jumlah penghasilan dan oleh itu juga pendapatan adalah kecil, maka apa yang disimpan adalah juga sedikit; kadang-kadang tiada langsung. Jumlah pendapatan yang kecil itu adalah disebabkan oleh kurangnya modal dan juga oleh keadaan pasaran yang tidak sempurna (*market imperfections*)."

Selain dari itu, pesawah-pesawah juga menghadapi masalah-masalah lain seperti kawalan dan pengurusan taliair yang tidak cekap, keberterancaman terhadap binatang perosak seperti cenangau dan mala petaka alam.

Berbalik pula kepada golongan pekedai/peniaga di KPJ, mereka mempunyai kedudukan ekonomi yang lebih baik daripada golongan lain, khasnya pesawah dan buruh. Segelintir pekedai ini mengerjakan sawah, baik tanah kepunyaan sendiri atau menyewa sahaja, sebagai pekerjaan sampingan. Ada pula yang membela ayam pada skel besar-besaran. Usaha-usaha demikian, tegasnya memerlukan modal yang agak besar.

Berbeza dengan golongan pekedai/peniaga, kebanyakan pekerjaan sampingan yang dilakukan oleh golongan pesawah tidak memerlukan modal tetapi tenaga fizikal mereka. Misalnya pekerjaan seperti buruh kasar kampung dan buruh binaan. Tetapi, biarpun menjalani pekerjaan sampingan

sedikit-sebanyak dapat membantu meredakan beban kewangan seseorang, namun kedudukan sosio-ekonomi mereka masih kurang memuaskan. Selain dari itu, sebahagian besar penduduk pula tidak terlibat dalam kegiatan sambilan. Keadaan ini dapat diterangkan dengan melihat kepada beberapa faktor.

Masalah utama yang dihadapi oleh penduduk KPJ ialah peluang pekerjaan yang terhad. Seperti yang telah dibincangkan terlebih awal, pendapatan yang rendah telah menghadkan keupayaan menabung. Kekurangan modal juga menjadi penghalang dalam usaha memasuki satu-satu bidang baru. Misalnya untuk membeli ayam-itik, mula-mula perlu dibina reban. Kemudian, setiap hari ayam-itik ini perlu diberi makan. Jikalau pendapatan keluarga itu sekadar dapat menampung perbelanjaan rumah-tangga tersebut, maka sudah tentu ini adalah di luar kemampuannya.

Modernisasi juga didapati mempunyai kesan sampingan buruk ke atas KPJ. Bertambahnya penggunaan jentera seperti trektor dan mesin menuai di dalam pengeluaran padi telah mengwujudkan penggantian tenaga manusia dengan mesin. Ini merupakan pukulan hebat ke atas buruh upahan yang tidak bertanah yang terpaksa bergantung ke atas pengeraaan tanah orang lain. Oleh itu, mereka terpaksa melakukan kerja-kerja kasar di kampung sebagai menebus kehilangan sumber pendapatan tersebut. Tetapi seperti diketahui umum kerja di kampung adalah terhad.

Pelajaran yang rendah di kalangan penduduk juga merupakan satu masalah. Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketiadaan kemahiran atau pengetahuan dalam bidang-bidang pekerjaan tertentu. Ringkasnya, peluang pekerjaan di luar sektor pertanian agak sempit dan terbatas. Satu

alternatif pekerjaan bukan-pertanian yang popular ialah buruh binaan. Tetapi masalahnya ialah industri pembinaan amat bergantung kepada permintaan terhadap rumah atau bangunan. Diberi keadaan ekonomi sekarang, industri pembinaan juga sedang menghadapi masalah. Ia tidak dapat memberi jaminan hidup sebagai satu mata pencarian tetap.

Di kalangan buruh kerajaan ataupun swasta dan pekerja kerajaan lain, masa kerja yang tetap yang panjang juga tidak menggalakan untuk berkecimpung dalam kerja lain. Keadaan adalah lebih buruk lagi di kalangan pekerja kilang. Masa kerja yang tidak tetap - bergantung kepada giliran ('shift') - juga menghadkan peluang untuk bergiat dalam kerja sampingan lain.

Umumnya, pekerjaan penduduk KPJ adalah sempit skopnya. Ini lazimnya melibatkan pekerjaan pertanian khasnya penanaman padi dan kerja-kerja buruh yang tidak memerlukan pelajaran yang tinggi atau kemahiran tertentu. Pendek kata, pekerja KPJ boleh digolongkan ke dalam kategori pekerja pendapatan rendah.

Setakat ini, telah diperhatikan bahawa walupun KPJ menampakkan kesan-kesan modenisasi dari segi infrastruktur seperti kemudahan asas dan penggunaan teknologi moden dalam pengeluaran padi, namun tahap kemajuan yang dicapai masih kurang memuaskan, lebih-lebih lagi dalam bidang ekonomi.

Memandangkan latihan ini adalah satu latihan yang pendek maka ingin ditegaskan bahawa apa yang akan dianjurkan adalah kemungkinan-

kemungkinan yang difikirkan sebagai sebab berlakunya keadaan ini. Oleh itu ianya adalah terpulang kepada pembaca sendiri untuk membuat kesimpulan masing-masing.

Tuduhan yang lazim dilemparkan dalam memperkatakan kemunduran orang Melayu khasnya, ialah sikap fatalis dalam bentuk ugama. Pendokong idea ini biasanya adalah penulis-penulis Barat misalnya Parkinson dan Swift yang jelas tidak tahu-menahu mengenai ajaran Islam. Sesungguhnya pendapat ini adalah agak dangkal dan kurang memuaskan.

Mohd. Fauzi Yaacob menyatakan,

*"Hakikat bahawa wujudnya sikap fatalis di kalangan orang Melayu adalah diakui. Penyataan penyataan pada sikap demikian banyak sekali dapat dikesan dalam tuturkata dan geraklaku mereka sebagaimana yang ternyata dalam konsep 'nasib' dan 'rezeki'."*⁷

Beliau seterusnya menunjukkan dengan jelas bahawa ajaran ugama Islam itu sendiri tidak menyebabkan wujudnya sikap fatalis ini tetap salah tafsiran ajaran Islam, khasnya berhubung dengan doktrin kadar dan kadza⁸.

Sementara dalam sebuah artikelnya, Syed Husin Ali pula menyatakan bahawa konsep 'nasib' dan 'rezeki' mungkin menerangkan mengapa kebanyakan petani-petani miskin menerima sahaja keadaan mereka tanpa banyak persoalan

⁷ Ibid., ms. 180.

⁸ Untuk penerangan lanjut mengenai Doktrin Kadar dan Kadza, lihat, ibid., ms. 108 - 112.

akan tetapi tidak boleh dianggap sebagai punca kemiskinan⁹. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa ianya mempunyai pengaruh terhadap pandangan masyarakat ini biarpun secara tidak langsung.

Konsep 'merancang' jarang diperhatikan di kalangan penduduk KPJ. F.G. Bailey¹⁰ mengatakan bahawa,

"No peasant thinks in terms of five-year plans. I would argue that the idea of planning can exist only in those cognitive maps which include the idea of man in control of predictable and controllable inapersonal forces."

Tambah beliau, kenyataan demikian sekali imbas kelihatan salah sebab tidak ada petani yang dapat terus hidup jika mereka tidak merancang sumber pengeluarannya.... dan pada peringkat yang paling simpel perancangan dapat diperhatikan dalam penyimpanan benih untuk tanaman bagi musim akan datang. Tetapi jelas Bailey lagi,

"But I would argue, such activities are not to be considered planning in the way in which that word is used in for example, the phrase 'five-year plan'."

Mungkin apa yang ingin dikemukakan oleh Bailey ialah bahawa terdapat kecenderungan berfikir dalam jangkapendek. Sikap ini dengan

⁹ "Land Concentration and Poverty Among Rural Malays", dalam Nusantara, Bil. 1, Januari 1972, ms. 113.

¹⁰ 'The Peasant View of Bad Life' dalam Peasants and Peasant Societies, T. Shanin (ed.), Penguin Books, England, 1971, ms. 313 - 315.

sendirinya bukan bersifat tidak ekonomik ataupun tidak rasional. Tetapi, jika ia dilihat dalam konteks masyarakat am, yang juga terdiri daripada mereka yang berorientasikan pemikiran jangka panjang serta 'competitive' sudah tentu kecenderungan tersebut merupakan satu kelemahan.

Berbalik kepada cerita mengenai pembelaan ayam terlebih awal tadi. Apabila ditanya sebab tidak berbuat demikian (iaitu, sebagai kerja sambilan), selain daripada batasan kewangan, ada juga yang mengatakan bahawa takut kalau-kalau mengidap penyakit nanti. Lazimnya, penyakit seperti sampar ('ranikhet') dan puru mudah berjangkit dan mungkin memusnahkan keseluruhan ternakan. Keadaan ini mungkin disebabkan sikap tidak berani mengambil risiko sebab kurang pengetahuan ataupun pengalaman serta tidak sanggaup menanggung kerugian. Tambahan pula sikap ini diperkuatkan lagi oleh pandangan bahawa kesejahteraan atau keselamatan ('security') hidup lebih dipentingkan walaupun betapa minima sekali pun daripada mendedahkannya kepada risiko biarpun dengan harapan mendapat keuntungan kelak.

Selain dari itu, kekurangan informasi mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang diberi oleh kerajaan mungkin juga satu faktor penting. Ini bermakna bahawa walaupun pada dasarnya polisi-polisi kerajaan mempunyai tujuan yang mulia namun kemungkinan pada peringkat implementasi pula, ia tidak dinikmati atau tidak sampai kepada kumpulan sasarannya. Memandangkan hakikat ini, perlu ditegaskan bahawa pelancaran sesuatu projek atau kewujudan satu-satu perkhidmatan tidak bermakna bahawa objektif polisi tersebut telah dicapai. Ia sesungguhnya hanyalah penjelmaan dari

kertas dan dakwat kepada bentuk fizikal semata-mata. Tetapi yang mesti dijadikan kayu ukurnya ialah setakat mana atau sejumlah mana penduduk telah menerima kemudahan tersebut. Oleh itu agen-agen kerajaan haruslah menggiatkan usaha-usaha menyebarkan informasi atau keterangan yang berkenaan khasnya tepat kepada kumpulan sasaran. Selain dari masalah komunikasi, masalah pelajaran rendah di pihak petani perlu juga ditekan. Mereka merasa kekok dan masih tidak biasa dengan konsep 'birokripsi' seperti dalam permohonan menyertai sesuatu projek atau peminjaman wang dari institusi tertentu.

Namun demikian, faktor sejarah juga tidak boleh diketepikan. Penjajahan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap masyarakat Malaysia amnya dan dalam konteks ini, masyarakat Melayu. Fakta bahawa mereka telah dibiarkan menjalani kegiatan tradisi, iaitu pertanian, sementara sebahagian penduduk lain berusaha-giat dalam memperolehi kekayaan menyebabkan mereka tertinggal belakang. Oleh itu, kebelakangan ini, dengan bertambahnya usaha kerajaan menyusun-semula struktur masyarakat, maka adalah diharap usaha tersebut akan menemui kejayaan. Sesungguhnya, pihak penerima mempunyai peranan penting, iaitu menggunakan dengan sepenuhnya segala kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kerajaan. Tanpa penggunaan kemudahan ini yang bijak, maka segala usaha kerajaan adalah disia-siakan sahaja.

Mungkin juga satu petanda yang menunjukkan bahawa golongan yang tahu menggunakan punca-punca pengeluaran wujud di KPJ dan diharap akan bertambah lagi ialah golongan pekedai/peniaga yang menikmati keadaan

hidup yang lebih baik. Sikap individualisma demikian patutlah digalakkan sebagai usaha membawa perubahan di satu-satu masyarakat.

Sebagai penutup, perlu juga ditegaskan bahawa kejayaan hidup seseorang, jika tidak dalam semua kes tetapi sekurang-kurangnya dalam kebanyakan kes, 'berada dalam tangan individu tersebut.' Ianya terpulang kepada keutamaan (priorities) seseorang individu dan oleh itu ianya amatlah subjektif. Tambahan pula, kejayaan untuk seseorang mungkin hanya merupakan sebahagian kecil kejayaan orang lain.

BIBLIOGRAFI

UMUM

1. ANAND, S.
1983
Inequality and Poverty in Malaysia
Measurement and Decomposition,
Oxford University Press, Washington D.C.
2. AWANG HAD SALLEH
1974
Pelajaran Perguruhan Melayu di Malaya,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
3. AZIZ ABD. HAMID, UNGKU
1975
Jejak-jejak di Pantai Zaman, Penerbit
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. BAILEY, F.G.
1971
"The Peasant View of Bad Life", dalam
Peasants and Peasant Societies,
T. Shanin (ed.), Penguin Books,
England.
5. BAILEY, L.C.
1980
Social And Economic Organization in
Rural Malay Society, Ann Arbor,
Michigan.
6. BURGESS, E.W. dan LOCKE, H.J.
1960
The Family, American Book Co., New York.
7. DJAMOUR, J.
1959
Malay Kinship and Marriage in Singapore,
University of London, The Athlone Press,
New York.
8. GOODE, W.J. dan HATT, P.K.
1952
Methods In Social Research, McGraw-Hill
Book Co., U.S.A.

9. HENRY, R.N.
1963 "Participation and Initiative of the Local People", dalam Social Research and Problems of Rural Development in South East Asia, Vu Quoc Thuc (ed.), Vietnamese National Commission for UNESCO, Belgium, 1963.
10. JOHNSON, H.M.
1961 Sociology: A Systematic Introduction, Routledge and K. Paul, London.
11. KEMENTERIAN PELAJARAN
1968 Education in Malaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
12. LIPTON, M.
1983 Labour and Poverty, World Bank, Washington.
13. MADGE, J.
1953 The Tools of Social Science, Longman, London.
14. SWIFT, M.G.
1965 Malay Peasant Society in Jelebu, University of London, The Athlone Press, London.
15. SYED HUSIN ALI
1964 Social Stratification in Kampung Bagan, Monographs of the Malayan Branch Royal Asiatic.
16. SYED HUSIN ALI
1977. Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
17. TOWNSEND, P.
1970. The Concept of Poverty, Heinemann, London.

18. WILSON, P.

1968

A Malay Village and Malaysia, Social Value and Development, Harf Press, New Haven.

19. YORAM BEN-PORATH

1982

Population and Development Review - Income Distribution and Family, The Population Council Inc., U.S.A.

JURNAL DAN MAJALAH

1. AZIZ BIN ABD. HAMID, UNGKU

Jun 1964

"Poverty and Rural Development in Malaysia", Kajian Ekonomi Malaysia Vol.1, No.1.

2. DANIEL, J.R.

1981

"A General Survey on Education Amongst the Malaysian Indian Plantation Community", Malaysia In History, Journal of the Malaysian Historical Society, Kuala Lumpur.

3. DANIEL, J.R.

1978

"A Socio-Economic Study of the Indians in the Rubber and Oil-Palm Estates In the States of Perak and Selangor", M.A. Thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.

4. IDRIS YAHYA

Januari 1975

"Perpecahan Tanah dan Masalahnya", Dewan Masyarakat.

5. KEN'ICHI TOMINAGA et. al.

Mac 1970

"The Modernization and Industrialization of Thai Society: A Sociological Analysis", East Asian Cultural Studies Vol.IX, No. 1 - 4.

6. PARKINSON, B.
1967 "Non-Economic Factors in the Economic
Retardation of the Rural Malays",
Modern Asian Studies, Vol.1, No.1.
7. WILDER, W.
1968 "Islam, Other Factors and Malay
Backwardness: Comments On An
Argument", Modern Asian Studies,
Vol.2, No.2.

KERTAS KERJA

1. AMIR HUSSIN BAHARUDDIN
1978 "Poverty Eradication on Small Farms:
A Critical Appraisal of Farm Intensity
and Intergrated Approach", dalam Fifth
Malaysian Economic Convention, Anjuran
Persatuan Ekonomi Malaysia Pulau Pinang.
2. AWANG HAD SALLEH
1983 "Aspek Pendidikan Dalam Kemiskinan",
dalam Seminar Kemiskinan Luar Bandar,
Anjuran Institut Pertanian Malaysia,
Alor Star.
3. ISHAK SHAARI & JOMO, K.S.
1983 "Apakah DEB dapat mencapai Perpaduan Negara:
Pembangunan dan Ketidaksamaan 25 Tahun
Selepas Merdeka", dalam Seminar
Modenisasi dan Keperibadian Budaya-
Bangsa, Anjuran Persatuan Sains Sosial
Malaysia, Kuala Lumpur.
4. SYED HUSIN ALI
1980 "Peasants In Malaysia: Problems,
Movements and Resistance", Conference
on Development, The Peasantry and
Development in the ASEAN Region,

Anjuran Jabatan Antropologi dan
Sosiologi, Universiti Kebangsaan
Malaysia, Bangi.

5. SYED HUSIN ALI
1983 "Aspek-aspek Kemiskinan dari Sudut
Sosiologi", dalam Seminar Kemiskinan
Luar Bandar, Anjuran Institut Pertanian
Malaysia, Alor Star.

LATIHAN ILMIAH

1. HUSSEIN MUHAMMAD
1971 "Struktur dan Organisasi Sosio-Ekonomi
Kawasan Majlis Kampung To'Uban,
Pasir Mas, Kelantan", Jabatan Pengajian
Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. MAZIDAH ZAKARIA
1967 "Susunan Ekonomi dan Sosial Kampung
Changkat Larang, Kawasan Simpanan Melayu
Perak" ,Tesis M.A: ,Universiti
Malaya.
3. MOHD. FAUZI YAACOB
1969 "Agama dan Usaha dalam Lapangan Ekonomi
di Kalangan Orang-orang Melayu" ,
Tesis M.A., Universiti Malaya.

BAHAN PERCETAKAN KERAJAAN

1. MALAYSIA
1976 "Rancangan Malaysia Ketiga", Jabatan
Percetakan Negara, Kuala Lumpur.
2. _____
1981 "Rancangan Malaysia Keempat" ,Jabatan
Percetakan Negara, Kuala Lumpur.

SURATKHABAR

1. "Shift In Padi Strategy", dalam New Sunday Times, August 18, 1985, m.s. 16.
2. "Why Hard-Core Farm Poverty Still Exists", dalam New Sunday Times, September 22, 1985, m.s. 3.

LAIN-LAIN

1. Buku Panduan Guru, Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, Penaga, 1985.
2. Profail Daerah, Pejabat Daerah, Butterworth, 1985.
3. Penyata Mesyuarat Agung, PIBG Sekolah Kebangsaan Permatang Janggus, 1985.